

Bil. 1

**Selasa
15 Februari 2000**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEPULUH
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

MENGANGKAT SUMPAH	(Halaman 1)
PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:	
- Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru	(Halaman 1)
- Titah Ucapan Diraja	(Halaman 1)
- Memperkenankan Akta-akta	(Halaman 1)
- Perutusan Daripada Dewan Negara	(Halaman 2)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 2)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 15)
USUL-USUL:	
Jalan-jalan Masuk Ke Parlimen	(Halaman 15)
Jawatankuasa Pemilih – Perlantikan Ahli-ahli	(Halaman 16)
Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara – Perlantikan Pengerusi dan Naib Pengerusi	(Halaman 17)
Pertubuhan Antarabangsa Parlimen-Parlimen ASEAN (AIPO) Cawangan Malaysia – Perlantikan Ahli	(Halaman 22)
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong - <i>Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah</i>	(Halaman 22)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

- Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai) , ,
- " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- " Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- " Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- " Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Stampin)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingham, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Tuan A. Bakar bin Haji Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)

- Yang Berhormat Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)

- Yang Berhormat Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N.
(Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N.,
P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala
Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J.,
K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak,
P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N.
(Machang)
- “ Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M.,
(Balik Pulau)
- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah
Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)

- Yang Berhormat Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- " Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- " Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- " Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- " Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- " Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- " Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- " Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- " Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- " Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- " Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- " Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- " Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- " Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- " Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- " Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- " Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- " Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- " Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- " Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- " Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- " Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- " Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- " Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- " Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- " Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- " Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- " Dato' Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- " Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
- " Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- " Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)

- Yang Berhormat Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Senator)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Khairul Azila binti Haji Khairuddin
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Kasih binti Sulaiman (Tribunal Perkhidmatan Awam)
Mashitah binti Kamaruddin (Tribunal Perkhidmatan Awam)
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 15 Februari 2000****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

1. Y.B. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang.
2. Y.B. Tuan Mustafa bin Ali.

PEMASYHURAN TUAN YANG DIPERTUA**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dipilih itu dapat memberikan sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya, dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan penuh daya dan cemerlang.

TITAH UCAPAN DIRAJA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya maklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 14 Februari 2000 Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas meja mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

[Teks Titah Ucapan adalah dilampirkan]

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 1999;
2. Akta Perbekalan Tambahan 1999 (No. 2) 1999;
3. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) (No.2) 1999; dan
4. Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1999

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu keputusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen penggal yang lalu. Saya menjemput Setiausaha membaca perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membaca Perutusan]

Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada Dewan Rakyat

“Tuan Yang di-Pertua, Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. DR.30/99 – Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 1999;
2. DR.29/99 – Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1999 (No.2) 1999;
3. DR.31/99 – Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No.2) 1999; dan
4. DR.32/99 – Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 1999.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupa]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) adakah kementerian sedar iaitu masyarakat bumiputera menghadapi bermacam-macam kesulitan apabila berurusan dengan kementerian. Adakah masalah ini akan diatasi supaya peluang bumiputera terbuka luas dan yang kurang kemampuan diberi peluang; dan
- (b) tahun 2020 adalah wawasan negara Malaysia. Apakah tindakan secara menyeluruh dibuat oleh kementerian agar masyarakat bumiputera boleh bersaing dalam bidang ekonomi.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kewangan sentiasa prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh usahawan dan syarikat bumiputera yang berurusan dengan kementerian ini. Kementerian juga sentiasa berusaha ke arah membantu usahawan bumiputera serta mempertingkatkan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan dengan cara mendapatkan maklum balas serta mengadakan pertemuan dengan agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan.

Di samping itu, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan pegawai-pegawai kementerian juga mengadakan perjumpaan dengan masyarakat perdagangan bumiputera (MPB) dari masa ke semasa. Kerajaan bantu usahawan dan syarikat bumiputera dengan mengadakan peraturan-peraturan baru di samping mengkaji semua peraturan yang sedia ada bagi memberi keringanan kepada usahawan dan syarikat bumiputera. Dasar-dasar perolehan kerajaan yang ditetapkan seperti dasar memberi keutamaan kepada bumiputera serta dasar-dasar lain telah memberi kemudahan kepada semua usahawan termasuk usahawan bumiputera.

Oleh hal yang demikian, kontraktor bumiputera akan diberi keutamaan untuk melaksanakan projek pembangunan kerajaan. Di samping itu, untuk membantu kontraktor menyelesaikan masalah aliran tunai, kerajaan juga telah melonggarkan beberapa program kontrak seperti menggantikan jaminan bank dengan jaminan wang pelaksanaan, memberikan bayaran pendaharuan sebanyak 15% dan menyelesaikan bayaran sebanyak 50% dalam tempoh 14 hari daripada tarikh tuntutan diterima.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, semua program kerajaan adalah terbuka kepada semua usahawan mengikut syarat-syarat tawaran yang ditetapkan termasuk bidang-bidang serta kelas pendaftarannya sama ada berdaftar dengan Kementerian Kewangan atau dengan Pusat Khimat Kontraktor atau dikenali dengan (PKK). Penetapan syarat ini adalah dengan mengambil kira kelayakan, kesesuaian, kedudukan kewangan dan keupayaan sesebuah syarikat dalam menyertai program kerajaan.

- (b) Tuan Yang di-Pertua, dasar-dasar perolehan kerajaan yang sedia ada akan dikekalkan dengan tujuan membantu usahawan dan syarikat bumiputera untuk terus bersaing dalam pasaran terbuka sehingga tahun 2020. Pihak kerajaan juga sentiasa mengambil berat tentang kepentingan bumiputera supaya mereka mampu bersaing dengan rakan-rakan masyarakat perdagangan daripada golongan bukan bumiputera. Sebagai contoh, kerajaan telah mewujudkan Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) pada tahun 1989 dengan peruntukan dana berjumlah RM500 juta bagi membantu usahawan bumiputera yang menghadapi masalah kewangan akibat daripada kemelesetan ekonomi pada pertengahan tahun 1980-an.

Kerajaan juga pada 10 Februari 2000 telah melancarkan penubuhan Tabung Projek Usahawan Bumiputera (TPUB) yang bertujuan untuk menyediakan pembiayaan pada kos berpatutan bagi membolehkan usahawan bumiputera yang berdepan dengan kesukaran mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan untuk mengusahakan projek baru atau meneruskan projek berdaya maju mereka. Tabung ini diperuntukkan dana berjumlah RM30 juta yang mana RM100 juta dan dihadkan kepada sektor pembinaan.

Di samping itu, masyarakat bumiputera juga harus mempertingkatkan ketahanan diri bagi mengharungi pasaran global dan cabaran tahun 2020.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalah tambahan. Adalah didapati bahawa masyarakat bumiputera telah terjejas dengan begitu teruk sekali akibat daripada kegawatan ekonomi. Jadi, saya ingin tahu sejauh manakah dan adakah kementerian telah membuat kajian berhubung dengan unjuran kejatuhan ekuiti bumiputera di dalam semua sektor. Dan juga saya ingin tahu apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian kepada pemborong-pemborong bumiputera yang mana selepas mereka ini dibantu dengan begitu banyak projek pembangunan oleh pihak kerajaan, kemudian menikam balik ataupun membuat bermacam-macam fitnah kepada kerajaan?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, Kongres Bumiputera baru sahaja selesai dijalankan dan masalah yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi telah juga diketengahkan. Lapornya sedang pun diedarkan dan kita akan memastikan bahawa resolusi-resolusi daripada kongres itu akan kita ambil tindakan daripada pihak kementerian dan juga daripada pihak jabatan.

Mengenai bumiputera yang telah ditolong tetapi menikam balik kerajaan, suka saya memetik surah Ibrahim – Yang Berhormat bagi Kepong, dahulu surah rujuk surah Al-Baqarah, kali ini surah Ibrahim. *[Membaca sepotong ayat Al-Ouran]* Mafhumnya, "Ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu dan sesungguhnya jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmatKu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur, engkar sesungguhnya azabKu amatlah keras".

Kalau kita lihat pada segi hukamak ataupun para cendekiawan yang menyatakan *[Membaca dalam bahasa Arab]*. Bermakna "Barangsiapa tidak bersyukur sesama manusia, dia tidak akan bersyukur kepada Tuhan." Allah S.W.T. Maha Pengasih dan Maha Penyayang apa sahaja yang diminta oleh hambaNya ditunaikanNya, insya-Allah. Hendak minta baik diberi baik, hendak minta jahat pun diberi jahat, dimakbulkannya. Tentunya balasannya di akhirat nanti kerana manusia ini lebih tinggi martabatnya daripada haiwan.

Untuk kerajaan, kita akan berusaha supaya untuk memberikan segala apa yang boleh kepada bumiputera dan kita berdoa lah semoga taufik dan hidayah yang diberi oleh Allah untuk mereka.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, ayat itu boleh juga diguna di Kelantan dan Terengganu. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan di antara tugasnya membantu bumiputera. Tetapi kebelakangan ini rungutan daripada bumiputera terutamanya peniaga-peniaga daripada UMNO sendiri iaitu dasar-dasar bank terutama Bank Bumiputra sendiri yang sekarang jadi Bumiputra-Commerce Bank memberi pinjaman kepada peniaga-peniaga bumiputera begitu sukar sekali, seolah-olah telah lari daripada dasar Bank Bumiputra itu diwujudkan. Ini rungutan peniaga-peniaga daripada UMNO sendiri. Jadi, persoalan saya, apakah Kementerian Kewangan sekarang tidak ada keupayaan untuk mengawal membantu bumiputera. Misalnya, dahulu Menteri Kewangan kata hendak diwujudkan enam bank tetapi tekanan daripada tauke-tauke akhirnya jadi 10 bank. Ini bermakna Kementerian Kewangan loose, tidak berkuasa untuk membantu bumiputera. Jadi, minta penjelasan tentang rungutan tentang bumiputera dari segi larinya dasar-dasar Kementerian Kewangan kontrol bank terutama sekali dalam memberi pinjaman kepada bumiputera termasuk bumiputera UMNO yang banyak membuat pinjaman? *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat, kawan lama saya. Jadi, apa yang berlaku sekarang ini jika bumiputera memohon kepada bank yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi susah hendak mendapat pinjaman bolehlah bumiputera itu merujuk kepada saya. Apa yang kita adakan sekarang ini ialah satu unit di Bank Negara untuk melihat masalah-masalah

seperti ini supaya dapat Bank Negara menganalisa dan memanggil bank berkenaan kenapa peruntukan atau permohonan yang dipohon itu tidak dapat diperolehi.

Seperti mana saya katakan tadi selain daripada itu kita telah mengadakan dua lagi tabung. Jadi, jika bumiputera itu mendapat projek misalnya, tidak ada pembiayaan, daripada sukar untuk mendapatkan pembiayaan daripada bank-bank yang berkenaan kita akan bagi satu tabung yang dikhususkan daripada Bank Negara untuk memberikan pembiayaan kepada projek berkenaan. Banyak lagi yang telah saya katakan tadi dan kita akan bantu dan terus membantu.

2. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada terdapat sebarang kajian atau penilaian dilakukan untuk menentukan keberkesanan Program Rakan Muda dalam membantu mengurangkan gejala sosial yang tidak diinginkan di kalangan remaja. Apakah aktiviti-aktiviti menarik di bawah Program Rakan Muda yang disusun sempena Tahun 2000.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, Program Rakan Muda adalah program pembangunan generasi muda buat jangka panjang. Ia adalah sebuah program untuk melahirkan warganegara yang dapat menyumbang kepada kemajuan sosio-ekonomi. Sesungguhnya Program Rakan Muda lebih bersifat preventif ataupun penghindaran dari gejala negatif dan ianya tidak menjadi matlamat khususnya untuk menyelesaikan masalah dan gejala sosial di kalangan remaja.

Kajian impak keberkesanan Program Rakan Muda dalam konteks mengurangkan gejala sosial yang tidak diinginkan di kalangan remaja kita belum lagi dijalankan. Walau bagaimanapun, penilaian terhadap kaedah pelaksanaan dan penerimaan Program Rakan Muda tetap dijalankan dari semasa ke semasa. Pada tahun ini Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama institut pengajian tempatan akan mengadakan satu kajian yang menyeluruh terhadap Program Rakan Muda dari segi impak kepada pembangunan generasi muda terutama yang melibatkan perubahan sikap, pengisian masa lapang dan faedah kepada pembangunan sosio-ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun ini, Kementerian Belia dan Sukan akan memperkenalkan Program Rakan Muda bandar raya. Ianya merupakan salah satu langkah untuk memperluaskan lagi pelaksanaan Program Rakan Muda sektor kemajuan tanah, sektor institusi pengajian tinggi dan sektor industri di samping terus melaksanakan program yang sedia ada.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Adakah Kementerian Belia dan Sukan menyediakan satu tabung khas untuk memberi bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan sukan di seluruh negara kita kerana saya difahamkan, majoriti persatuan-persatuan sukan setiap tahun perlu meminta derma dari individu ataupun daripada sektor swasta iaitu sangat sulit untuk mereka mengadakan aktiviti-aktiviti untuk mempromosikan sukan tertentu. Sekian, terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, walaupun apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibu tadi agak terkeluar daripada rangkuman rakan muda, tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang berkenaan dan Dewan yang mulia ini, setiap tahun untuk aktiviti sukan tetap ada peruntukan yang disediakan, walaupun pada ketika ini setiap acara sukan itu dapat bantuan dari pihak korporat sepertimana yang disarankan tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibu.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya ingin dapat maklumat daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang sejauh manakah kerjasama daripada pihak kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dalam pelaksanaan Program Rakan Muda seperti dapat kerjasama dari pihak kerajaan negeri untuk mendapatkan tanah-tanah untuk projek wisma atau pusat rakan muda dan dapat kerjasama daripada pihak berkuasa tempatan untuk mendapatkan

kerjasama daripada pemaju-pemaju untuk menyediakan kemudahan-kemudahan sukan di taman-taman perumahan, supaya kita dapat mewujudkan Program Rakan Muda yang lebih efektif.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah tadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, setakat ini permuafakatan yang diberikan oleh kerajaan negeri dan kerajaan tempatan pada keseluruhannya adalah memuaskan, walaupun masih terdapat masalah yang tertentu.

Namun demikian, saya juga ingin melahirkan perasaan dukacita tentang tingkah laku dan juga keputusan kerajaan negeri PAS yang kini menerajui Kelantan dan Terengganu yang secara lantang membuat keputusan tidak sedia memberikan sebarang kemudahan ataupun kelulusan tanah untuk menjayakan Program Rakan Muda ini.

3. **Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Perdana Menteri menyatakan, memandangkan HAWA telah dipindahkan bidang kuasanya ke Jabatan Perdana Menteri, maka apakah perancangan-perancangan yang sedang diatur untuk mengangkat martabat wanita di alaf baru ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, berkat usaha dan komitmen yang sungguh-sungguh dari kerajaan, wanita Malaysia telah mendapat kejayaan dalam pelbagai bidang seperti mana yang kita pada hari ini. Keadaan wanita di negara ini ternyata lebih baik berbanding dengan wanita negara lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak pengisytiharan Dekad Wanita pada tahun 1975 hingga 1985, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi meningkatkan martabat wanita. Usaha-usaha ini terserlah dengan penggubalan Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita, peruntukan undang-undang bagi melindungi wanita dari dianiaya dan pelbagai program dan aktiviti bagi meningkatkan taraf wanita dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, kesihatan, undang-undang dan ekonomi termasuklah mengadakan program-program khusus bagi melepaskan mereka dari cengkaman kemiskinan dan kedaifan.

Namun begitu, perjuangan kita belum selesai. Pemindahan HAWA ke Jabatan Perdana Menteri dengan sendirinya telah mencerminkan bahawa kerajaan menjadi lebih peka dengan tuntutan-tuntutan baru atau, dengan izin, emerging issues, kaum wanita yang mendapati diri mereka semakin mempunyai potensi yang tinggi untuk menyumbang kepada sektor-sektor moden yang boleh membawa manfaat kepada diri, masyarakat dan negara.

Kerajaan sedar akan hakikat bahawa wanita di alaf baru perlu diberi peluang yang sama untuk berganding bahu dan menjadi rakan kongsi yang produktif dengan kaum lelaki dalam membangunkan negara. Di bawah Jabatan Perdana Menteri, HAWA akan lebih berupaya bukan sahaja untuk meneruskan program-program yang telah dirancang sehingga tahun 2000 seperti yang digariskan oleh Pelan Tindakan Pembangunan Wanita, tetapi yang pentingnya HAWA akan berusaha untuk membuat perubahan yang boleh membawa impak yang lebih berkesan kepada kumpulan sasarannya iaitu wanita dan keluarga mereka termasuklah kaum lelaki.

Kerajaan berpendapat bahawa apabila wanita dibangunkan, bukan wanita itu sahaja yang mendapat faedah, malah seluruh keluarga, suami dan anak-anak serta komuniti akan turut menikmati manfaatnya. Bagi tujuan ini, HAWA akan memperhebat dan mempergiatkan lagi usaha untuk meningkatkan kesedaran kesemua lapisan masyarakat terutama perancang dan pembuat dasar akan peranan penting yang boleh dimainkan oleh wanita dalam pembangunan negara sekiranya mereka diberi peluang untuk berbuat demikian.

Memandangkan buat masa ini, kaum lelaki merupakan golongan yang lebih ramai berada di peringkat tertinggi, amat kritikal untuk mereka memahami tujuan sebenar konsep perjuangan wanita di Malaysia dan mengambil kira perspektif wanita dalam merancang dan menggubal dasar dan mengimplementasinya dengan cara efektif.

Tuan Yang di-Pertua, isu wanita dalam pembangunan merupakan isu masyarakat. Di sini suka saya nyatakan bahawa usaha membangunkan wanita di negara kita akan mengambil kira peranan tradisional wanita sebagai isteri dan ibu. Pembelaan wanita akan berpaksikan nilai dan adat resam positif yang diamalkan oleh masyarakat kita dan tetap akan berlandaskan acuan kita sendiri. Ini akan menentukan bahawa wanita bukan hanya boleh menjadi pekerja yang produktif, tetapi boleh menjadi seorang ibu, isteri dan insan yang mulia di dunia dan di akhirat. Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat apakah peranan yang dijalankan oleh kementerian ke arah untuk menyedarkan masyarakat kepada isu-isu mengenai wanita iaitu *gender sensitization* dapat dijalankan oleh pihak kementerian dan apakah peranan-peranan yang dapat dijalankan oleh kementerian supaya menyedarkan mereka yang terlibat dalam bidang pekerjaan supaya menyedari dan memberi sokongan kepada perjuangan kaum wanita.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, pihak HAWA telah pun menjalankan beberapa program yang dinamakan, dengan izin, *gender sensitization programme*. Namun begitu kita dapati bahawa kesannya begitu lemah. Walaupun Malaysia mempunyai satu dasar wanita dan pelan tindakan pembangunan wanita, pihak HAWA dapati bahawa implementasinya tidak menyeluruh, insya-Allah apabila HAWA telah pun dipindah di bawah Jabatan Perdana Menteri, maka seperti mana saya katakan tadi, mungkin lebih berupaya kita akan menentukan bahawa pelan tindakan pembangunan ini akan dapat dimasyarakatkan, diturunkan ke akar umbi supaya semua lapisan masyarakat termasuk mereka yang membuat dasar, membuat keputusan akan mengambil kira faktor wanita ini dalam pembangunan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kita berharap Ahli-ahli Yang Berhormat boleh menumpu perhatian kepada masalah HAWA sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat terangkan mengapa HAWA ini ditendang seperti bola sepak daripada Jabatan Perdana Menteri kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, kemudian ditendang balik kepada Jabatan Perdana Menteri. Adakah ini kerana sikap di dalam kerajaan itu tidak begitu berkesan, sikap yang negatif dan bolehkah Yang Berhormat terangkan di dalam Jabatan Perdana Menteri sendiri, apakah sikap mengenai HAWA, mengenai isu-isu wanita termasuk tindakan dengan pelan tindakan yang diambil mengenai CEDAW, itu satu conference di Beijing untuk menghapuskan segala diskriminasi terhadap wanita tetapi apakah tindakan yang telah diambil untuk mematuhi peruntukan-peruntukan ataupun keputusan-keputusan dibuat di CEDAW?

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa Ahli Yang Berhormat dari Kepong sentiasa mempunyai niat tidak begitu baik tentang wanita. Kalau Ahli Yang Berhormat kata, HAWA ditendang ke situ ke sini, saya ingin menyatakan di sini, kalau kita main bola, kita hendak gol, betul atau tidak Yang Berhormat?

Saya hendak katalah kitalah menang, dapat gol satu, dapat diangkat masuk sebagai salah satu jabatan di Jabatan Perdana Menteri. Jadi, insya-Allah, HAWA telah merangka beberapa program sama ada CEDAW ataupun rancangan-rancangan yang lain, dan tunggu sahajalah wanita akan mara ke hadapan menentukan bahawa Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita itu akan diimplementasikan dengan sebaik mungkin dan kita akan menentukan bahawa di Kelantan dan di Terengganu pun, kesan-kesan positif, rancangan-rancangan baik kerajaan akan dinikmati oleh wanita di Kelantan dan Terengganu. Terima kasih.

4. **Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hutang negara terkini mengikut pecahan hutang dalam dan luar negara serta hutang kerajaan dan swasta dan langkah-langkah yang diambil bagi melangsaikan hutang ini.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, pada akhir bulan September 1999, jumlah hutang luar negara Malaysia berjumlah sebanyak RM165.6 bilion atau AS\$43.6 bilion atau 59% daripada KNK. Manakala hutang dalam negeri adalah sebanyak RM207 bilion.

Untuk hutang luar negara, hutang sektor swasta mencakupi kira-kira 54% iaitu RM90.1 bilion daripada jumlah hutang luar negara, manakala hutang sektor awam merupakan kira-kira 46% ataupun RM75.5 bilion daripada jumlah hutang luar negara.

Objektif utama pengurusan hutang luar negara Malaysia adalah untuk mengawal saiz hutang luar negara pada tahap yang berpatutan demi mengurangkan beban khidmat hutang. Mengikut definisi Bank Dunia, nisbah jumlah hutang luar negara dengan KNK sesebuah negara yang kurang daripada 48% dianggap sebagai negara berhutang rendah, nisbah dalam lingkungan 48% hingga 80% adalah negara berhutang sederhana, manakala lebih daripada 80% merupakan negara berhutang tinggi. Pada akhir September 1999, Malaysia berada dalam kategori negara yang berhutang sederhana.

Langkah-langkah cermat kerajaan yang diambil untuk menyelesaikan hutang luar negara adalah seperti berikut, Kerajaan Persekutuan sentiasa cuba membuat pembayaran hutang luar negara secara terpilih untuk mengurangkan jumlah hutang kerajaan dan beban khidmat bayaran balik hutang. Sebagai contoh, dalam tempoh 1977 hingga 1998, kerajaan telah membuat pembayaran balik awal hutang ataupun prepayment sebanyak RM16.5 bilion.

Kerajaan sentiasa mengawasi dengan teliti perkembangan dalam pasaran kewangan antarabangsa untuk mengambil setiap peluang untuk memperolehi hutang luar negara yang baru dengan syarat yang lebih baik untuk membiayai semula hutang yang sedia ada ataupun refinancing.

Dalam tempoh tahun 1977 hingga 1998, kerajaan telah membiayai semula hutang kira-kira RM10.2 bilion. Dari segi pinjaman sektor swasta, kelulusan Bank Negara diperlukan bagi pinjaman luar negara yang melebihi RM5 juta. Kelulusan hanya akan diberi kepada pinjaman untuk membiayai kegiatan produktif serta projek yang strategik dan juga untuk melabur yang akan menaja pendapatan pertukaran wang asing yang secukupnya untuk menjelaskan hutang-hutang berkenaan.

Tuan Ronald Kiandee: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Hutang sebanyak RM207 bilion merupakan satu jumlah yang besar dari segi perspektif individu tetapi mungkin hutang negara kita jauh lebih kecil dibanding dengan negara-negara yang lain. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sama ada jumlah hutang negara ini merupakan satu pembaziran yang dikatakan tidak dapat dilangsaikan hingga ke anak cucu atau merupakan satu pemangkin, satu keuntungan yang akan memangkinkan ekonomi negara.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, semasa kekuatan ekonomi misalnya, kerajaan telah membuat pinjaman dari pelbagai sumber luar negara yang menampung keperluan kewangan bagi menyokong langkah-langkah *expansionary programme*, dengan izin, yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menjadi pemangkin dan untuk memulih ekonomi kita. Langkah ini juga bertujuan untuk menjana kemasukan wang asing ke dalam negara dan untuk menstabilkan kedudukan rizab mata wang asing dalam negara serta memastikan agar kecairan pasaran dapat dikekalkan supaya sektor swasta terus dapat menerajui pemulihan ekonomi yang dirancang.

Jadi, bagi tempoh 1998 hingga 1999, kerajaan telah menamatkan pinjaman berjumlah kira-kira RM24,175 juta di mana sejumlah RM14,023 juta bagi membiayai

projek-projek pembangunan strategi kerajaan dalam sektor sosial dan pendidikan, infrastruktur dan pembangunan industri yang menjadi sebagaimana Ahli Yang Berhormat katakan tadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi negara jangka panjang.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Apakah hutang yang disebutkan tadi, hutang luar negara adalah sejumlah RM165.5 bilion. Ini adalah untuk tahun 1999, sebanyak manakah pertambahan hutang luar negara bila dibandingkan dengan akhir tahun 1997 dengan akhir tahun 1999.

Yang kedua, banyak journal antarabangsa menyatakan

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan, Sebanyak manakah pertambahan hutang luar negara Malaysia akhir tahun 1997 berbanding dengan akhir tahun 1999. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ada angka bagi tahun 1998 dan 1999, kalau dibandingkan dengan peratusan KNK bagi tahun 1998 ialah sebanyak 60.2% dan juga pada tahun 1999 – 59.0%. tetapi kalau kita perhatikan dari sudut yang lain, seperti mana yang kita katakan *national debt service ratio*, dengan izin, bahawa kita meminjam kurang daripada 6%. Kalau dengan cara *conventionalnya*, 6% ke atas merupakan satu pinjaman yang agak berat, tetapi kita meminjam cuma rendah dari 6% dan bagi pihak kerajaan kita cuma meminjam 0.9% sahaja.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari segi manusia biasa, semua orang meminjam duit, dari segi agama pun kita kadang-kadang berhutang, kalau kita tidak bayar sembahyang kita, kita qada, kalau kita berhutang puasa, kalau tidak mampu bayar kita fidyah dan ada juga di zaman Rasulullah s.a.w. ada para sahabat mengatakan ada seorang Arab yang pergi berjumpa dengan Nabi Muhammad s.a.w. meminta kalau dapat memberi doa supaya dapat diringankan hutang mereka. Jadi, doanya - [*membaca doa dalam bahasa Arab*].

Jadi, ini bermakna bahawa: “Kami memohon agar dilindungi daripada kesusahan hutang dan dikuasai oleh orang-orang lain.” Jadi, kita manusia sememangnya berhutang, tetapi hutang itu dari segi Islam mesti dibayar, insya-Allah dan kita akan cuba sedaya upaya dengan adanya projek-projek strategik seperti ini, kita akan membuat pembayaran awal ataupun repayment. Terima kasih.

5. **Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian]** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan Sistem Saraan Baru (SSB) yang diperkenalkan pada tahun 1992 mendapat rungutan/kritikan dari sebahagian besar kakitangan perkhidmatan awam, adakah kerajaan bersedia untuk mengkajinya semula termasuk jika perlu memansuhkannya dan menggantikannya dengan skim baru.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]: Tuan Yang di-Pertua, Sistem Saraan Baru (SSB) telah dilaksanakan mulai tahun 1992 untuk meningkatkan produktiviti dan memupuk budaya kerja cemerlang di sektor awam. SSB telah diterima dengan baik pada keseluruhannya oleh anggota-anggota sektor awam. Sungguhpun begitu terdapat rungutan mengenai pelaksanaan penilaian prestasi dan pergerakan gaji. Kedua-dua ini sedang dibuat pemantauan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dalam usaha untuk memperbaiki lagi pelaksanaan SSB. Kajian dijalankan dari masa ke semasa bagi mengatasi masalah pelaksanaan yang timbul. Walau bagaimanapun, kerajaan belum bercadang untuk menggantikan SSB dengan satu sistem saraan yang baru.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, benar atau tidak bahawa kaum guru adalah kaum yang

terbeban di kalangan kakitangan kerajaan dengan SSB dan benar atau tidak bahawa SSB ini telah mendatangkan lebih masalah sehingga setengah-setengahnya, menyifatkan sebagai 'kesengsaraan' kerana assessment ataupun kajian-kajian kenaikan pangkat yang boleh diwarnai dengan prasangka dan sebagainya.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa memang tidak ada kepuasan dengan perjalanan skim atau Sistem Saraan Baru ini dan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam sedar bahawa ada yang tidak puas hati dengan saraan baru dalam pelaksanaan skim ini. Jadi, baru-baru ini juga, sistem baru penilaian prestasi yang dimulakan pada 1 Januari 1993 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4/92 yang dijalankan selepas SSB ini telah mendapat satu kajian dalaman iaitu satu kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan sekarang ini kita mempunyai satu sistem semula pengkajian iaitu kerajaan telah memperkenalkan borang laporan penilaian prestasi (LPP) baru yang lebih kemas dan mantap untuk menjalankan apa yang telah dimaksudkan dalam Sistem Saraan baru ini dan saya berharap dengan adanya satu pengkajian ini pegawai kerajaan yang tidak berpuas hati dengan perjalanan skim baru akan dapat merayu kepada pegawai atasan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dinyatakan bahawa SSB ini telah diperkenal dan dilaksanakan pada tahun 1992 dan kerajaan telah memberi jawapan tadi bahawa kerajaan telah sedar terdapat perasaan tidak puas hati di kalangan mereka yang terlibat dengan pelaksanaan SSB. Soalannya, adakah kerajaan baru sedar kerana skim ini telah pun dijalankan sejak 9 tahun yang lalu. Adakah kerajaan baru sedar ataupun sudah lama sedar? Jika sudah lama sedar, kenapa baru sekarang kajian dibuat. Jika baru sedar, sedangkan kita telah mendengar sungutan-sungutan tentang ketidakpuasan ini begitu lama, adakah bermakna kerajaan tidak peka kepada sungutan-sungutan yang dibuat oleh kakitangan kerajaan termasuk guru-guru mengenai ketidakpuasan mereka dengan pelaksanaan SSB ini?

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya jelaskan tadi, SSB ini adalah satu saraan baru yang diterima pada keseluruhannya oleh pegawai-pegawai kerajaan walaupun ada yang tidak berpuas hati dalam perjalanan skim ini. Kajian Jabatan Perkhidmatan Awam telah menunjukkan bahawa adalah mustahil untuk mencapai satu peratusan iaitu seratus peratus objektiviti dalam penilaian prestasi kerana unsur *human factor* iaitu pegawai-pegawai ini juga seperti Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini adalah orang biasa.

Kajian di beberapa negara maju iaitu dalam negara *Organisation for Economic Corporation Development* (OECD) menunjukkan mereka juga menghadapi masalah ketelusan dalam pelaksanaan sistem penilaian prestasi. Namun, satu sistem penilaian prestasi adalah diperlukan untuk memastikan setiap anggota sektor awam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Jadi, kerajaan kita ini memang sedar bahawa ada yang tidak berpuas hati tetapi pada keseluruhannya kita sedar juga bahawa Sistem SSB ini telah berjalan dengan lancar.

6. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membetulkan imej negatif orang-orang bukan agama Islam terhadap nilai-nilai, hukum-hukum dan undang-undang agama Islam akibat propaganda palsu yang dilancarkan oleh parti-parti komponen Barisan Nasional dalam pilihanraya baru-baru ini. Benarkah undang-undang agama Islam begitu dahsyat seperti yang didakwa oleh mereka.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar tuduhan yang menyatakan parti-parti komponen Barisan Nasional telah membuat propaganda palsu berhubung dengan nilai-nilai dan hukum-hukum dan undang-undang agama Islam. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa berusaha untuk menjelaskan kepada orang-orang bukan Islam mengenai agama Islam melalui beberapa program seperti

pelaksanaan dasar penerapan nilai Islam serta penubuhan beberapa agensi agama seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Usaha ini dijangka dapat menghapuskan kekeliruan dan salah faham terhadap Islam kepada masyarakat Islam dan yang bukan Islam.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa dalam pilihan raya baru-baru ini, parti komponen Barisan Nasional mendakwa mengundi DAP adalah mengundi PAS dan mengundi PAS adalah mengundi satu negara Islam. Negara Islam bermakna tidak boleh makan babi, tidak boleh minum arak, tidak boleh sembahyang tokong, tidak ada karaoke, perempuan cantik tidak boleh bekerja, potong kaki, potong tangan, potong sana, potong sini. [Ketawa] Tidakkah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada dakwaan seperti ini dan ini telah memberi satu bayangan yang palsu kepada orang-orang bukan Islam dan ini akan menjadi satu salah faham antara satu agama dengan yang lain. Saya mintalah kalau Yang Berhormat sedar bahawa ada dakwaan palsu ini, mengambil langkah-langkah untuk membetulkan dakwaan ini supaya orang-orang yang bukan beragama Islam boleh menghormati agama Islam. [Tepuk]

Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya akan siasat. [Ketawa] Walau bagaimanapun, perkara yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bagan, itu adalah masalah dalam Barisan Alternatif mereka sendiri. [Disampuk]

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pihak Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan sebuah buku yang dinamakan *Mustika Hadis* yang diberi kata pengantar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Di dalam buku itu dinyatakan garis-garis panduan, dasar dan prinsip perkara-perkara hukum Islam yang tidak boleh dipertikai dan dihina oleh orang Islam yang boleh menyentuh akidah mereka dan oleh orang-orang yang bukan Islam yang boleh menyentuh perasaan orang-orang Islam.

Adakah kerajaan menerima pakai apa-apa yang digaris dalam buku *Mustika Hadis* itu ataupun kerajaan bercadang untuk menarik balik buku tersebut dan apakah tindakan undang-undang yang diambil sekiranya dasar itu dipakai oleh kerana perkara tersebut tidak ada dalam maklumat Yang Berhormat walaupun ia disiarkan dalam surat khabar perdana. Adakah Yang Berhormat termasuk di kalangan orang yang memulau surat khabar?

Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa hadis dan ayat Quran diturunkan dengan secara umum tetapi secara jelasnya kita sedia maklum bahawa garis panduan telah dibuat oleh ulama silam berdasarkan pandangan-pandangan bahawa perkara-perkara yang dipanggil '*umuriddunya*' iaitu tentang pengurusan hal kehidupan rakyat tidaklah boleh dikaitkan dengan akidah. Kita tahu bahawa dalam sejarah Islam, sahabat-sahabat yang besar, apabila mereka memegang tampuk pemerintahan, soal-soal dasar dalam Islam sudah dianggap beliau telah melanggarnya. Misalnya, Saidina Omar ialah khalifah yang kedua yang meletakkan asas-asas pemerintahan yang kukuh tetapi apabila harta rampasan perang berupa harta tanah yang belum berlaku sebelum itu iaitu ladang, maka beliau membuat keputusan, yang banyak sahabat menyatakan beliau melanggar dengan hukum Al-Quran.

Seorang sahabat lain, Muawiyah bin Abi Sufian telah dijamin oleh Rasulullah bahawa dia salah seorang daripada sepuluh yang masuk syurga. Dia di antara orang yang pertama menulis wahya-wahyu yang diturunkan tetapi apabila beliau membuat dasar politik dan pemerintahan yang pada zahirnya bercanggah, tidak ada siapa pun menafikan keimanan beliau atau telah keluar daripada Islam atau melanggar hukum Islam iaitu apabila dia mengatakan bahawa cara pemerintahan mestilah tidak berasaskan *seniority* tetapi berasaskan keturunan dan sebagainya. Jadi inilah dasar yang kita pegang.

Walau apa pun buku yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Marang tadi adalah sebagai misal tetapi di dalam membentuk sebuah negara, memerintah negara, bahawa seorang pemerintah mesti menjalankan cara pentadbiran yang memberi kemuslihatan umum kepada negara dan kepada rakyat.

7. **Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kementeriannya bagi mengawal kenaikan harga ubat yang terus meningkat beberapa kali dalam setahun hingga membebaskan pesakit.

Menteri Kesihatan [Datuk Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia senantiasa memonitor harga-harga ubat di pasaran dan mengambil tindakan yang sesuai untuk memastikan harga-harga ubat di pasaran adalah berpatutan. Daripada maklumat yang diperolehi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, dakwaan bahawa harga ubat terus meningkat beberapa kali dalam setahun adalah tidak benar. Bagi beberapa jenama tertentu, kenaikan harga yang berjadual satu atau dua kali dalam setahun adalah perkara biasa. Purata kenaikan berjadual ini dalam setahun adalah di antara 10% hingga 15%. Namun demikian, terdapat ubat alternatif dalam pasaran yang mana harganya tidak dinaikkan.

Suatu kajian telah dibuat mengenai aliran harga runcit ubat-ubatan dan vitamin oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna bagi tempoh sejak Julai 1997 hingga April 1999. Pemantauan harga yang dibuat ke atas 161 jenis ubat-ubatan yang diimport dan 147 ubat-ubatan keluaran tempatan yang dikenalpasti sejak Julai menunjukkan hasil berikut:

- (a) 59 jenis atau 37% mengalami kenaikan harga di antara 1% hingga 31%. Ubat ini adalah diimport daripada negara-negara United Kingdom, Hong Kong, Germany, Holland, France, Belgium, Sweden, Australia, Korea dan Thailand. Kenaikan harga berlaku pada akhir bulan Mac 1999 dan awal April 1999.
- (b) 13 jenis ubat atau 8% mengalami penurunan harga sehingga 21%. Ubat-ubat ini diimport dari Filipina, Australia, United Kingdom, Amerika Syarikat, Germany dan Holland.
- (c) 89 jenis ubat atau 55% tidak mengalami perubahan harga. Ubat-ubatan ini adalah diimport daripada pelbagai negara termasuk Amerika Syarikat.
- (d) 147 jenis ubat-ubatan keluaran tempatan yang dipantau pula menunjukkan tidak berlaku perubahan harga sejak Julai 1998 kecuali bagi 9 jenis ubat-ubatan sahaja yang mana harganya diturunkan di antara 3% hingga 34%.

Kementerian Kesihatan Malaysia seringkali mengesa pengamal-pengamal perubatan swasta supaya mengguna ubat-ubat generik buatan tempatan yang jauh lebih murah daripada ubat-ubat import. Sehubungan dengan ini, industri farmaseutikal tempatan digalakkan menumpukan usaha mereka kepada pengeluaran ubat-ubat dalam Senarai Ubat-ubat Kebangsaan. Hasil daripada usaha ini ialah akan terdapat lebih persaingan dalam pasaran dan tekanan untuk mengawal kenaikan harga.

Kementerian Kesihatan Malaysia telah berjaya membendung kenaikan harga dalam bekalan ubat-ubatannya melalui rundingan yang dijalankan sekali setiap tiga tahun dengan pembekal utamanya, iaitu Syarikat Remedi Pharmaceutical (M) Sdn. Bhd. Selepas harga dipersetujui, syarikat ini tidak dibenarkan menaikkan harga selama tiga tahun. Dalam rundingan harga yang terakhir, purata kenaikan kos adalah 9.67%. Ini bermakna dari Disember 1994 sehingga Disember 2000, kenaikan harga adalah hanya 9.67%.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu langkah untuk mengawal kenaikan harga ubat-ubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah melancarkan Senarai Ubat-ubatan Kebangsaan pada 27 Januari tahun ini. Senarai ini adalah berasas kepada Senarai Ubat-ubatan Kementerian Kesihatan Malaysia dan mengandungi 996 persediaan terdiri daripada 615 bahan aktif. Pengalaman Kementerian Kesihatan dalam penggunaan senarainya sejak 1983 menunjukkan bahawa kos rawatan boleh dikawal sekiranya pengamal-pengamal perubatan mengguna senarai ini. Senarai Ubat-ubatan Kebangsaan akan dipamerkan di semua hospital kerajaan dan dalam laman Web Bahagian Perkhidmatan Farmasi dengan harga-harga runcit supaya membolehkan pengguna membuat perbandingan harga di antara beberapa jenama sesuatu ubat.

Kementerian Kesihatan juga menyeru dan menggesa supaya semua kemudahan perkhidmatan kesihatan di sektor swasta juga mempamerkan Senarai Ubat-ubatan Kebangsaan ini. Maklumat sedemikian membolehkan pengguna membuat pilihan mengikut kadar kemampuan mereka. Tuan Yang di-Pertua, persaingan dalam pasaran terbuka akan memastikan bahawa paras harga ubat-ubatan dikekalkan pada tahap yang munasabah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada kementerian berkenaan akan mengambil langkah-langkah untuk mewajibkan tanda-tanda harga ke atas ubat-ubat yang dijual di klinik-klinik bagi memudahkan orang-orang kampung, terutamanya sebagaimana yang telah dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ke atas harga barang-barang tertentu seperti ayam, sebagai contoh.

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini kita hanya boleh menggalakkan dan menggesa pihak swasta iaitu termasuk klinik-klinik swasta dan hospital-hospital swasta menggunakan Senarai Ubat-ubatan Kebangsaan. Maksud dan matlamat senarai ini ialah untuk para doktor swasta menggunakan ubat yang tersenarai di dalam *International Essential Drug List* ini di mana harga telah disebutkan – harga maksimum telah ditetapkan. Mereka tidak boleh dibenarkan untuk membilkan atau mengeluarkan bil pada harga yang lebih tinggi daripada tahap yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, pada masa ini kita tidak ada undang-undang yang dilaksanakan tetapi tidak lama lagi bila kita menguatkuasakan Akta Perkhidmatan Perubatan Swasta, maka pada masa itu bila kita ada kuasa, kita boleh mewajibkan sektor swasta mengikut harga yang telah ditetapkan dalam senarai tersebut.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapa kerajaan tidak menyediakan vaksin anti influenza kepada bakal-bakal haji kerana saya difahamkan untuk suntikan kepada bakal-bakal haji, mereka terpaksa membayar bayaran yang mahal untuk mendapat suntikan itu daripada klinik-klinik swasta sehingga pada kadar RM40 bagi satu suntikan. Kenapa tidak ada penyelarasan di antara Tabung Haji dengan Kementerian Kesihatan untuk memberi kemudahan supaya bakal-bakal haji tidak ditambahkan bebanan kos lagi ke atas mereka?

Datuk Chua Jui Meng: Yang Berhormat dari Pendang, soalan tambahan terkeluar dari soalan asal.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua, masih dalam kawalan dan bidang harga rawatan, harga perubatan, harga ubat, masih dalam itu, mana keluar pula?

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat, sila jawab Yang Berhormat.

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, tidak payah jawab, ada perbezaan antara harga dan vaksin yang diberi secara percuma.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan, saya di sini mengucap syabas kepada Menteri kerana sudi menjawab soalan, ini satu amalan yang baik. *[Ketawa]* Sungai Siput sentiasa buat begitu, jadi inilah yang baik juga. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya?

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana buang masa pula, kita hendak bincangkan senarai ubat-ubatan kebangsaan. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan banyak. *[Ketawa]* Bolehkah Yang Berhormat terangkan, adakah kementerian berhasrat untuk memperbaiki senarai ubat-ubatan kebangsaan seperti mana yang dibuat oleh negara-negara yang lain misalnya United Kingdom ada *British National Formulary* yang lengkap dengan maklumat-maklumat dan pada masa yang sama, senarai ini di 'upgraded', diubahsuai tiap-tiap empat bulan, enam bulan atau dua tiga kali setahun.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita setuju kita mesti ada senarai seumpama ini tetapi saya nampak Yang Berhormat tidak begitu prihatin kepada keberkesanan untuk memantau kualiti *drug* ini terutamanya yang dikeluarkan oleh kilang-kilang tempatan. Kualiti itu saya nampak kurang sedikit

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, soalan sudah cukup. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Mereka hendak saya tanya soalan tetapi soalan banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah soalan itu tadi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua cukup tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Dah cukup dah.

Dr. Tan Seng Giaw: Mereka tidak cukup lagi, Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya pun faham juga. Sila jawab ya.

Datuk Chua Jui Meng: Saya ingin mengucapkan terima kasihlah kepada Kepong yang memuji kementerian saya tetapi saya rasa sedih pada masa yang sama oleh kerana tidak yakin dengan kualiti ubat-ubatan yang telah dikeluarkan oleh kilang-kilang yang dilesenkan oleh Dato' Seri Rafidah untuk mengeluarkan ubat-ubatan tempatan. Semua ubat perlu dikaji sebelum ia dipasarkan di Malaysia, dikaji oleh *Drugs Control Authority* di Kementerian Kesihatan di mana tiga aspek mesti dipenuhi oleh pengilang atau pengeluar ubat itu iaitu yang pertama kualiti - mesti berkualiti; yang kedua ubat ini mujarab - *it must be effective* (mujarab); dan yang ketiga ia selamat digunakan.

Oleh kerana itu kita menggalakkan orang-orang Malaysia, pengguna Malaysia menggunakan ubat yang dikeluarkan di Malaysia, oleh kerana harganya lebih murah dari ubat yang diimport dari Barat tetapi daripada kesan *pharmacology*nya, sebagai seorang doktor Kepong perlu memahami ia berkesan, berkualiti dan selamat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 8 hingga 23 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Lim Hock Seng: Peraturan 25.

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia tu?

Tuan Lim Hock Seng: Bolehkah saya meminta Timbalan Menteri Pendidikan iaitu Dato' Aziz Shamsuddin membuat satu penerangan dalam Dewan yang mulia ini kerana namanya telah dibangkitkan dalam perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri, demi untuk membersihkan nama baik dan martabat sebagai seorang Timbalan Menteri Pendidikan, bolehkah saya minta beliau membuat penjelasan ini, mungkin besok atau lusa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Perkara 25 ini ialah Perkara personal dia sendiri, menteri itu sendiri. Yang Berhormat tidak bolehlah meminta dia membuat penerangan. *[Disampuk]* Yang Berhormat, ini *out of order*, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 25 memberi seorang ahli Dewan ini membuat satu penerangan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya faham Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng:dengan Peraturan 14 sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya faham itu.

Tuan Lim Hock Seng: iaitu penerangan Menteri-Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya faham.

Tuan Lim Hock Seng: Jikalau

Tuan Yang di-Pertua: Dia yang berkuasa hendak membuat penerangan sendiri, tidak bolehlah Yang Berhormat atau pun orang yang lain meminta dia membuat.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, sebab dia sendiri enggan membuat penjelasan maka kami ada hak mendesak beliau membuat demikian. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita tidak ada peraturan mesyuarat memaksakan sesiapa membuat sesuatu.

Tuan Lim Hock Seng:sebab namanya ialah perancang utama dalam komplot menjatuhkan bekas Timbalan Perdana Menteri. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG TRIBUNAL PERKHIDMATAN AWAM (PEMBUBARAN) 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama Suatu Akta bagi memansuhkan akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 untuk membubarkan Tribunal Perkhidmatan Awam yang ditubuhkan di bawah Akta itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah senantiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya Usul di atas nama yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang telah dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

JAWATANKUASA PEMILIH – PERLANTIKAN AHLI-AHLI

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 76 Dewan ini melantik sebuah Jawatankuasa Pemilihan bagi tempoh Parlimen Yang Kesepuluh yang mengandungi seorang Pengerusi dan 6 orang lagi Ahli Jawatankuasa seperti berikut:

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pengerusi)
2. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri
3. Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik
4. Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu
5. Yang Berhormat Datuk Amar Leo Moggie anak Irok
6. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Osu bin Haji Sukam
7. Yang Berhormat Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Rais bin Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminda Usul No. 2 bahagian 2.6 yang dicadangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengikut Peraturan 26(1)(a). Pindaannya ialah:

Bahawa Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Osu bin Haji Sukam diganti oleh Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail.

Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Dewan ini mengikut Peraturan Mesyuarat 76, kalau mengikut prinsip asas demokrasi berparlimen, ia hendaklah mencerminkan komposisi ahli di dalam dewan ini dari segi parti pemerintah dan juga parti-parti pembangkang dan juga mengikut *popular votes* yang diperolehi oleh parti-parti pembangkang dan parti pemerintah. Bahawa dalam pilihan raya yang lepas, parti pemerintah iaitu Barisan Nasional hanya mendapat 56% *popular*

votes dan pembangkang mendapat 44% tetapi dalam jawatankuasa ini daripada tujuh orang ahlinya, kalau saya tidak kira Tuan Yang di-Pertua, hanya satu dalam enam orang ahli ialah dari pembangkang, maka saya harap komposisi ahli jawatankuasa ini boleh mencerminkan prinsip asas demokrasi berparlimen supaya ia lebih seimbang di antara parti pemerintah dan juga parti pembangkang. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ialah di bawah perkara 26 berkenaan dengan pemberitahu, beritahu sahaja ataupun usul-usul sahaja. Yang hendak dipindahkan itu ialah di bawah peratauran 28, di bawah peraturan 28 jikalau sekiranya hendak dipindahkan mana-mana usul hendaklah memberitahu dulu, bagi notis dulu. Yang Berhormat tidak bagi notis, yang demikian saya tidak boleh menerima pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, peraturan 26(1)(a) mengatakan:

"(1) Kecuali jika ada syarat-syarat lain dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat ini, usul-usul yang hendak dibawa ke dalam mesyuarat hendaklah didahulukan dengan pemberitahu kecuali usul-usul yang tersebut di bawah ini:

- 1. usul hendak meminda cadangan yang telah dikemukakan kepada mesyuarat oleh Pengerusi."*

Maka saya berpendapat bahawa ini tidak perlu notis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa bukan berkehendakkan notis di bawah perkara 28. Usul-usul yang hendak dibawa ke majlis hendaklah didahulukan dengan pemberitahu kecuali usul-usul yang telah disebut di bawah ini iaitu perkara-perkara yang meminda cadangan yang telah dikemukakan kepada mesyuarat oleh Pengerusi. Jadi sekarang bukanlah perkara yang dikehendaki dipinda. Jikalau sekiranya kita hendak meminda satu usul maka hendaklah ada cadangan ataupun permohonan mengikut notis yang lazimnya kita buat.

Yang Berhormat, perkara ini Yang Berhormat janganlah susah dengan kerana Jawatankuasa Pemilih ini pada masa hadapan akan memilih daripada kesemua parti-parti di dalam Dewan Rakyat ini, lazimnya begitu. Sebagaimana yang lepas-lepas, walaupun Yang Berhormat adalah seorang sahaja daripada parti pembangkang tetapi selalunya apabila saya mempengerusikan mesyuarat maka ahli-ahli daripada parti-parti yang lain juga akan diambil kira.

Yang Berhormat, saya tidak boleh menerima cadangan usul pindaan itu kerana telah bercanggah dengan peraturan 28. Ahli Yang Berhormat, saya terpaksa mengemukakan usul ini untuk dipersetujukan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 76 Dewan ini melantik sebuah Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Parlimen Yang Kesepuluh yang mengandungi seorang Pengerusi dan 6 orang lagi Ahli Jawatankuasa seperti berikut:

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pengerusi)
2. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri

3. Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik
4. Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu
5. Yang Berhormat Datuk Amar Leo Moggie anak Irok
6. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Osu bin Haji Sukam
7. Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA –
PERLANTIKAN Pengerusi dan Naib Pengerusi**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

Bahawa Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis (Rompin) dan Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah (Tambun) masing-masing dipilih menjadi Pengerusi dan Naib Pengerusi, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Parlimen Kesepuluh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Rais bin Yatim]: Saya mohon menyokong.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, di bawah 26(1) Tuan Yang di-Pertua ada kuasa sebenarnya dan saya cadangkan pindaan ayat iaitu:

Bahawa Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) dan Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis (Rompin) masing-masing dipilih menjadi Pengerusi dan Naib Pengerusi, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Parlimen Kesepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen-parlimen yang berwibawa di dunia ini Ketua PACnya adalah Pembangkang seperti Parlimen India, New Zealand, Australia, Kanada, England *[Disampuk]* Ini Parlimen Malaysia kita di alaf baru, kita hendak lebih terbuka, perjalanan kerajaan supaya ada *check and balance*, apa salahnya orang yang berpengalaman lima penggal jadi Ahli Parlimen, Dr. Tan Seng Giaw *[Disorak]* jadi Pengerusi dan yang berpengalaman ahli koporat Dr. Jamaluddin Jarjis, Timbalan Pengerusi. *[Disorak]* *[Ketawa]* Ini yang kita minta di sini dan Tuan Yang di-Pertua ada kuasa, kalau tidak boleh, boleh tangguhkan hari ini supaya kita lebih bersikap terbuka sekarang ini. Jangan kita, ini reformasi *[Ketawa]* ingat, pilihan raya ini kami sudah dua kotak, sekali lagi empat kotak. *[Ketawa]* *[Tepuk]* Dan kalau Parlimen Malaysia bersedia, kerajaan bersedia untuk menjadikan Ketua Pembangkang sebagai Pengerusi PAC, Kerajaan Terengganu dan Kelantan akan mengikuti iaitu kita bersetuju untuk melantik pembangkang di Dewan Undangan Negeri Kelantan dan Terengganu menjadi Pengerusi PAC. *[Tepuk]* Ini yang kita hendak sebut di sini. Mesti mulakan sekarang bersikap terbuka, Pengerusi PAC dari pembangkang, Timbalannya yang berpengalaman Dr. Jamaluddin Jarjis, sahabat yang baik. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita harap ini dapat pertimbangan dan persetujuan supaya kita meminda hal ini dan kita mulakan era baru dalam Parlimen di alaf baru ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tidak boleh terima kerana apa yang saya sebutkan tadi iaitu jika sekiranya hendak kena pinda mana-mana usul
.....

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan
.....

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu, bagi saya bercakap dahulu, Yang Berhormat. Bagi saya berucap dulu ya. Seperti apa yang saya katakan tadi tidak boleh meminda usul yang telah pun dikeluarkan oleh mana-mana ahli melainkan ada notis terlebih dahulu. Ya. Yang Berhormat daripada

Puan Fong Po Kuan: Maaf, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk kepada peraturan 28. Di dalam peraturan 28 yang menyatakan jika seseorang ahli hendak mengubah isi-isi sesuatu usul yang terdiri dengan namanya, maka pada keadaan demikian harus ada notis diberi kepada Setiausaha. Jika kita merujuk kepada peraturan 26(1)(a) ini adalah yang terpakai pada keadaan masa kini di mana bukan namanya, mohon perhatian diberi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jika sekiranya usul yang dibuat olehnya sendiri, dia hendak pinda dia kena bagi notis, jadi bermakna jika orang lain hendak pinda pun kena ada notis. Beginilah yang selalunya kita pakai.

Puan Fong Po Kuan: Maaf Tuan Yang di-Pertua, jika kita rujuk kepada Peraturan 26(1)(a) ini telah tersedia tercatat dalam buku Peraturan Mesyuarat, ini adalah dalam tulisan. Jika tidak wujud peraturan yang tertulis mungkin kita boleh nyatakan bahawa kelaziman boleh dipakai, tetapi dalam kes ini telah tertulis dengan nyatanya bahawa dalam keadaan ini untuk meminda cadangan tidak perlu memberi tahu notis kepada Setiausaha.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita selalu meminta notis ke semua kepada pindaan-pindaan bahkan dalam bil-bil juga walaupun kita ada dalam jawatankuasa, maka jikalau sekiranya hendak dipindahkan mana-mana ayat di dalam rang undang-undang itu kita berkehendakkan kepada notis. Itu adalah keputusan saya yang telah dibuat ya, Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Kepong. Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Tuan Yang di-Pertua, memberi kita tahu tempoh ataupun masa yang diperlukan untuk mengeluarkan notis kepada Tuan Yang di-Pertua, ataupun Setiausaha?

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat dalam masa dua hari.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi tidak ditetapkan di sini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ditetapkan di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat kalau sekiranya Yang Berhormat cari dalam Peraturan Mesyuarat. Ya, ada.

Dr. Tan Seng Giaw: 28, itu tidak berkaitan dengan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Dua hari.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, [Ketawa] Yang Berhormat bagi Kepong pun selalunya membuat pindaan kepada rang undang-undang, memberi notis kepada saya.

Jadi, janganlah pada hari ini [Ketawa] – perkara ini telah pun kita amalkan beberapa lama Yang Berhormat. Ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalah

Tuan Chow Kon Yeow: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Chow Kon Yeow: Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul ini. *[Sorak]*

Tuan Yang di-Pertua: Nantilah Yang Berhormat, saya rasa saya sudah putuskan tadi. Sudah habis tidak ada ucapan lagi.....

Tuan Chow Kon Yeow: Bukan, atas usul asal yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Bukan atas usul pindaan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah tutup, Yang Berhormat. Saya sedang baca

Puan Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tadi Yang Berhormat bagi Kuala Kedah ada menyebut bahawa jika Tuan Yang di-Pertua tidak dapat menerima cadangan pindaan kerana memerlukan notis, apa salah kiranya demi kepentingan, ketelusan masa depan demokrasi dan sebagainya penangguhan kepada usul ini untuk dua hari lagi bagi membolehkan pihak kami mengemukakan suatu notis kerana bagi saya, saya tidak dapat menerima cadangan yang dikemukakan ini iaitu Yang Berhormat bagi Rompin sebagai Pengerusi PAC. Ini berdasarkan prestasi, kewibawaannya selama dia memegang jawatan Pengerusi PAC kerana di zaman beliaulah terdapatnya pelbagai projek mega mewah yang dilaksanakan oleh kerajaan yang menyebabkan kerugian begitu besar kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita tidak boleh bercakap berkenaan dengan merit sekarang. Kita bercakap berkenaan dengan ahli yang akan menjadi pengerusi ataupun timbalan pengerusi.

Yang Berhormat, perkara ini bukanlah kuasa saya hendak menangguhkan mana-mana perbincangan. Itu adalah kuasa kepada pihak yang mengemukakan usul ini, kuasa itu bukan pada saya.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyokong apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena *[Sorak]* demi untuk kebaikan negara kita kerana sudah menjadi rahsia umum bahawa Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis sedang berunding

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, tidak boleh dikeluarkan perkara-perkara yang *unmerit*, Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:..... Minta maaf, apa yang menjadi rahsia umum sekarang beliau sedang merundingkan untuk penswastan DARA di Pahang dan sebagai Pengerusi PAC ini, dia sepatutnya menjaga hak-hak kepentingan negara supaya menambah hasil negara dan sebagainya. Tetapi dalam hal yang sama, beliau sedang merundingkan untuk mendapatkan penswastan DARA di Pahang.

Jadi, ada *conflict of interest*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu.....

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Yang Berhormat, saya menyokong Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Kalau boleh kita menarik balik supaya kita beri masa untuk kita kemukakan notis seperti yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak boleh menerima cadangan Yang Berhormat itu yang

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, begini, kalau pihak Yang Berhormat Menteri tadi yang mencadangkan, saya hendak mengemukakan cadangan kepada Yang Berhormat Menteri, apa salah kiranya kalau ia benar-benar Kerajaan Barisan Nasional ingin melihat kepada satu perubahan reformasi terhadap sistem Parlimen [*Sorak*] di negara kita ini menangguhkan cadangan usul itu tadi, [*Disampuk*] sebab ini masalahnya bagaimana seorang Pengerusi kepada Backbenchers

.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:.....dalam masa yang sama dia hendak menjadi Pengerusi kepada PAC dan ini sudah tentulah akan berlaku bahawa sikapnya akan menyokong sebarang

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, kalau ini dibenarkan berhujah, saya pun hendak bangun berhujah.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau kita katakan demokrasi, inilah demokrasinya. Kalau dibiarkan di sana menuduh, saya hendak

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Apa, ini bukan perbahasan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau bangun kita setuju, tidak setuju tentang cara aturan majlis, bukan dibiarkan berceramah. Tunggu Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita bahas tidak ada masalah, kalau jantan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, biarlah saya kemukakan masalah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa [*Disampuk*] Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri disetujukan. [*Disampuk*] Sudahlah Yang Berhormat. [*Sorak*]

Tuan Chow Kon Yeow:....bahagian dalam perbahasan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri.....

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Rompin sendiri yang hendak bahas.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw:dan usul ini

Tuan Chow Kon Yeow:...mengapa usul ini tidak boleh dibuka untuk dibahas?

Dr. Tan Seng Giaw:.... dibuka untuk dibahas, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, tetapi Yang Berhormat jika hendak bahas dan hendak buat pindaan. Kalau sekiranya ada pindaan dan sebagainya bagaimana saya hendak menerima pindaan itu, yang demikian tidak boleh dibahas.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bercakap tetapi pembesar suara tidak dihidupkan*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya cukuplah Yang Berhormat. [*Disampuk*] Saya sudah putuskan tadi saya hendak kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan.....

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Hoi, Lim Kit Siang sudah 'brief'kah semalam? [Disampuk]

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Y.B. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis (Rompin) dan Y.B. Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah (Tambun) masing-masing dipilih menjadi Pengerusi dan Naib Pengerusi, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara bagi Parlimen Kesepuluh.

**PERTUBUHAN ANTARA PARLIMEN-PARLIMEN ASEAN (AIPO)
CAWANGAN MALAYSIA – PERLANTIKAN AHLI**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan sebuah Jawatankuasa mengandungi seorang Presiden dan 10 orang Ahli Parlimen hendaklah dilantik untuk menjalankan semua urusan Pertubuhan Antara Parlimen-Parlimen ASEAN (AIPO) Cawangan Malaysia bagi tempoh Parlimen Kesepuluh dan untuk menjalankan segala perlantikan-perlantikan wakil-wakil bagi menghadiri Mesyuarat-mesyuarat Persidangan AIPO atau mana-mana Jawatankuasanya. Presiden dan Ahli-ahli Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pengerusi);
2. Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad bin Abdullah (Maran);
3. Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu);
4. Yang Berhormat Tuan Hoo Seong Chang (Kluang);
5. Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau);
6. Yang Berhormat Puan P. Komala Devi (Kapar);
7. Yang Berhormat Tuan Ng Lip Yong (Batu);
8. Yang Berhormat Tuan Shim Paw Fatt (Tawau);
9. Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw (Kepong);
10. Yang Berhormat Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan); dan
11. Yang Berhormat Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Rais bin Yatim]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Tuan Tan Kok Wai: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 14(d) berhubung dengan Titah Diraja, sebab saya merujuk perkara ini kerana saya meneliti satu perkara yang amat tidak disenangi kerana saya mendapati tempoh perbahasan bagi Titah Diraja adalah dihadkan untuk empat hari sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Tan Kok Wai: [Disampuk] Ini adalah sangat berkurangan Tuan Yang di-Pertua, sebab pada masa yang lampau tempoh perbahasan untuk Titah Diraja biasanya ditetapkan selama tujuh hari dan selepas jadual mesyuarat diubah lebih kurang dua, tiga tahun yang lalu, enam hari diuntukkan untuk perbahasan,.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Tan Kok Wai:....maka mengapakah hanya empat hari dihadkan untuk Penggal pada tahun ini, maka saya ingin mendapatkan satu penerangan daripada Tuan Yang di-Pertua, kerana di samping itu pun saya dapati berhubung dengan perbahasan Belanjawan di peringkat dasar juga hanya tujuh hari diperuntukkan. Sungguhpun dalam Peraturan Mesyuarat selebih-lebihnya sembilan hari diperuntukkan untuk perbahasan di peringkat dasar dan balik ke Perbahasan Titah Diraja, sungguhpun adalah *silent* mengenai tempoh perbahasan, adalah *silent* dalam Peraturan Mesyuarat tetapi tempohnya disingkatkan dan dikurangkan adalah tidak berpatutan kerana ini bukan sahaja tidak menunjukkan hormat kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tetapi ia juga tidak mementingkan Dewan yang mulia ini kerana biasanya Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bersetuju dengan saya, biasanya setiap kali perbahasan, baik ke atas Perbahasan Titah Diraja atau Belanjawan, masa tidak cukup untuk semua ahli yang berminat untuk menyertai perbahasan dan tiap-tiap kali perbahasan diadakan hanya hari pertama dan kedua ataupun ketiga, masa perbahasan tidak dihadkan tetapi hari-hari berikutnya akan dihadkan kadangkala setengah jam dan kadangkala dua puluh minit atau lebih dahsyat lagi lima minit pun ada dihadkan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, maka saya harap kalau boleh tempoh ini dikaji semula dan dipanjangkan sekurang-kurangnya ke tujuh hari supaya membolehkan lebih ramai lagi ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini yang berminat untuk berucap dapat peluang untuk berucap.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat sebabnya pada masa yang lepas Titah Ucapan Diraja ada dengan sendirinya sahaja, tidak ada *budget* ataupun perbelanjaan. Kali ini kita ada perbelanjaan bersama-sama.

Jadi, kalau sekiranya hendak panjangkan titah ucapan dan *budget* pun panjang macam itu juga, susahlah sedikit, memakan masa yang cukup panjang. Jadi, oleh sebab itulah telah pun dikurangkan masa untuk Titah Ucapan itu dan juga kurang sedikit masa dalam dasar, dalam perbelanjaan. Itulah sebabnya bukanlah dengan kerana apa-apa. Bukanlah dengan kerana hendak menidakkan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berucap tetapi jikalau sekiranya didapati mustahak untuk dipanjangkan, kita akan panjangkan dengan kerana kuasa hendak memanjangkan masa mesyuarat itu adalah dalam kuasa Ketua Majlis dan Ketua Majlis itulah Perdana Menteri, bukanlah pada saya sendiri.

Jadi, saya minta maafilah perkara ini telah pun ditetapkan masanya, telah pun diambil kira di atas keadaan-keadaan yang berlaku.

Yang Berhormat bagi Tambun, sila teruskan.

11.36 pagi.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kepimpinan Barisan Nasional yang memberi kepercayaan kepada saya untuk mencadangkan Usul Terima Kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dengan ini saya, Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Tambun mohon mencadangkan bahawa suatu ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang berbunyi:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan sebanyak-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesepuluh”.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapannya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyatakan harapan semoga Malaysia meningkat menjadi sebuah negara maju pada abad ke-21. Saya berharap Titah Ucapan tersebut akan menjadi panduan kepada semua pihak, kejayaan setiap individu dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan akan membolehkan negara kita mencapai status negara maju.

Saya mengalu-alukan 193 orang Ahli Parlimen yang telah memenangi pilihan raya ke sepuluh. Ahli-ahli Parlimen Kesepuluh telah menghadiri sesi Parlimen selama empat hari dalam bulan Disember 1999 lalu iaitu satu sesi Parlimen yang terakhir bagi abad ke-20 dan sekarang menghadiri sesi Parlimen dari bulan Februari hingga bulan April 2000, sesi Parlimen yang pertama bagi abad ke-21. Dengan itu Parlimen Kesepuluh telah mencatat sejarah di mana buat kali pertama Ahli-ahli Parlimen Malaysia menghadiri sesi Parlimen dalam dua abad dan dua alaf.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pilihan raya ke sepuluh dengan izin Allah Subhanahuwata'ala Barisan Nasional telah memenangi 148 buah kerusi Parlimen. [Tepuk] Dengan kemenangan itu Barisan Nasional dapat menguasai lebih daripada dua pertiga majoriti di Parlimen. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di atas kemenangan tersebut yang dicapai pada ketika negara masih merasai krisis ekonomi dan politik yang sungguh mencabar dalam 42 tahun sejarah kemerdekaan negara. Kemenangan ini membuktikan bahawa rakyat mengiktiraf dan memperakui sumbangan, kemampuan dan kecemerlangan Barisan Nasional mentadbir negara di mana dunia dapat menyaksikan Malaysia telah berjaya mencapai pertumbuhan dan pembangunan yang sungguh pesat di bawah pemerintahan Barisan Nasional selama 42 tahun sejak merdeka sehingga kini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Pada tahun 1998 dan 1999 sedang dunia membuat persediaan memasuki abad ke-21, Kerajaan Barisan Nasional

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong berdiri.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat bagi Tambun sedar bahawa daripada angka yang diberi tadi tidak membayangkan keadaan yang sebenar. Yang sebenarnya Barisan Nasional hanya memenangi 56% daripada jumlah undinya dan pihak pembangkang memenangi 44%. Itulah hakikat dan kenyataan. Apakah yang akan dibuat oleh pihak Barisan Nasional untuk menangani masalah 44% lagi?

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat bagi Kepong dapat melihat data sebenar di Parlimen. Apa yang saya sentuh tadi adalah kerusi di Parlimen semua sekali adalah sebanyak 193 buah kerusi dan Barisan Nasional telah memenangi sebanyak 148 buah kerusi. Itu yang

saya maksudkan. Saya harap Yang Berhormat bagi Kepong dapat melihat statistik dan dipercayai statistik tersebut dengan rasa penuh keikhlasan.

Pada tahun 1998 dan 1999, sedang dunia membuat persediaan memasuki abad ke-21, Kerajaan Barisan Nasional sekali lagi telah membuktikan kemampuan mengurus negara dengan dapat menangani kegawatan ekonomi yang melanda Malaysia, membebaskan rakyat daripada penderitaan yang sering dikaitkan dengan fenomena kejatuhan ekonomi, memperkukuhkan lagi keyakinan rakyat kepada Barisan Nasional. Justeru, dalam pilihan raya 29 November rakyat memberi mandat baru kepada Barisan Nasional untuk meneruskan kepimpinan negara. Rakyat yakin Barisan Nasional mampu menghadapi dan menangani cabaran-cabaran abad baru demi kepentingan negara serta masa hadapan seluruh rakyat.

Bagi pihak Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, saya mengucapkan terima kasih kepada rakyat di atas kepercayaan mereka kepada Barisan Nasional. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, demokrasi adalah pecahan daripada perkataan *demos* (penduduk) dan *kratus* (perintah). Demokrasi bermaksud pengwujudan suatu bentuk kerajaan yang diperintah oleh rakyat. Ini bermaksud bahawa rakyat berkuasa untuk memilih individu-individu untuk memerintah. Melalui pilihan raya rakyat akan memilih wakil rakyat bagi mewakili kepentingan dan pendapatnya serta memperjuangkan hak dan kepentingan rakyat dalam kerangka kedaulatan undang-undang. Di bawah sistem tersebut rakyat akan menentukan wakil untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab pemerintahan kerajaan yang bertindak sebagai pemegang amanah dalam menjaga kepentingan rakyat dan negara.

Berdasarkan kepada perlembagaan negara, mana-mana parti politik yang mencapai kemenangan majoriti mudah dalam satu pilihan raya berhak menubuhkan kerajaan. Setelah kuasa memilih kerajaan dilakukan, rakyat akan memberi kepercayaan kepada kerajaan untuk mentadbir negara bagi melindungi kepentingan semua rakyat. Seperti kita maklum institusi kerajaan adalah instrument yang penting dalam melindungi kedaulatan negara dan kehidupan rakyat dari ancaman dalaman dan luaran yang semakin kompleks.

Dalam Pilihan Raya Kesepuluh mereka telah memilih Barisan Nasional untuk mentadbir negara berasaskan kepada semangat demokrasi dan memandangkan peranan serta tanggungjawab berat yang di pikul oleh institusi kerajaan. Barisan Nasional yang telah dipilih oleh rakyat hendaklah diberi peluang menumpu kepada urusan pentadbiran kerajaan (the business of government) dan janganlah hendaknya ada mana-mana pihak secara tidak demokratik dan bertentangan dengan perlembagaan cuba mengganggu gugat pelaksanaan tugas dan tanggungjawab kerajaan.

Kejayaan kerajaan dalam membentuk dan menentukan dasar-dasar dan pelaksanaan pembangunan yang dapat memantap dan memperkukuhkan lagi sistem politik, ekonomi, sosial dan pertahanan negara untuk dikecapi oleh setiap rakyat amatlah penting dalam menjamin kebebasan, keselamatan dan kesejahteraan hidup semua rakyat serta memelihara kedaulatan negara.

Di bawah sistem demokrasi kerajaan bertanggungjawab kepada rakyat. Rakyat berhak mempersoalkan dasar dan pentadbiran kerajaan bagi memastikan dasar dan pentadbiran kerajaan memenuhi dan menepati kehendak rakyat. Mekanisme yang disediakan untuk tujuan tersebut adalah melalui wakil rakyat di Parlimen. Institusi Parlimen adalah badan tertinggi dalam menggubal undang-undang, menentukan dasar-dasar negara, membincang dan meluluskan belanjawan. Parlimen menyediakan ruang bagi membolehkan rakyat mengetahui perkembangan dasar dan pelaksanaan kerajaan melalui perbahasan dan sesi soal jawab melalui wakil rakyat yang dipilih dalam pilihan raya.

Sistem demokrasi membenarkan kebebasan bersuara dalam kerangka yang dibenarkan oleh undang-undang, malah Ahli Parlimen diberi imuniti undang-undang ke atas perkara yang dicakap semasa perbahasan di Dewan Parlimen sebagaimana

Perkara (63) dalam Perlembagaan negara. Ini menunjukkan Perlembagaan mengiktiraf kedudukan Ahli Parlimen yang dianggap sungguh penting dalam proses demokrasi. Menyentuh mengenai prinsip *check and balance*, *accountability* dan *watch dog* yang sering disuarakan ke arah ketelusan kerajaan, Dewan Parlimen sudah tersedia oleh Perlembagaan dan dapat digunakan dengan berkesan sebagai forum untuk membahaskan dasar-dasar dan pelaksanaan kerajaan secara terbuka sama ada institusi Parlimen dapat memainkan peranan yang berkesan atau tidak adalah terletak di atas bahu dan kewibawaan Ahli Parlimen untuk memanfaatkan sistem yang telah disediakan oleh Perlembagaan.

Keberkesanan Parlimen memerlukan Ahli Parlimen mempunyai sikap bertanggungjawab, committed, matang, terbuka dan profesional. Jika Ahli Parlimen yang mewakili rakyat hendak memainkan peranan penting dalam menentukan penggubalan undang-undang, dasar pelaksanaan dan pentadbiran negara yang cekap yang akhirnya akan menterjemahkan cita-cita bagi mencapai negara maju dalam bentuk realiti.

Dalam perbahasan di Dewan Parlimen proses percambahan fikiran (the clash of minds) akan berlaku oleh kerana setiap individu melalui orientasi dan latar belakang yang berbeza sudah tentu pendapat dan pandangan individu berbeza diantara satu sama lain. Ini ditambah pula dengan hakikat iaitu politik demokrasi adalah diasaskan kepada persaingan parti. Selalunya wakil rakyat akan memihak kepada pendirian dan kepentingan parti. Walaupun terdapat perbezaan, tidak semestinya sistem demokrasi tidak boleh membawa kebaikan jika wakil rakyat dapat bersetuju di dalam perbezaan ada kepentingan-kepentingan bersama terutama untuk menjaga kedaulatan negara.

Perbahasan di Dewan Parlimen akan menjadi berguna jika percambahan fikiran berlaku berasaskan kepada *fundamental differences* bukan *emotional differences*. Dengan perubahan zaman fungsi pembangkang bukan sekadar menyual, mencabar dan membangkang kerajaan, pembangkang hendaklah mengemukakan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan alternatif bagi mencari penyelesaian kepada sesuatu isu yang dibangkitkan. Parlimen hendaklah dijadikan forum mewakili kepentingan rakyat dan medan percambahan fikiran secara rasional dan perbahasan berlandaskan intellectualism supaya dapat memberi manfaat maksimum kepada semua pihak.

Rationalism adalah bahagian penting dalam dunia yang kompleks bagi mencari penyelesaian pada masalah-masalah yang semakin mencabar. Saya percaya Parlimen Kesepuluh boleh memainkan peranan tersebut dengan berkesan dan dalam proses itu diingati sejarah sebagai Parlimen yang terbaik. Ini dapat berlaku jika semua ahli Parlimen menjaga adab (decorum), mematuhi peraturan Parlimen, memaksimumkan kepakaran dan mengemukakan input perbahasan dan kritikan secara rasional. Tiada seorang individu, organisasi dan program yang sempurna sepenuhnya, maka input-input rasional dalam perbahasan boleh digunakan dan dianalisa dan jika didapati berfaedah penyesuaian-penyesuaian struktur boleh dilakukan oleh kerajaan demi kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa topik penting berkaitan dengan matlamat untuk memastikan pengekalan kedaulatan negara dan kesejahteraan rakyat dalam abad baru. Perbincangan berikut akan meliputi isu-isu globalisasi, ekonomi, kerajaan dan rakyat. Dalam *The Clash of Civilisation*, Samuel Huntington meramalkan bahawa abad ke-21 akan dihiasi oleh konflik tamadun. Pada hemat saya sebenarnya konflik tamadun berlaku pada setiap waktu. Di rantau tertentu konflik tamadun bercorak pertempuran, melibatkan tentera, senjata api dan pertumpuhan darah. Manakala konflik tamadun versi baru adalah dalam bentuk persaingan ekonomi yang berlaku di peringkat global, rantau, negara dan daerah pada setiap masa. Modal pelaburan, R & D, perdagangan dan pengeluaran adalah senjata moden yang menembusi dan menakluki sempadan negara. Dengan peningkatan proses globalisasi kompleks tamadun menjadi lebih ganas.

Saya melihat bahawa krisis ekonomi dan politik yang berlaku di Asia, Latin Amerika dan Eropah Timor berpunca dari proses globalisasi. Globalisasi membentuk order baru dunia di mana skop aktiviti-aktiviti politik, ekonomi dan sosial lebih bercorak antarabangsa. IMF mendefinisikan globalisasi sebagai dengan izin *the rapid integration of economics worldwide through trade, financial flow, technology spillovers, information networks and cross-culture currents*. Saya melihat globalisasi adalah lebih daripada hanya interaksi dan integrasi ekonomi. Francis Fukuyama, seorang ahli sejarah Amerika Syarikat menyatakan *it is about the end of history, the final victory of a certain political ideology*. Dengan pengwujudan order baru globalisasi mampu menghancurkan kedaulatan negara-negara membangun melalui faktor multidimensional iaitu ekonomi, politik, teknologi, ketenteraan dan budaya.

Dalam bidang ekonomi globalisasi membolehkan perpindahan modal, pelaburan perdagangan dan pengeluaran yang dipanggil sebagai faktor ekonomi dalam masa yang cukup singkat. Apabila berlaku perpindahan faktor ekonomi, negara yang mengalami pengaliran keluar faktor ekonomi akan menghadapi kerugian. Pada zaman ini kejatuhan ekonomi boleh berjangkit kepada krisis politik dan sosial yang mampu mengancam kedaulatan negara seperti yang dihadapi di Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, kedaulatan negara Malaysia dan negara membangun pada abad ke-21 terletak kepada sejauh mana negara tersebut mampu menangani proses globalisasi. Seperti mana yang saya nyatakan tadi globalisasi membawa kemunculan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Yang Berhormat ada yang bangun ini.

Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin [Kuala Nerus]: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tambun kerana memberi peluang kepada saya meminta penjelasan. Oleh kerana selalu sangat disebut perkataan alaf baru dan juga abad baru, boleh tidak Yang Berhormat memberi penjelasan apakah makna sebenar alaf baru dan abad baru.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat biarlah saya terus kepada perkara yang hendak saya bincangkan kerana banyak yang saya hendak bincangkan dan dalam proses perbincangan tersebut saya percaya Yang Berhormat akan dapat memahami dengan jelas apa maksud alaf baru dan abad baru.

Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin: [Bangun]

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Dia tidak beri jalan.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Biarlah kita bincang perkara yang lebih pokok lagi. Perkara ini boleh kita bincang di luar. Saya percaya Ahli-ahli Parlimen banyak yang tahu apa itu abad baru dan alaf baru.

Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Dia tidak beri jalan ya.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya minta maaf ya, dimana saya nyatakan tadi globalisasi membawa kemunculan satu sistem ekonomi antarabangsa, perkembangan jaringan komunikasi transnasional dan pertumbuhan organisasi atau regim antarabangsa yang mengurangkan kuasa kerajaan dalam menentukan struktur politik ekonomi dan sosial negara sendiri. Prinsip demokrasi yang percayakan bahawa negara berhak memerintah dan menentukan masa hadapannya kini semakin tidak relevan. Keputusan-keputusan yang dibuat oleh badan-badan antarabangsa PBB, IMF, Bank Dunia dan WTO terpaksa diterima oleh negara-negara

membangun. Sebilangan besar daripada aktiviti-aktiviti negara-negara dunia kini bercorak aktiviti rantau dan global telah merubah struktur politik, ekonomi dan sosial dunia.

Globalisasi akan meluaskan jurang di antara negara-negara maju dengan negara membangun. Negara-negara maju yang menguasai kekayaan, pelaburan, perdagangan, pengeluaran dan teknologi melalui syarikat-syarikat multinasional akan meningkatkan penguasaan ke atas ekonomi dan perdagangan dan kewangan global. Kini syarikat-syarikat multinasional dari negara-negara maju sudah menguasai 70% daripada perdagangan global, 80% pelaburan antarabangsa, menguasai teknologi baru dan pemain utama dalam pasaran kewangan antarabangsa. Jumlah kekayaan 225 individu terkaya melebihi US\$1.0 trillion menyamai pendapatan tahunan 47% atau 2.5 billion manusia termiskin di dunia. Dalam sistem ekonomi terbuka, syarikat-syarikat multinasional akan menjadi lebih berkuasa ke atas pergerakan, pelaburan, perdagangan dan kewangan antarabangsa dan mencabar kuasa negara-negara membangun untuk mempertahankan masa hadapan ekonomi dan kedaulatan politik.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun-tahun 1990-an negara-negara membangun menghadapi kegawatan ekonomi. Saya melihat kegawatan ekonomi Asia, Latin Amerika dan Eropah telah mempercepatkan proses penjajahan ekonomi oleh negara-negara maju. Malah Jepun juga tidak terselamat daripada penjajahan ekonomi Barat. Syarikat kereta Nissan yang menjadi kebanggaan Jepun telah diambil alih oleh Renault menandakan Jepun juga tidak mampu menghalang kemasukan kuasa Barat ke negaranya.

Ekonomi negara-negara Latin Amerika telah dikuasai sepenuhnya oleh negara-negara maju. Kini Argentina dan Ecuador sedang mendapatkan kelulusan Parlimen masing-masing untuk menggunakan mata wang US dolar dan memansuhkan mata wang Argentina peso dan Ecuador sucre. Fenomena yang serupa sedang berlaku di Asia dan Eropah Timor. Indonesia, Thailand dan Korea Selatan telah menjadi mangsa penjajahan ekonomi Barat. Seperti saya nyatakan di awal ucapan yang merunsingkan kita adalah penjajahan ekonomi mengundang kepada pengstrukturian sistem politik dan sosial. Bagi negara Thailand dan Korea Selatan yang warganegara didominasi oleh satu bangsa, pengstrukturian politik dan sosial tidak mendatangkan banyak masalah. Tetapi bagi Indonesia yang rakyatnya terdiri daripada perbagai etnik, warna kulit, budaya, bahasa, fahaman dan agama pengstrukturian politik dan sosial mencetuskan konflik etnik, agama dan tuntutan pemisahan oleh daerah-daerah Aceh, Bali, Maluku dan Madura. Berpuluh ribu rakyat Indonesia yang tidak berdosa terbunuh dalam konflik tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak terlepas dari menghadapi risiko tinggi bagi mempertahankan kedaulatannya apabila negara-negara ASEAN, negara-negara Asia yang lain, Latin Amerika dan Eropah Timur menyerahkan kedaulatan ekonomi dan politik kepada Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya. Malaysia yang masih mempertahankan kedaulatannya menjadi sendirian dalam dunia antarabangsa. Apabila sistem ekonomi terbuka tajaan WTO dilaksanakan berperingkat-peringkat di seluruh dunia bermula tahun 2005, adakah Malaysia juga akhirnya akan menyerahkan kedaulatan ekonomi dan politik kepada Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya. Adakah Malaysia mampu mempertahankan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Aman bangun.

Tuan Jimmy Lim Donald: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat bagi Tambun, apakah kesan buruk yang akan dibawa oleh *dollarization* yang sekarang sedang berlaku di Argentina, kalaulah ia berlaku di negara kita.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara-perkara ini akan saya sampai nanti ke situ, saya berharap rakan saya dari Sri Aman dapat tunggu dan sabar mendengar ucapan saya. Saya minta maaf.

Adakah Malaysia mampu menghadapi globalisasi, kapitalis global dan demokrasi liberal bertuankan Amerika Syarikat seperti yang dibayangkan oleh Francis Fukuyama. Mampukah Malaysia menghadapi serangan kapitalis global atau syarikat multinasional yang mempunyai kuasa kewangan, teknologi, perdagangan, pasaran dan *networking*. Setiap syarikat multi nasional memiliki modal berbillion dolar, sebagai contoh dalam bidang industri maklumat sahaja syarikat multinasional Amerika Syarikat telah melabur modal berjumlah dua trilion dolar untuk menguasai dan mempertahankan penguasaan ke atas industri tersebut. Dari segi modal sahaja, adakah Malaysia mampu bersaing dengan kuasa-kuasa Barat.

Bagi menjawab persoalan tersebut, saya dapat menyatakan mampu atau tidak Malaysia mempertahankan kedaulatan ekonomi dan politik bergantung kepada sejauh mana Malaysia mampu menangani dan melakukan penyesuaian dengan perubahan struktur dunia dari kesan globalisasi. Saya mendapati sehingga kini Taiwan berjaya mempertahankan kedaulatannya kerana Taiwan berjaya melaksanakan pembangunan yang telah meletakkan negara tersebut sebagai salah sebuah daripada kuasa ekonomi dunia terutama dalam bidang IT dan IKS.

Begitu juga negara Jepun pada tahun-tahun terakhir abad ke-19 setelah dibuli bertahun-tahun oleh dunia Barat telah membuat keputusan untuk melaksanakan reformasi ekonomi ke arah menjadikan Jepun kuasa perindustrian dan perdagangan dunia. Kini sebagai sebuah kuasa ekonomi dunia, Jepun dapat memperluaskan kuasa politik dan pengaruhnya ke peringkat antarabangsa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Nanti dululah biar saya habiskan, nanti saya beri jalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Habis ucapan atau habis.....

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Habis bahagian yang saya hendak berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, sila teruskan.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Negara-negara Barat yang sering menjajah Jepun...

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya nampak Kepong begitu minat dengan ucapan saya, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Berminat juga [Ketawa]

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Negara-negara Barat yang sering menjajah Jepun pada abad-abad sebelum abad ke-19, sekarang menganggap Jepun sebagai '*big brother*' yang digeruni. Malaysia boleh mencontohi Taiwan dan Jepun bagi menjaga kedaulatan ekonomi dan politiknya. Dalam erti kata lain, Malaysia hendaklah merancang dan berusaha untuk menjadi kuasa ekonomi dunia pada abad ke-21 sebagai asas dalam mempertahankan kedaulatan negara.

Sebelum kita melihat apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh negara kita dalam menghadapi cabaran globalisasi, saya berpendapat elok terlebih dahulu kita melihat apakah kekuatan-kekuatan yang ada pada negara kita.

Saya ingin merujuk kepada pandangan Dr. Musa Salim, dalam karangannya, dengan izin, *The Muslims and the New World Order*, Dr. Musa Salim menyatakan bahawa Malaysia akan muncul sebagai negara maju dalam tempoh dua puluh tahun lagi yang turut menarik perhatian kita apabila beliau menyatakan Malaysia akan

mencapai taraf negara maju lebih awal daripada negara-negara Islam lain iaitu Iran, Arab Saudi, Pakistan, Indonesia, Turki, Sudan dan Asia Tengah.

Dr. Musa Salim menyatakan, kejayaan Malaysia mencapai pertumbuhan pesat adalah dirangsang oleh beberapa kekuatan antaranya:

- (i) kerajaan yang stabil dan pentadbiran kerajaan yang cekap;
- (ii) kepimpinan yang cemerlang;
- (iii) dasar yang baik dan penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran kerajaan;
- (iv) rancangan pembangunan yang teratur;
- (v) rakyat yang kuat bekerja untuk mencapai cita-cita;
- (vi) pemimpin berwawasan;
- (vii) penggunaan teknologi canggih, pengurusan moden, pendidikan berkualiti dan penyelidikan sebagai faktor pembangunan; dan
- (viii) hubungan baik dengan semua negara.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian bangun.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Malaysia sudah memiliki asas-asas untuk berkembang bagi mencapai status kuasa ekonomi dunia, yang menjadi penghalang adalah jurang daya saing di antara Malaysia dengan negara-negara maju. Kita faham bahawa jurang tersebut wujud dari faktor sejarah di mana negara-negara maju telah melalui proses pembangunan selama berabad-abad lamanya dengan itu telah mencapai paras ekonomi matang manakala negara Malaysia baru merdeka selama 42 tahun masih berada pada paras ekonomi pertengahan. Faktor yang akan menentukan kejayaan Malaysia untuk menjadi salah sebuah kuasa ekonomi dunia adalah faktor daya saing, justeru itu untuk menjadi kuasa ekonomi dunia pada abad ke-21 Malaysia perlu mempertingkatkan daya saing ke paras yang setanding dengan standard global. Malaysia mesti mempelajari bagaimana memperolehi penemuan-penemuan teknologi yang tidak hanya bergantung kepada struktur lama.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang berminat kerana apa dasar yang dilaksanakan di negara ini mengenai industri, mengenai teknologi maklumat, sains dan sebagainya memang menjejaskan semua lapisan masyarakat di negara ini dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa walaupun pihak Jepun dapat menguasai elektronik, dapat menguasai bahan-bahan binaan yang lain tetapi di dalam bidang teknologi maklumat, memang Jepun sangat ketinggalan zaman sekarang, sangat ketinggalan zaman di dalam teknologi maklumat kerana beberapa faktor.

Adakah Yang Berhormat sedar juga di Malaysia walaupun kita ada Taman Teknologi, kita pun ada MSC, kita menggalakkan pelaburan daripada luar tetapi semua ini, setakat ini dikuasai oleh syarikat-syarikat raksasa daripada Amerika Syarikat terutamanya. Adakah Yang Berhormat sedar kalau *trend* ini berterusan kita memang akan dijaahi oleh pihak Amerika Syarikat.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari segi hukum ekonomi sebenarnya tidak ada satu negara yang dia menguasai semua bidang. Negara yang paling besar di dunia Amerika Syarikat pun

menguasai bidang-bidang tertentu, jadi sudah tentulah negara Jepun juga menguasai bidang tertentu, negara Germany bidang tertentu dan ini ada dalam ucapan saya.

Dari segi bidang sains, teknologi dan sebagainya sebenarnya kita dalam proses peralihan. Kita baru menceburi bidang-bidang tersebut dan mengikut hukum ekonomi juga, jikalau penglibatan kita baru dalam bidang tersebut. Bidang itu baru, jadi kita belum mempunyai faktor-faktor dalaman yang mempunyai kekuatan untuk menceburi mengatasi syarikat-syarikat daripada luar. Bermakna sekarang yang perlu adalah untuk kita melahirkan syarikat-syarikat tempatan yang kuat dan kukuh yang dapat bersaing dengan negara-negara lain dan dalam proses itu berlaku globalisasi.

Kalau dahulu kita boleh melindungi pasaran kita daripada kemasukan pelabur luar, sekarang proses globalisasi telah berlaku dan inilah perkara-perkara yang saya cadang untuk bincangkan dan perkara yang Yang Berhormat sentuh tadi akan termasuk dalam ucapan saya dan saya hendak ingatkan Yang Berhormat bagi Kepong, saya rasa ucapan saya ini agak panjang juga, jadi kalau Yang Berhormat banyak bertanya dan tidak sabar menunggu apa yang saya cakapkan ini, nanti satu hari suntuk saya akan ambil masa untuk ucapan saya.

Dr. Tan Seng Giaw: Satu lagi penjelasan, tidak banyak. Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa walaupun kita ada MSC, walaupun kita ada Taman Teknologi, itu baik juga, ada sesetengah perkara di dalam Taman Teknologi..., saya tekankan kerana itu yang penting. Ada perkara-perkara yang baik juga berlaku di Taman Teknologi tetapi adakah Yang Berhormat insaf mengenai ketinggalan pihak Malaysia sekarang lebih kurang - tidak silap saya 20 tahun, yang tertinggal mengenai IT, mengenai teknologi yang lain, 20 tahun kalau tidak silap saya. Macam mana kita dapat menyelesaikan masalah ini, walhal dasar untuk menarik pakar-pakar warga kita sendiri pun masih tidak berkesan.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, perbandingan ini mesti dilihat, dilakukan dengan siapa, kalau kita hendak membandingkan dengan negara kita dengan *Silicon Valley*, saya rasa memang jauh. Tetapi kalau kita banding dengan *'Singapore I'*, umpamanya dan dengan negara-negara lain yang baru menceburi bidang MSC ini, saya ingat tidak jauh, salah satu yang ke hadapan.

Seperti mana yang saya nyatakan tadi dari segi syarikat-syarikat multi nasional Amerika Syarikat perbelanjaan yang dikeluarkan sampai dua trilion US Dollar - Kepong dengarlah saya cakap [*Melihat kepada Y.B bagi Kepong*] Apa yang bercakap bahasa isyarat dengan timbalan menteri. Dua trilion US Dollar, satu jumlah yang banyak dan tidak mungkin. Kalau kita lihat dari segi pendapatan negara kita, RM60 bilion setahun bagaimana kita hendak mengatasi syarikat-syarikat multi nasional. Dalam satu bidang sahaja, dua trilion US Dollar.

Jadi kalau kita hendak banding kita dengan Amerika, kita hendak bersaing dengan Amerika tidak mungkin tetapi pasaran dunia besar, segmen pasaran banyak. Jadi apabila kita mengkaji dari segi segmen pasaran, ada tempat-tempat yang kita mampu pergi oleh kerana dari segi sentimen orang, dari segi kuasa pasaran kerana produk kita yang berharga lebih rendah dan sebagainya, boleh kita menguasai pasaran tersebut, segmen yang tidak dikuasai oleh Amerika Syarikat, seperti mana Taiwan. Apabila Taiwan memasuki bidang IT, ada segmen-segmen yang tertinggal oleh syarikat-syarikat besar multi nasional Amerika Syarikat yang ditembusi oleh syarikat-syarikat Taiwan.

Jadi perkara-perkara inilah yang perlu kita bincangkan ke arah untuk kita memastikan daya saing negara itu tinggi.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya beri kepada Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bercakap mengenai globalisasi dan juga mengenai teknologi maklumat, saya mohon penjelasan daripada sahabat saya dari Tambun.

Satunya, globalisasi adalah permainan kuasa pasaran, market forces dan juga mobilisasi modal tanpa batas. Adakah saudara melihat sekiranya sesebuah negara bangsa atau nation itu tidak menyiapkan diri secara wajar maka globalisasi dan juga liberalisasi modal akan menjadi satu unsur *neo-imperialis* ataupun penjajah baru.

Contohnya, di wilayah kita, di rantau kita hari ini, kita telah pun melihat bagaimana satu negara sedang berkecamuk oleh kerana langgaran gelora globalisasi dan liberalisasi yang digandingkan dengan demokrasi liberal dan kebebasan yang total. Dalam hal ini, adakah saudara setuju bahawa Malaysia merupakan satu negara yang memang menyiapkan dirinya secara wajar supaya globalisasi tidak menjadi arus *neo-imperialis* dan pada waktu yang sama kita pula tidak terhakis oleh kewujudan globalisasi itu sendiri.

Yang keduanya, memang tidak adil untuk Kepong membuat satu perbezaan yang terlalu umum mengenai perkembangan IT kerana IT meliputi pelbagai sektor. Kalau Amerika terkenal dengan penciptaan sistem maka kita mungkin satu hari boleh muncul sebagai satu negara yang terkenal dengan services yang berkaitan dengan IT.

Jadi dalam hal ini adakah saudara sedar bahawa Malaysia hari ini sudah pun menyiapkan prasarana mental, psikologi dan kesedaran. Pada waktu yang sama, adakah saudara sedar bahawa kerajaan hari ini telah pun melihat supaya IT itu juga diberi satu bumiputera agenda supaya bumiputera itu sendiri tidak hanyut di dalam perniagaan IT di masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, pandangan-pandangan dari Yang Berhormat Parit Sulong memang saya persetujui. Yang saya harap kepada negara kita, apa yang berlaku di Indonesia mesti menjadi iktibar. Jadi setakat itulah yang saya hendak sentuh dan keduanya dari segi....

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tambun, beri laluan kepada Kubang Kerian.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Nanti dulu, nanti saya beri. Dari segi bidang IT ini saya bersetuju bahawa kalau kita lihat dari segi dokumen-dokumen dalaman dan luar, saya sentuh luar kerana banyak juga rakyat kita bergantung kepada dokumen luaran. Daripada analisis dokumen luaran, dari segi bidang IT, Malaysia sebuah negara yang sedang muncul dan akan muncul pada masa akan datang dengan persediaan yang telah dibuat. Kita di bidang IT ini, di negara kita ini mendapat sokongan yang cukup kuat daripada kerajaan sendiri. Ini sudah menjadikan suatu kekuatan, infrastruktur telah disediakan.

Di samping itu, rang undang-undang di negara kita pun lengkap dibandingkan dengan negara-negara lain. Jadi persediaan dan kemungkinan kita akan jadi salah sebuah negara yang mempunyai daya saing yang tinggi dalam bidang itu sudah kita nampak mula terlihat. Dari segi bumiputera, saya bersetuju. Kalau kita lihat dari segi kedudukan bumiputera, hasil daripada apa yang dijalankan oleh kerajaan sebelum kegawatan ekonomi, penguasaan ekonomi oleh kaum bumiputera telah naik tinggi. Saya tidak ingat statistik, kalau tidak silap saya sudah naik hampir sampai 30%. Tetapi dengan kegawatan ekonomi ini telah menurun bawah kepada 20%.

Apa yang saya fikir harus dilakukan adalah usaha untuk peningkatan ini terus dilaksanakan, di samping itu IT jadi satu agenda kerana pada peringkat ini bidang ini terbuka kepada semua rakyat kita dan dengan persediaan sistem pendidikan negara kita yang menghasilkan ramai intelektual kapital, saya percaya bahawa kaum bumiputera

juga telah terlibat di dalam bidang itu dengan berjaya dan kemudahan-kemudahan perlu disediakan terutama kita sedar antara halangan kaum bumiputera adalah dari segi modal. Kita tahu modal teroka sedang disediakan oleh kerajaan dan keseluruhan perkara-perkara ini mesti dilihat untuk menjamin kejayaan.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tambun. Berkenaan dengan industri Multimedia, saya ingin merujuk beberapa perkara untuk dikupas oleh Yang Berhormat Tambun. Baru-baru ini Perdana Menteri Singapura telah pergi ke India untuk mendapatkan 200 orang pakar IT daripada India untuk ditempatkan di Singapura dan dalam jangka masa lima tahun syarikat-syarikat yang ditubuhkan akan didaftarkan di Indeks di New York dan pada masa yang sama India telah pun melahirkan jutawan IT, Bill Gate daripada India sendiri sedangkan pada masa yang sama saya lihat kerajaan negara kita lebih mementingkan kepada *physical location* daripada meningkatkan kemampuan negara kita dalam IT umpamanya bagi mendapatkan status IT, status MSC di negara kita, semua syarikat yang terlibat mestilah sama ada menyewa di Cyberjaya yang kosnya RM3 sekaki persegi atau pun di bangunan KLCC dengan sewaan sebanyak RM6 hingga RM8 sekaki persegi. Mana-mana syarikat bumiputera atau mana-mana syarikat bukan bumiputera yang sudah pun beroperasi di luar kawasan, di kedua-dua kawasan ini tidak diberikan status MSC walaupun mereka mempunyai kemampuan dan kepakaran dan perniagaan yang telah pun *established* menampakkan kita lebih mementingkan kepada duduk di dalam kawasan ini, sewa bangunan hartanah yang telah disediakan oleh kerajaan, itu aspek yang kita tekankan.

Pada masa yang sama, orang lain telah pun maju ke depan dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tambun, kalau Yang Berhormat pergi ke website kerajaan kita, Timbalan Perdana Menteri Malaysia masih lagi Datuk Seri Anwar Ibrahim, tidak usah hendak cakap billionaire IT, globalisasi, website kita masih lagi Menteri Kewangan, Timbalan Perdana Menteri ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Cukuplah Yang Berhormat, saya faham....

Tuan Husam bin Haji Musa: Akhir sekali Yang Berhormat Tambun, saya ingin tahu bilakah buku Musa Salim tadi ditulis adakah sebelum Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat ataupun selepas? Sekian.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat menyentuh mengenai dengan Bangalore. Sebenarnya dari segi status kedudukan IT di dunia Bangalore ini yang kedua daripada Silicon Valley. Kalau kita ingat masa kita kecil dahulu, kita biasa dengar orang India ini ada MA bawa beca. Jadi pada masa itu dunia sedang beralih dari industri pertanian kepada perindustrian. Oleh yang demikian, MA ini tidak berguna sangat. Apabila beralih daripada industri pembuatan kepada IT, human capital atau modal sumber manusia ini sudah menjadi berharga. Idea-idea menjadi lebih penting lagi jadi dengan itu di India sudah ada full of orang-orang yang mempunyai kelulusan. Dengan itu India telah membangunkan Bangalore begitu lama.

Memang betul dan saya bersetuju, itu sebab saya kata perbandingan mesti dilihat. Kita hendak lihat Bangalore... kita tidak boleh bandingkan. Kita baru muncul diperkenalkan dua tiga tahun yang lalu dan kita bandingkan dalam dua tiga tahun yang lalu secara komparatif kita buat dengan negara-negara yang baru muncul, kita di hadapan sebenarnya.

Kemudian dari segi sistem, kita ada MSC. Sebenarnya ini adalah proses pembangunan dunia yang akan datang. Kalau kita tengok Silicon, Silicon di satu tempat, Bangalore di satu tempat, dia bukan di Bangalore, Madras, New Delhi - itu dipanggil sebagai *industry cluster* - rangkaian industri di mana syarikat induk yang besar ini duduk di situ lima, enam, sepuluh syarikat kemudian pembekal-pembekal dihid dalam satu tempat supaya *efficiency* industri ini akan dapat tercapai kerana sepertimana yang saya pernah sebut di dalam Parlimen, dalam abad ke-21 ini yang

akan menentukan kejayaan adalah *efficiency*. Efficiency cost, efficiency pengurusan, dari segi pembekalan, synergy seluruh dunia IT ini akan menghasilkan satu produk yang bukan saja kreatif, berkualiti tinggi tetapi dengan modal yang begitu rendah, tetapi pada harga yang tinggi, orang tidak akan beli. Itu sebab gunanya kita duduk di jadi baru dapat bersaing.

Kalau kita dapat menghasilkan satu produk yang cukup berkualiti dalam satu *cluster* dan tentunya hendak mewujudkan MSC ini memerlukan perbelanjaan, menyediakan infrastruktur, tempat yang strategik dan berbagai-bagai yang disediakan, takkan hendak beri murah pula harganya tetapi tidak bermakna bahawa mereka yang tidak mempunyai status MSC tidak boleh beroperasi di luar. Mereka boleh membuat kilang di luar tetapi tidak mendapat status MSC, itu saja dan kita juga mesti buat kajian komparatif, adakah kos MSC kita lebih murah daripada negara lain.

Saya rasa kalau hendak pergi ke Silicon Valley, tidak mampu; kita hendak pergi ke Bangalore, tidak mampu. Jadi, realiti-realiti ini harus kita faham jika kita hendak pergi ke masa hadapan dan ini perkara yang ingin saya hendak sentuh.

Dari segi buku Dr. Musa Salim, bila mana dia buat, itu satu persoalan dan itu tidak kita letakkan kepentingan. Yang pentingnya adakah apa yang dicakapnya itu ada atau tidak di negara kita ini. Itu sahaja. Apa yang dikatakan olehnya setelah kita analisis faktor-faktor yang disentuh oleh Dr. Musa Salim itu ada atau tidak di negara kita dan tidakkah faktor-faktor itu yang mencetuskan pembangunan di negara kita yang dicemburui oleh banyak dunia sehinggakan apabila kita diserang. Korea Selatan adalah sebuah negara yang telah mencapai pertumbuhan yang tinggi. Saya pergi ke Korea Selatan sebelum daripada kegawatan ekonomi pukul 8 kedai sudah tutup. Kita hendak beli barang, tidak tahu cakap Korea, dia halau kita. Begitu angkuh kerana pertumbuhan ekonomi begitu besar.

Rakyatnya mencapai pendapatan yang begitu tinggi, jauh lebih daripada kita. Bila hendak bagi turun sedikit kebajikan rakyatnya, rakyat membuat demonstrasi. Negara Thailand menghadapi serangan, negara Indonesia menghadapi serangan, terus menerus IMF ambil untuk membantu. Tetapi kita tidak, ini adalah kekuatan sebenar yang ada pada kita dan ini anugerah Allah s.w.t., takdir Allah yang kita ada hari ini semua berkat daripada usaha kita, kepimpinan kita yang mesti kita akui.

Saya bercakap ini kerana saya banyak tempat telah saya pergi, Tuan Yang di-Pertua, persidangan di banyak tempat di negara-negara lain dan semua orang mengakui macam mana sebuah negara Malaysia boleh menghasilkan satu sistem yang begitu hebat mempertahankan ekonomi padahal negara yang lebih besar, yang lebih mendahului kita tidak dapat mempertahankan ekonomi. Jadi, saya minta hendak teruskan, kalau tidak saya ingat saya akan habis esok.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai dengan pentadbiran global. Ini cukup penting, sebuah negara ini negara Malaysia akan ditentukan oleh sejauh mana dunia global ini. Apa yang berlaku di dalam dunia global akan mempengaruhi negara. Jadi ini amat penting. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara membangun, ekonomi Malaysia akan menerima kesan daripada perubahan-perubahan trend dalam ekonomi global. Saya berpendapat sebagai strategi utama, Malaysia perlu meneruskan peranan penting di peringkat antarabangsa supaya globalisasi tidak mewujudkan order sistem dan struktur ekonomi antarabangsa yang berat sebelah dan merugikan negara-negara membangun.

Sepertimana kita sedia maklum, negara-negara maju tidak sabar-sabar untuk melaksanakan globalisasi. Dalam ucapan-ucapan Presiden Clinton di Congress dan Davos baru-baru ini, beliau menekankan tema globalisasi dan menggesa kerajaan-kerajaan supaya memberi priority dalam mempergiatkan pelaksanaan globalisasi. Pertama saya ingin menyentuh mengenai dengan globalisasi ekonomi.

Saya akan membincangkan beberapa pandangan ke arah mewujudkan sistem pentadbiran sistem global yang ideal. Terlebih dahulu marilah kita melihat trend-trend globalisasi yang akan digunakan sebagai asas dalam perbincangan seterusnya.

Globalisasi ekonomi memberi impak kepada aktiviti perdagangan sistem kewangan dan sektor korporat. Pertama, perdagangan dunia telah bertambah 12 kali ganda dalam tempoh 50 tahun dan kini berjumlah 5 trillion dollar yang mesti dinyatakan pengagihan perdagangan adalah dikuasai oleh negara-negara maju sebanyak 70% daripada perdagangan dunia.

Kedua, perpindahan modal meningkat dengan lebih pesat dari perdagangan berpunca dari pelaksanaan sistem kewangan terbuka dan pelaksanaan kadar tukaran bebas yang diperkenalkan pada tahun 1980-an. Perdagangan tukaran asing pada setiap hari meningkat dengan cepat dari berjumlah 10 billion dollar pada tahun 1970 kepada 50 billion dollar pada tahun 1980 kepada 600 billion dollar pada tahun 1990 dan pada tahun 1996 berjumlah 1.3 trillion dollar iaitu dua kali lebih banyak agregat rezab tukaran asing semua negara maju di Eropah. Yang penting di sini bukan saiz perdagangan tukaran asing tetapi hubungannya dengan ekonomi sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak *elaborate* sedikit perkara ini semasa berlaku kegawatan ekonomi. Negara yang pertama membangkitkan isu bahawa tukaran asing ini sebenarnya tidak dilakukan untuk perdagangan 10% tetapi digunakan untuk pelaburan antarabangsa 90%. Dengan itu, pandangan negara kita bahawa sebenarnya kadar tukaran asing sesebuah negara tidak ditentukan oleh kekuatan ekonomi negara tersebut. Ia ditentukan oleh 90% tadi.

Pada peringkat awal, pandangan dunia kepada kita sebagai tidak mengikut zaman. Tetapi sekarang dunia telah mengakui pendapat kita - jadi ini yang ingin saya sentuhkan. Sebelum ini tukaran asing digunakan bagi tujuan perdagangan dan pelaburan. Kini hanya 10% daripada tukaran asing digunakan untuk perdagangan. Sebilangan besar daripada perdagangan tukaran asing adalah untuk tujuan aktiviti spekulasi mata wang, pelaburan dalam pasaran saham, pelaburan untuk mengambil keuntungan dari perubahan kadar faedah bank dan pelaburan dalam pasaran *derivative*. Inilah yang mengakibatkan mata wang negara-negara kecil terdedah kepada risiko aktiviti spekulasi kewangan.

Ketiga, FDI meningkat daripada RM50 bilion pada tahun 1980an kepada RM300 bilion pada masa kini. Syarikat-syarikat multinasional kini menguasai 70% daripada perdagangan dunia, di samping itu syarikat-syarikat multinasional kini melakukan penggabungan dengan mewujudkan syarikat-syarikat multinasional yang lebih besar bagi memperkukuhkan penguasaan ekonomi global. Ini disentuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita semasa di Persidangan UNCTAD di Bangkok baru-baru ini. Wujudnya syarikat multinasional yang sudah berharta berbilion ringgit, kemudian dicantumkan jadi 3,4,5 players dalam bidang automobil, akhirnya akan jadi 5 players sahaja untuk menguasai cengkaman dalam industri tersebut. Jadi inilah trend-trend yang berlaku dalam dunia globalisasi.

Melihat kepada apa yang dibincangkan tadi, [disampuk].

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Penjelasan. Nampaknya Yang Berhormat bagi Tambun sangat cenderung kepada perbandingan peringkat antarabangsa tentang monopoli. Sememangnya menjadi trend dalam perniagaan 'siapa cepat dia dapat'. Jadi, sepertimana juga dalam negara kita, apakah Yang Berhormat tidak sedar bahawa umpamanya dalam sektor pembekalan tenaga hanya dimonopoli oleh satu syarikat, begitu juga dengan sistem telekomunikasi hanya disekatkan kepada bilangan yang tertentu. Kalau misal kata kita membandingkan dengan negara-negara luar tentang ciri-ciri monopoli umpama dihadkan players, dengan izin, kepada bilangan tertentu, maka pada masa yang sama negara kita juga mesti mendahului sebelum kita mengajar negara-negara luar tentang keadilan dari segi persaingan-persaingan perdagangan. Umpamanya sebagai satu contoh, kita tidak suka kepada negara-negara luar yang bercantum umpamanya syarikat gergasi bercantum. Kita mesti dahulu

menunjukkan model untuk membuka gelanggang di tanah air kita sendiri kepada lebih ramai players. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tambun.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua,

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:.....ada point of order pula.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini teguran point of order kepada saudara tadi. Pertanyaan hendaklah mengadap kepada Tuan Yang di-Pertua, jangan mengadap kepada yang bertanya – ini mengikut Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okay, ya.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya fikir kita lihat kepada apakah tajuk yang dibincangkan oleh pembentang. Pembentang sedang membincangkan tentang globalisasi, bukan membincangkan isu dalaman - akan sampai ke situ nanti. Jadi, kita bincang globalisasi, kita bincang globalisasi dahulu. Kita mesti ada struktur untuk kita gunakan ilmu pengetahuan dalam berbincang. Saya harap kita sabar dahulu.

Melihat kepada apa yang dibincangkan tadi, dapat dilihat dengan jelas bahawa globalisasi membawa manusia menghadapi risiko ekonomi yang cukup berat. Instrumen-instrumen kewangan yang menarik, saiz aktiviti pelaburan besar, boleh mencetuskan kemusnahan kepada ekonomi dan kewangan dunia. Kejatuhan sebuah pusat kewangan antarabangsa boleh berjangkit dengan pantas ke pusat-pusat kewangan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, siapakah yang berkuasa dalam dunia global seperti yang saya nyatakan dalam Sistem Pasaran Terbuka. Pelabur boleh bertindak secara bebas, kuasa kerajaan adalah terbatas manakala kuasa pemilik modal bertambah. Pelabur dan spekulator antarabangsa boleh mempengaruhi dan menentukan nasib sesebuah negara. Pengaliran modal daripada satu negara ke negara lain tidak lagi dapat dikawal. Sebarang perubahan aliran modal akan memusnahkan ekonomi dan kewangan negara-negara kecil.

Kini kerajaan, bank pusat dan IMF tidak mempunyai kemampuan untuk mengatasi aktiviti pelabur antarabangsa. Skop krisis yang dihadapi oleh sistem ekonomi dunia sudah berkembang dengan begitu besar sehinggakan sistem yang ada sekarang tidak lagi mampu memainkan peranan dengan efektif. Argentina menghadapi kerugian separuh KNK dan Chile 40% dari KNK semasa krisis perbankan pada tahun 1980-an. Di negara-negara membangun, kegawatan ekonomi memberi kesan mendalam kepada rakyat. Menurut angka PBB, krisis ekonomi Asia mengakibatkan ramai yang menganggur dan lebih 100 juta orang menghadapi kekurangan makanan. Saya ingin[disampuk].

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datoh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bagan Datoh bangun.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang Berhormat Tambun, saya ingin minta laluan untuk penjelasan sedikit tentang peranan IMF di mana kita lihat di kaca TV dan di dada akhbar baru-baru ini, apabila Michel Camdessus, Pengarah Urusan IMF yang telah dibaling dengan pizza....[disampuk]

Seorang Ahli: Ditonyoh!

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Ditonyoh dengan pizza. Adakah merupakan satu manifestasi ketidakpuasan hati kumpulan-kumpulan tertentu terutama kumpulan negara-negara membangun terhadap peranan IMF yang sebenarnya bukan

memulihkan ekonomi negara-negara berkenaan tetapi lebih menekan lagi dan adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Malaysia beruntung dengan tidak menerima bantuan IMF sebagaimana negara-negara Asia yang lain yang telah mengalami krisis ekonomi. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Bagan Datoh. Kalau kita ingat pada tahun lalu semasa Parlimen Thailand hendak meluluskan cadangan bagi membolehkan syarikat luar membeli aset dan ekuiti Thailand terdapat bantahan yang cukup besar sehinggakan penduduk Thailand membawa sepanduk menyatakan mereka menyokong Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad - ini hakikatnya. *[Tepuk]*. Sebenarnya ini berlaku. IMF sudah begitu obsolete. IMF mungkin berjaya menyelesaikan masalah beberapa negara seperti Latin Amerika tetapi penyelesaian yang sebenar bukan penyelesaian ke peringkat akar umbi.

Apa yang saya maksudkan bukan kepada peringkat mempertahankan kedaulatan negara tersebut tetapi membenarkan pelabur asing mengambil alih perniagaan di sana. Itu sebabnya Argentina sekarang ini sedang meminta kelulusan Parlimen untuk menukar mata wang kepada Argentina Peso dan Ecuador sekarang sedang berlaku pergaduhan kerana rakyat tidak bersetuju mata wang Ecuador ditukar kepada mata wang Amerika Syarikat. Saya cuba bayangkan kalau ini berlaku di Malaysia adakah Parlimen Malaysia akan bersetuju apabila Ringgit hendak ditukarkan kepada US Dollar? Jadi ini hakikat yang berlaku di dunia sekarang. Saya harap jadi iktibar kepada semua pihak, di samping itu mengenai dengan keuntungan, inilah keuntungannya - kebebasan negara kita, kedaulatan negara kita. Kalau kita pergi kepada IMF hari ini, Parlimen kita sudah membuat usul yang berbeza mungkin sepertimana yang berlaku di Thailand, Indonesia dan juga di negara-negara Argentina.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada impak globalisasi kepada negara yang membangun, saya berharap Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia akan terus memainkan peranan supaya pelaksanaan globalisasi tidak menjejaskan negara-negara membangun. Saya secara spesifik menyebut Perdana Menteri kerana hakikatnya tidak ramai pemimpin-pemimpin dunia yang memahami apa sebenarnya yang berlaku kepada ekonomi dan kewangan antarabangsa. Perdana Menteri kitalah salah seorang daripada pemimpin dunia yang tahu tentang realiti ekonomi masa kini. *[Tepuk]* Dalam Persidangan UNCTAD di Bangkok, pemimpin-pemimpin dunia menyatakan kita tidak boleh menghalang proses globalisasi. Jika proses globalisasi tidak boleh dihalang realitinya kita terpaksa hidup dengan sistem tersebut sehingga akhir hayat. Justeru, yang boleh kita lakukan adalah berusaha memastikan peraturan-peraturan globalisasi tidak merosakkan kita. Saya ingin memberi beberapa pandangan.

Pertama, sistem liberalisasi pasaran kewangan yang telah diperkenalkan hendaklah dikaji semula dan membenarkan kawalan-kawalan kewangan dilaksanakan oleh kerajaan. China terlepas daripada krisis ekonomi kerana China mengamalkan peraturan dan kawalan modal ke atas pasaran kewangannya. Negara-negara yang diserang spekulator hendaklah diberi hak untuk mempertahankan mata wang dan pasaran kewangannya dengan melaksanakan peraturan-peraturan termasuk kawalan modal. Sistem kewangan antarabangsa hendaklah mengadakan peraturan-peraturan bagi menguasai aliran modal yang berjumlah trilion US Dollar sehari dan mengawal aktiviti spekulator kewangan supaya tidak membawa gangguan dan ketidakstabilan dalam pasaran. Kestabilan yang menyeluruh hendaklah dipastikan kepada sistem kewangan global. Pelaburan-pelaburan antarabangsa hendaklah diberi pengkelasan sama ada bersifat jangka pendek atau jangka panjang. Pelaburan berbentuk jangka pendek dengan jumlah berbilion dolar dan berpindah dengan pantas menyebabkan ketidakstabilan dalam ekonomi global. Kestabilan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi global dapat diperolehi hanya dengan pelaburan jangka pendek diawasi dengan efisien dan peraturan-peraturan ditetapkan.

Kedua, satu sistem antarabangsa perlu diadakan bagi menangani masalah FDI. Proses globalisasi membuat FDI beroperasi secara global dengan memindahkan

pelaburan ke negara-negara yang rendah kos pengeluaran. Kepentingan FDI dan negara penerima pelaburan hendaklah ditentukan supaya pelaburan oleh FDI tidak mendatangkan kesan yang merugikan negara-negara membangun sebaliknya mendatangkan keuntungan dari sudut pekerjaan, penggunaan bahan mentah, perbekalan tempatan, subkontrak, pemindahan teknologi, pemindahan keuntungan dan pelaburan semula. Masanya sudah tiba untuk mengadakan peraturan bagi aktiviti pelaburan global.

Ketiga, untuk menangani cabaran-cabaran globalisasi sebuah badan penyelarasan hendaklah ditubuhkan. Pada masa pasaran global tidak diselia oleh satu pentadbiran global, peraturan global atau pembuat dasar global. Sistem antarabangsa masih ditentukan oleh kerajaan-kerajaan dan badan-badan tertentu. Negara-negara maju menubuhkan Kumpulan G7 untuk menggubal dasar ekonomi dan kewangan bagi menjaga kepentingan ekonomi negara-negara tersebut dan menentukan arah tuju ekonomi global.

Agensi-agensi antarabangsa IMF, WTO dan bank dunia adalah di bawah pengaruh G7. Masalah-masalah negara-negara membangun tidak diberi keutamaan oleh G7 malah jika diberi perhatian tidak mencerminkan pandangan negara-negara membangun. Penubuhan sebuah Majlis Keselamatan Ekonomi (MKE) seperti PBB adalah penting ke arah mewujudkan sistem pentadbiran antarabangsa yang menyeluruh atau *Worldwide System of Governance*. MKE hendaklah diwakili oleh blok-blok ekonomi termasuk Asian untuk memainkan peranan, menentukan peraturan-peraturan ekonomi global dan menyelaraskan agensi-agensi antarabangsa - WTO, IMF dan bank dunia. Matlamat utamanya adalah untuk memastikan trend-trend ekonomi global dapat menjamin kestabilan pembangunan ekonomi dan sosial antarabangsa. Ini bertujuan untuk menangani risiko ekonomi global yang terdedah pada keadaan tidak menentu dan ketidakstabilan berpunca daripada sistem kewangan dan perdagangan yang tidak dikawal.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sipitang bangun.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Tambun. Beliau ada menyebut tadi tentang globalisasi dan permasalahan ekonomi dunia. Kalau kita lihat daripada peruntukan bahawa agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menyelesaikan masalah ekonomi dunia ini ialah bank dunia dan juga punca kewangan daripada IMF. Bank dunia ini dalam peruntukan mesti diketuai oleh negara daripada blok Amerika dan IMF pula boleh dari negara Eropah. Tetapi kedua-dua negara ini nampaknya tidak begitu faham tentang masalah yang dihadapi oleh global ini. Adakah Yang Berhormat setuju jikalau ada perubahan sedikit dari segi pendekatan (approach) supaya pengerusi ataupun peneraju bank dunia ini - IMF ini diganti-gantikan mengikut blok dunia - dimasukkan juga negara Asia daripada blok Asia - Amerika Selatan, Afrika dan sebagainya supaya peneraju ini faham tentang kehendak-kehendak dunia sekarang ini, bukan cuma dimonopoli oleh Amerika dan juga Eropah? Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya cukup bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Sipitang. Sebenarnya kalau kita lihat kepada agensi-agensi antarabangsa mereka ditubuh oleh dunia Barat dan kebanyakannya selepas Perang Dunia Kedua dimonopoli oleh dunia Barat dan digunakan oleh dunia Barat untuk mempengaruhi order dunia. Ini bermakna bahawa pemegang jawatan terdiri daripada pengerusi-pengerusi sudah dibentuk mentalnya begitu. Maksudnya badan-badan ini untuk servis kepentingan negara-negara maju. Ini antara perkara yang dibawa oleh negara kita. Bermakna dunia sekarang juga perlu melihat kepada kebolehan orang-orang Asia untuk menerajui dan melihat permasalahan-permasalahan dunia secara objektif, tidak secara bias sebagaimana yang berlaku sekarang. Saya juga ingin mengesyorkan kerajaan hendaklah membuat kajian impak ke atas kesan globalisasi atas ekonomi Malaysia.

Bagaimanakah kedudukan Malaysia dari segi persaingan domestik dan global. Industri-industri manakah akan menerima kesan buruk daripada globalisasi. Industri-industri manakah yang mampu bersaing, bagaimana dengan kapasiti industri sekarang. Manakah produk yang mampu bersaing dengan produk antarabangsa. Mengenal pasti jurang di antara ekonomi Malaysia dengan ekonomi global dan memastikan jurang tersebut diatasi. Hasil kajian hendaklah digunakan bagi membuat satu dasar ekonomi yang menyeluruh. Turut mengambil kira faktor tidak ketara, *intangibles*, melibatkan pendidikan, latihan dan kemahiran agar proses up-grading menyeluruh dapat dilaksanakan dari sekarang. Perusahaan-perusahaan kecil perlu digabungkan agar mempunyai saiz, modal, teknologi, penyelidikan, pasaran dan tenaga mahir untuk meningkatkan kemampuan daya saing. Kesedaran kita perlu dilakukan dari sekarang supaya cabaran globalisasi dapat memberi manfaat kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, pemulihan ekonomi adalah faktor terpenting dalam menentukan hala tuju masa hadapan negara. Saya berharap pemulihan ekonomi sepenuhnya dapat dicapai dalam waktu terdekat kerana sistem liberalisasi sektor kewangan akan dilaksanakan pada tahun 2002, AFTA pada tahun 2003 dan sistem ekonomi terbuka, WTO pada tahun 2005. Strategi-strategi yang diperkenalkan oleh kerajaan melalui kawalan modal terpilih, penstrukturan sektor perbankan dan sektor korporat telah mempergiatkan semula sektor ekonomi. Sektor-sektor dan institusi-institusi ekonomi didapati lebih efisien. Baru-baru ini indeks komposit BSKL telah naik melebihi seribu point. Diharap pelan penggabungan sektor perbankan dan kewangan akan berjaya dilaksanakan tanpa penggabungan institusi-institusi perbankan dan kewangan tidak mampu bersaing dengan bank antarabangsa apabila sistem globalisasi sektor perbankan dan kewangan dilaksanakan pada tahun 2002. Saya berharap kerajaan tidak tunduk kepada tekanan-tekanan dalaman dan luaran supaya sistem kawalan modal terpilih dihapuskan.

Penentang-penentang sistem kawalan modal terpilih tidak dapat melihat hakikat bahawa sistem kawalan terpilih telah berjaya melindungi negara kita daripada ketidakstabilan sistem ekonomi dan kewangan antarabangsa. Sebelum kerajaan memperkenalkan sistem kawalan modal terpilih, ketidakstabilan sistem ekonomi dan kewangan antarabangsa menyebabkan nilai ringgit mengalami turun naik mendadak sehingga satu masa nilai ringgit jatuh ke paras paling rendah iaitu RM4.80 bagi US\$1. Ketidaktentuan kadar ringgit membuat pengimport dan pengeksport kita sukar menjalankan perdagangan kerana tidak dapat menetapkan harga. Keadaan tersebut menjejaskan perdagangan negara dengan teruk sekiranya kerajaan tidak menetapkan kadar tukaran asing tetap pada kadar RM3.80 bagi US\$1. Tidak mungkin kita dapat menikmati peningkatan dagangan dan lebih dagangan seperti yang dinikmati sekarang. Begitu juga dengan memperkenalkan sistem sekatan ke atas pengaliran keluar modal. Tanpa sebarang sekatan pada akhir tahun 1997 sehingga awal tahun 1998 pelabur-pelabur antarabangsa menarik keluar modal jangka pendek dari negara kita.

Pengaliran keluar modal tersebut telah menjejaskan dengan teruk BSKL, dengan indeks komposit jatuh ke paras 300 point pada awal tahun 1998 daripada 1400 point pada pertengahan 1997 dan permodalan BSKL merosot kepada 30% daripada nilai asal. Kejatuhan nilai saham BSKL telah mendatangkan kesan jangkitan kepada sektor korporat dan perbankan. Ramai pekerja kita diberhentikan kerana sektor korporat mengalami kerugian dan pengurangan kapasiti. Hasil pendapatan negara juga turut terjejas kerana hasil cukai dari sektor tersebut merosot. Belanjawan negara terpaksa dipotong 15%. Ini menjejaskan projek-projek pembangunan rakyat.

Krisis ekonomi dan kewangan yang dihadapi dari akhir tahun 1997 sehingga akhir tahun 1998 adalah amat serius dan jika program pemulihan tidak mendatangkan hasil yang berkesan pada hari ini negara kita sudah hampir bankrap ataupun di bawah pengurusan IMF dan beratus ribu pekerja kita kehilangan pekerjaan. Pemulihan ekonomi bukanlah satu langkah mudah, ia memerlukan kepada penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar dan pendekatan-pendekatan yang bijaksana. Tidak semua negara mampu memulihkan ekonomi dalam waktu yang singkat. Negara Jepun yang

begitu kaya masih belum dapat mengatasi krisis ekonomi yang dihadapi lebih satu dekad sejak tahun 1985.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan Datok bangun.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Sekejap. Marilah kita bersyukur ke hadirat Allah s.w.t. dasar-dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan telah memberi kesan-kesan positif.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah di atas kajian terperinci yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Tambun mengenai ulasan terhadap junjung kasih Titah Yang di-Pertuan Agong ini terutama dalam aspek ekonomi. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa langkah-langkah pemulihan ekonomi yang dibuat oleh kerajaan adalah merupakan langkah-langkah yang tidak pernah dibuat oleh mana-mana negara dalam dunia ini. Kita tahu bahawa kajian ini adalah merupakan kajian atau kes kajian yang telah diambil kira oleh universiti-universiti ternama di dunia seperti Harvard Business School yang melihat bahawa apa yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia adalah sesuatu yang baru yang harus dijadikan contoh pada negara-negara lain yang akan mengalami krisis yang sama di masa-masa akan datang. Jadi saya mohon supaya dapat diberi penjelasan.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya nampak Yang Berhormat bagi Bagan Datok begitu cekap dari segi ilmu-ilmu ekonomi. Dunia mengiktiraf dasar kita dalam bahasa Inggeris dipanggil brilliant, dasar yang cukup brilliant dalam mengatasi masalah ekonomi. Ini saya hendak sentuh dalam perenggan yang seterusnya. Saya percaya permintaan supaya kerajaan menghapuskan sistem kawalan modal terpilih dibuat oleh pihak-pihak luar kerana tidak memahami kedudukan sebenar ekonomi Malaysia. Saya tidak yakin penganalisis luar ada membuat kajian berdasarkan fakta tetapi semata-mata berasaskan kenyataan umum. Mereka menyamakan krisis ekonomi Malaysia dengan krisis ekonomi negara-negara Asia yang lain.

Semasa saya menghadiri seminar ESAM di Copenhagen pada bulan April 1999 melibatkan pemimpin-pemimpin negara-negara Asia dan Eropah dan wakil dari UNDP salah satu daripada agenda utama yang dibincangkan ialah sistem kawalan modal terpilih Malaysia. Saya mendapati bahawa beberapa beberapa negara Eropah pada peringkat awal tidak menyokong sistem kawalan modal terpilih Malaysia kerana kefahaman yang tidak betul tetapi sekarang badan-badan antarabangsa turut menyokong langkah-langkah Malaysia dan beberapa negara mula meniru sistem kawalan modal terpilih Malaysia sebagai model dalam menghadapi krisis ekonomi dan kewangan.

Yang mendukacitakan pada akhir tahun 1999, IMF telah menolak permohonan negara-negara Indonesia dan Thailand untuk menggunakan sistem kawalan modal terpilih ala Malaysia bagi menangani krisis ekonomi yang dihadapi. Apabila mata wang baht diserang dan menghadapi kejatuhan nilai yang teruk pada akhir tahun 1999, IMF dan pihak luar hanya melihat dan berpeluk tubuh, yang menjadi mangsa ialah rakyat Thailand. Dalam perbincangan dengan beberapa pegawai kanan kerajaan saya difahamkan kerajaan sentiasa memantau perkembangan sistem ekonomi dan kewangan antarabangsa. Penyesuaian-penyesuaian tertentu akan dilakukan terhadap sistem kawalan modal terpilih apabila perlu.

Berkaitan dengan sistem tukaran asing. Saya ingin menyatakan kepada kerajaan jika apabila tiba waktunya kerajaan berhasrat untuk menilai semula kadar tukaran kepada yang lebih realistik atau menukar semula kepada sistem terapung, kerajaan hendaklah memberitahu pengusaha dan pengeksport lebih awal supaya mereka tidak terperangkap dengan perubahan tersebut. Pengeksport kita berurusan melalui surat kredit atau letter of credit di mana kebanyakannya bayaran dibuat tiga hingga 6 bulan selepas penghantaran barang. Ada barang yang menerima margin

keuntungan kecil di antara 5% hingga 10%. Sekiranya nilai ringgit meningkat sedikit sahaja akan mengakibatkan pengeksport menghadapi kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi beberapa pandangan mengenai isu-isu ekonomi. Saya mendapati ekonomi Malaysia dibentuk di atas tiga asas utama. Pertama seperti negara-negara membangun yang lain ekonomi Malaysia masih bergantung kepada FDI. Ini dapat dilihat di mana sebahagian besar daripada perdagangan Malaysia berpunca daripada aktiviti FDI. Kedua, Malaysia masih merupakan pengeksport bahan mentah terutama petroleum dan kelapa sawit. Ketiga, sektor swasta Malaysia masih berteknologi rendah dan tidak mampu bersaing pada peringkat global.

Ke arah memperkukuhkan pertumbuhan dan ketahanan ekonomi Malaysia saya berpendapat beberapa pendekatan ekonomi hendaklah dilakukan iaitu pertama, meningkatkan tumpuan kepada industri berorientasikan eksport. Priority hendaklah diberikan kepada meningkatkan pengeluaran industri berteraskan eksport. Kedua, meningkatkan efficiency ekonomi secara menyeluruh melalui strategi berimbang iaitu tumpuan kepada ekonomi sudut permintaan dan kedua ekonomi sudut penawaran. Dasar belanjawan defisit yang diperkenalkan kerajaan menumpukan kepada penguatan ekonomi sudut permintaan dapat mempergiatkan perkembangan ekonomi.

Strategi ini penting terutama dalam menangani krisis ekonomi. Tumpuan kepada ekonomi sudut penawaran pula dapat mewujudkan struktur industri yang efficient pada akhirnya akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang menyeluruh dan mampan. Ketiga dalam peringkat peralihan ekonomi peranan FDI penting dalam menentukan pertumbuhan ekonomi. Di mana saya nyatakan tadi pada peringkat peralihan ekonomi peranan FDI adalah penting dalam menentukan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi. Dengan pertumbuhan ekonomi yang digerakkan oleh FDI akan memperluaskan skop ekonomi dan membuka peluang kepada penyertaan pelabur-pelabur tempatan. Yang dimaksudkan dengan peralihan ekonomi ialah pada masa industri tempatan sedang berada pada paras pertengahan. Pada masa itu ekonomi tersebut memerlukan input dari luar untuk berkembang. Untuk menarik FDI kerajaan hendaklah memastikan suasana negara yang menarik. Perkara ini penting diberi tumpuan kerana melalui proses globalisasi yang memperkenalkan sistem ekonomi terbuka FDI akan melabur atau memindahkan pelaburan ke mana-mana negara yang dapat memberikan keuntungan yang maksimum.

Antara faktor-faktor kritikal yang memerlukan tumpuan kerajaan ialah menentukan kos pengeluaran yang kompetitif. Faktor kewangan ialah faktor yang menarik syarikat multinasional untuk melabur di luar negara. Apabila kos pengeluaran di negara-negara maju meningkat pada tahun 1970-an...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tambun, Yang Berhormat Jeli bangun.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Biar saya habiskan. Banyak ini Yang Berhormat, saya habis cepat Yang Berhormat boleh cakap nanti.

Apabila kos pengeluaran di negara-negara maju meningkat pada tahun 1970-an syarikat-syarikat multinasional mula memindahkan pengeluaran ke negara-negara membangun kerana kos pengeluarannya rendah. Antara negara-negara yang mendapat faedah dari pemindahan pengeluaran ke negara membangun adalah negara ASEAN dalam tahun-tahun 1990-an dengan perubahan dasar-dasar ekonomi di negara-negara Eropah Timur, China dan Vietnam syarikat-syarikat multinasional memberi lebih tumpuan kepada negara tersebut kerana kos pengeluaran yang lebih rendah daripada negara-negara membangun yang lain. Untuk memastikan FDI terus melabur di negara ini kita perlu memastikan kos pengeluaran di negara kita kompetitif berbanding dengan negara pesaing iaitu China, Vietnam, Thailand, Indonesia dan Filipina.

Sejak kejatuhan ekonomi Asia saya dapati badan-badan ekonomi antara-bangsa memperkenalkan beberapa pendekatan ekonomi dan bukan ekonomi kepada

negara-negara membangun. Di antaranya melibatkan ILO yang mahu memperkenalkan sistem upah minimum di negara-negara membangun. ILO mengaitkan sistem upah minimum sebagai pakej untuk melindungi kebajikan pekerja terutama dalam keadaan krisis ekonomi. Pada dasarnya sistem upah minimum adalah baik untuk menjaga kebajikan pekerja. Namun, saya berharap kerajaan Malaysia dan kerajaan-kerajaan negara membangun hendaklah bersikap berhati-hati terhadap cadangan ILO itu kerana pelaksanaan sistem tersebut akan membawa implikasi kepada ekonomi pada keseluruhannya.

1255

Saya difahamkan upah minimum yang dicadangkan bagi Malaysia adalah RM1,2000 sebulan. Ini akan membawa kepada peningkatan kos upah yang akan menyumbang kepada peningkatan kos pengeluaran. Dengan itu, produk yang dikeluarkan di negara kita tidak berdaya saing di pasaran antarabangsa. Dari segi FDI, trend menunjukkan apabila kos pengeluaran meningkat tinggi daripada kos pengeluaran di negara-negara lain, FDI akan memindahkan pengeluaran ke negara yang kos pengeluarannya rendah. Bagi negara Malaysia di mana FDI menyumbang 40% daripada perdagangan negara yang mewujudkan beratus ribu pekerjaan, pemindahan FDI ke negara lain akan menjejaskan ekonomi Malaysia. Di samping itu, dengan kos pengeluaran yang tinggi pengusaha tempatan akan hilang daya saing bukan sahaja di pasaran antarabangsa, malah di pasaran domestik.

Sebagai contoh, kita telah menyaksikan dalam bidang elektronik Malaysia menguasai pasaran antarabangsa bagi pengeluaran *semi-conductor* dan lain-lain komponen elektronik sejak tahun 1990. Sekarang Malaysia menghadapi persaingan daripada negara China dan Vietnam kerana kos pengeluaran di negara-negara tersebut adalah lebih rendah. Secara purata upah di negara China dan Vietnam adalah bersamaan nilai RM200 sebulan membuat negara China dan Vietnam lebih berdaya saing daripada negara kita. Dengan keruntuhan sistem sosialisme di Eropah Timur dan semakin banyak negara mengamalkan sistem ekonomi kapitalis sejak satu dekad yang lalu FDI mempunyai banyak pilihan untuk membuat pelaburan.

Saya berharap sistem upah minimum ILO hendaklah dikaji secara menyeluruh akan impak pada masa hadapan negara. Jika kerajaan bercadang untuk melaksanakan sistem tersebut, penyesuaian-penyesuaian hendaklah dilakukan mengikut kemampuan kita. Saya juga ingin mengesyorkan kepada kerajaan agar proses *upgrading skill* pekerja juga dilakukan melalui latihan dan pendedahan untuk meningkatkan kebajikan pekerja. Ini akan menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan daya saing negara. Kedua, menentukan keamanan negara – Tuan Yang di-Pertua, antara faktor utama yang menentukan pelaburan FDI adalah kestabilan politik negara host. Setelah yakin dengan kajian *feasibility* yang menunjukkan kadar pulangan pelaburan yang tinggi, FDI akan membuat kajian dari risiko politik sebagai penentu dalam membuat keputusan muktamad. FDI tidak akan melabur di negara-negara yang menghadapi risiko politik yang tinggi walaupun kadar pulangan pelaburan dijangka cukup menarik. Ini dapat dilihat di negara-negara Afrika dan beberapa negara Asia, pelaburan FDI tidak banyak mengalir ke negara tersebut, manakala beberapa negara Asia yang menikmati kestabilan politik menerima pengaliran FDI yang cukup banyak sejak tahun 1980an.

Kajian risiko politik melibatkan tiga aspek. Pertama, risiko pengendalian iaitu ketidaktentuan mengenai perkembangan politik dan dasar-dasar yang boleh menjejaskan operasi FDI. Kedua, risiko pindahan, iaitu ketidaktentuan mengenai pemindahan modal, pembayaran dan teknologi. Ketiga, risiko kawalan, iaitu ketidaktentuan mengenai dasar-dasar pemilikan dan kawalan pengendalian operasi.

Saya juga ingin menyatakan, sebahagian besar syarikat multinasional tidak menggunakan kepakaran dalaman untuk melakukan kajian dari risiko politik. Syarikat-syarikat multinasional menggunakan kepakaran luar yang menyediakan penilaian profesional mengenai risiko politik. Sebagai contoh, Morgan Stanley menyediakan kajian mendalam mengenai risiko politik sesebuah negara menggunakan pelbagai

sumber data termasuk laporan-laporan dikeluarkan oleh kerajaan dan sektor swasta, statistik dari badan-badan antarabangsa, artikel-artikel akhbar dan kajian *due-deligous* di negara-negara berkenaan. *Euromoney* menyediakan penilaian dua kali setahun. Berasaskan laporan *Euromoney* pada tahun 1996 Malaysia berada pada kedudukan ke-25 dalam senarai 178 buah negara yang dikaji.

Saya memuji sikap rakyat Malaysia yang mempertahankan keharmonian dan keamanan negara walaupun berhadapan dengan krisis ekonomi dan politik pada tahun 1998 hingga 1999. Negara kita adalah di antara negara membangun yang banyak menerima FDI. Saya berkeyakinan kestabilan politik negara tidak akan terancam selagi rakyat kita mempunyai kematangan politik dan menghormati undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya nyatakan, sektor swasta memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Konsep daya saing akhirnya akan ditentukan kepada sejauh mana produk dapat menembusi pasaran. Tumpuan hendaklah diberikan kepada mengukuhkan sektor swasta. Saya tidak mengatakan sektor swasta tidak menyumbang kepada pembangunan negara. Malah jika kita mengkaji struktur hasil pendapatan negara, sebahagian besar sumbangan adalah dari sektor swasta melebarkan cukai....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tambun, masa sudah cukup, boleh sambung pada petang ini.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Okay, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tambun, sila sambung.

2.31 ptg.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Justeru, bantuan kerajaan kepada sektor swasta semasa krisis ekonomi adalah kerana kedudukan sektor swasta yang penting dalam menentukan masa hadapan negara. Jika sektor swasta tidak dibantu, banyak syarikat swasta yang akan menghadapi kerugian dan muflis, bayaran cukai akan menurun yang akan menjejaskan hasil pendapatan negara. Selain itu, syarikat-syarikat yang menghadapi kerugian akan mengurangkan pengeluaran manakala syarikat-syarikat muflis akan menutup kilang, ramai pekerja kita akan diberhentikan. Pada awal tahun 1998, semasa krisis ekonomi memuncak, beribu-ribu pekerja kita diberhentikan. Menurut kajian, jika trend kejatuhan ekonomi ini berterusan sehingga akhir tahun 1998, lebih 500,000 pekerja kita akan kehilangan pekerjaan.

Saya ingin mengemukakan beberapa pandangan untuk memperkukuhkan sektor swasta:

Pertama, penstrukturan syarikat-syarikat swasta. Saya mendapati krisis ekonomi telah mendedahkan beberapa kelemahan dalam pengendalian syarikat-syarikat swasta. Syarikat-syarikat kita terdedah kepada risiko perniagaan melalui penglibatan dalam pelbagai *business* tanpa menumpu kepada satu-satu *business* utama. Banyak syarikat kita yang terlibat dalam aktiviti jual beli saham dan hartanah mendedahkan syarikat kepada risiko kejatuhan nilai saham dan harta. Syarikat-syarikat kita juga suka meminjam berlebihan sehingga berlaku *leverage* yang tinggi, melalui Danaharta, Danamodal dan CDRC penstrukturan kewangan ke atas syarikat-syarikat swasta telah dijalankan. Di samping itu, kerajaan memperkenalkan kod pengendalian korporat bagi memastikan peningkatan dalam standard pengendalian korporat.

Saya berpendapat, jika sektor swasta hendak memainkan peranan penting ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju, sektor swasta hendaklah melakukan penstrukturan menyeluruh agar amalan-industri dan perdagangan meningkat selaras dengan yang terbaik di dunia.

Pada tahun 1990 semasa kejatuhan ekonomi Amerika Syarikat, syarikat-syarikat Amerika Syarikat kehilangan daya saing kepada syarikat-syarikat Jepun dan Eropah dalam hampir semua industri termasuk industri-industri elektronik dan automobil. Kebangkitan semula Amerika Syarikat bermula pada tahun 1995 berpunca daripada syarikat-syarikatnya bekerja keras untuk memperbetulkan kelemahan-kelemahan dan mengatasi jurang kualiti dalam operasinya dengan pesaing-pesaing melalui melakukan pengecilan operasi, penstrukturan dan memindahkan pengeluaran ke luar negara.

Dalam industri automobil, pengeluar-pengeluar kereta Amerika Syarikat berjaya mengatasi jurang kecacatan pengeluarannya dengan kereta yang dikeluarkan oleh pengeluar Jepun dan Eropah. Pengeluar kereta Amerika Syarikat berjaya mendefinisikan semula konsep kereta Amerika, dengan itu dapat menghasilkan kereta berkualiti tinggi dengan harga yang kompetitif. Ini meningkatkan daya saing pengeluar kereta Amerika Syarikat melebihi pengeluar kereta Jepun dan Eropah membolehkan Amerika Syarikat menguasai semula industri automobil dunia.

Dalam 500 syarikat-syarikat terkemuka di dunia, tujuh faktor yang menjadi kunci kepada daya saing syarikat-syarikat terkemuka tersebut adalah daya inovasi, kualiti pengurusan, kebolehan pekerja, kualiti produk dan perkhidmatan, nilai pelaburan jangka panjang, kedudukan kewangan yang kukuh dan penggunaan aset yang efisien.

Untuk melahirkan sebuah syarikat terkemuka memerlukan proses yang memakan masa panjang. Syarikat mencapai daya saing melalui kesanggupan untuk bekerja kuat, menunggu hasil pelaburan jangka panjang, kestabilan kewangan, kemahiran menggunakan teknologi dan keupayaan untuk menarik pekerja mahir. Kesemua syarikat-syarikat tersebut mempunyai *niche* pasaran dan menumpu kepada satu produk atau beberapa produk yang berkaitan. Syarikat-syarikat tersebut membina rangkaian pasaran yang teguh dan fokus kepada cita rasa pembeli. *Del Computer* membuka laman web, *prima pages* bagi membolehkan pelanggan memberitahu rekabentuk dan harga komputer yang dikehendaki, selepas itu pekerja *Del* akan melakukan penyelidikan. *Wallmatt* menekankan kepada kecekapan penghantaran produk yang dikira ketepatan dari segi minit dan saat, *Boeing* melalui proses R&D melibatkan mengkaji 20,000 options untuk melahirkan satu rekabentuk dan *Faber Castell* pengeluar pensel terkemuka antarabangsa melakukan penyelidikan dengan mendapatkan maklumat dari pelanggan jenis-jenis pensel yang mereka gemari.

Bagi syarikat-syarikat terkemuka antarabangsa sama ada produk yang dikeluarkan sofistikated atau mudah, proses pengeluaran adalah sama iaitu tidak mengambil sikap mudah. Syarikat-syarikat tempatan hendaklah menerima hakikat tidak ada jalan pendek untuk membina daya saing, krisis ekonomi memberi pengajaran yang berguna. Peningkatan syarikat tidak boleh berlaku melalui *corporate exercise* dengan melakukan penilaian syarikat yang melampau, kemudian menjual saham syarikat untuk mendapat keuntungan dari segi untung modal. Syarikat-syarikat kita hendaklah benar-benar terlibat dalam *business* membina kecekapan, membina kemahiran dan menghasilkan produk berkualiti dan produk nilai tambah mencipta *product niche*, membina rangkaian pemasaran dan menguasai pasaran barulah kita dapat membina struktur industri dan ekonomi yang kukuh, berdaya saing dan mempunyai ketahanan. Ke arah mencapai hasrat tersebut, saya ingin mengesyorkan agar kerajaan memainkan peranan penting melalui:

- (i) mengadakan suasana yang menggalakkan persaingan dan menghapuskan monopoli melalui undang-undang dan peraturan;

- (ii) menguatkuasa undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan dengan industri untuk mendisiplin industri;
- (iii) memastikan pemberian kontrak, tender, permit dan lesen berasaskan pemprosesan yang ketat dengan tujuan dapat memastikan syarikat pengusaha atau individu yang efisien; dan
- (iv) memberi bantuan kepada industri atau syarikat yang efisien yang mampu memperluaskan perniagaan.

Kedua, memperkukuhkan industri tempatan. Tuan Yang di-Pertua, ASEAN akan melaksanakan AFTA pada tahun 2003 sebagai strategi menghadapi AFTA dan kemudian sistem ekonomi terbuka WTO, Malaysia hendaklah terlebih dahulu mempertahankan pasaran tempatan melalui memperkukuhkan industri tempatan.

Selain dari itu, industri tempatan yang kukuh akan menjadi pemangkin kepada syarikat-syarikat Malaysia menyertai pasaran global. Marilah kita bersikap realistik, adakah industri tempatan sudah bersedia dan mampu bersaing dengan produk-produk dari negara-negara ASEAN bila kadar tarif bagi perdagangan dalam ASEAN dikurangkan kepada 0% hingga 5% pada tahun 2003 sebelum ASEAN menjadi Zon Perdagangan Bebas pada tahun 2008.

Di antara industri yang akan menghadapi persaingan adalah industri automobil di mana kadar tarif akan dikurangkan kepada 0% hingga 5% pada tahun 2003 berbanding kadar tarif semasa iaitu 170%.

Kerajaan mengenakan tarif kuota import dan sistem pelesenan ke atas kereta dan alat ganti yang diimport untuk melindungi industri automobil Malaysia. Dengan perlindungan tersebut 92.5% dari pasaran kereta penumpang tempatan dikuasai oleh kereta nasional, manakala kereta import menguasai 7.5%.

Dengan pelaksanaan AFTA, kereta nasional akan bersaing dengan kereta-kereta import di atas permukaan yang sama rata, *level link field*, kereta import akan menikmati harga yang kompetitif. Saya merasa bimbang adakah kereta nasional mampu bersaing dan mempertahankan pasarnya.

Pertama, adakah kereta nasional mampu menyesuaikan dengan persekitaran baru, penghapusan tarif akan membuka pasaran kepada persaingan dengan Toyota, Ford GM dan lain-lain jenama di atas permukaan yang sama rata.

Kedua, pengguna dapat menikmati pilihan yang lebih luas, pengguna Malaysia sudah biasa dengan produk antarabangsa, perubahan sikap yang memihak kepada kereta nasional berlaku hanya satu dekad yang lalu, itu pun kerana harga kereta import yang begitu tinggi. Dengan kereta import begitu tinggi dan harga yang kompetitif, saya percaya pengguna Malaysia akan membeli kereta import dan kereta nasional akan kehilangan sebahagian besar dari pasarnya.

Ketiga, Thailand kini mempunyai kelebihan daya saing dalam industri automobil. Industri automobil Thailand semakin kukuh dan mampu bersaing. Thailand pakar dalam pengeluaran *pick-up*, di samping itu terdapat beberapa pengeluaran-pengeluaran automobil telah membuka kilang pengeluaran kereta dan alat ganti dengan skel ekonomi yang besar di Thailand, di antaranya General Motors dan Volkswagen.

Keempat, persaingan dengan kereta-kereta Toyota, Ford dan GM yang berkualiti tinggi. Kereta-kereta Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah boleh mendapat taraf kereta ASEAN melalui menjalankan operasi pengeluaran di negara ASEAN.

Mengikut pandangan Malaysian Motor Traders Association dan beberapa tokoh dalam industri automobil, kereta nasional belum mampu untuk bersaing dengan kereta-kereta antarabangsa. Dari segi logik, dapatkah kereta Proton Saga bersaing dengan kereta Toyota, Ford dan GM yang berkualiti tinggi pada harga yang sama?

Saya berharap mendapat penjelasan mengenai persediaan yang dilakukan oleh kereta nasional dalam menghadapi persaingan akan datang. Secara peribadi saya berharap kereta nasional dapat melakukan penyesuaian dalam tempoh tiga tahun ini bagi meningkatkan daya saing.

Pengeluar kereta nasional boleh melakukan beberapa strategi, antaranya:

- (i) meningkatkan aktiviti R&D untuk menghasilkan kereta berkualiti tinggi dan *product niche*. Untuk mempertahankan daya saing, pengeluar kereta nasional hendaklah mengeluarkan model yang memenuhi kehendak dan cita rasa pengguna. Dalam pasaran monopoli, pengeluar boleh mengeluarkan model yang tidak memenuhi cita rasa pengguna tetapi di pasaran banyak pilihan model yang tidak memenuhi cita rasa pengguna akan hilang daya saing;
- (ii) pengkhususan dalam pengeluaran model tertentu, Thailand pakar dalam pengeluaran *pick-up* dan Indonesia dalam pengeluaran Kijang;
- (iii) membina rangkaian pembekal yang kukuh untuk memastikan bekalan komponen yang berkualiti;
- (iv) untuk mengukuhkan infrastruktur pemasaran melibatkan pembina rangkaian *dealer* yang kukuh, kepakaran servis, promosi dan pemasaran yang efektif dan setanding dengan taraf dunia. Dalam industri automobil, infrastruktur pemasaran memainkan peranan penting. Pengeluar kereta yang besar sekali pun tanpa infrastruktur pemasaran tidak mampu bersaing; dan
- (v) mengadakan kerjasama dengan pengeluar-pengeluar antarabangsa terutama bagi pasaran negara-negara ASEAN. Trend industri automobil antarabangsa adalah ke arah kerjasama global, di mana akhirnya mungkin akan terdapat lima ataupun enam pengeluar automobil sahaja beroperasi di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku dalam industri automobil sebenarnya turut mencerminkan kedudukan industri negara pada keseluruhannya. Pada pandangan saya, setiap industri di negara kita perlu dibedah kaji sedalam-dalamnya untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan dan melakukan penstrukturan dari sekarang supaya kita cukup bersedia untuk menghadapi persaingan global. Jangan apabila industri-industri kita sudah berada dalam AFTA dan didapati tidak mampu bersaing barulah kita hendak mengambil langkah-langkah penyesuaian, masanya sudah terlambat.

Penggabungan syarikat dalam industri-industri tertentu supaya mempunyai daya saing mestilah dilakukan sekarang. Dengan yang demikian industri tempatan tidak hilang kuasa pasaran apabila AFTA dan kemudian sistem ekonomi WTO dilaksanakan.

Dalam hukum ekonomi, persaingan akan melibatkan syarikat yang mengamalkan sistem dan struktur yang efisien mengambil alih daripada syarikat yang menggunakan kemahiran lama yang tidak efisien. Dalam sistem kapitalisme, ini dipanggil sebagai kemusnahan kreatif atau *creative destruction*. Jika dikaji senarai 500 syarikat terkemuka di Amerika Syarikat dan 500 syarikat terkemuka di Eropah, 30% daripada syarikat-syarikat yang disenaraikan dalam 500 syarikat-syarikat yang terkemuka pada tahun 1990 sudah tidak lagi berada dalam senarai tersebut pada tahun 1990, tempatnya diganti dengan syarikat-syarikat baru. Syarikat baru yang lebih efisien yang akan mengambil alih daripada syarikat lama yang tidak efisien. Melalui proses tersebut, sistem ekonomi pada keseluruhannya berkembang dengan lebih dinamik dan

efisien, Malaysia juga tidak terlepas daripada realiti hukum ekonomi. Mana-mana syarikat yang tidak efisien terpaksa gulung tikar dan digantikan oleh syarikat yang lebih efisien.

Ketiga, menumpu bidang yang kita tahu. Malaysia perlu menumpu kepada bidang-bidang yang kita mempunyai kelebihan dari segi pengetahuan, kemahiran, teknologi dan pengalaman yang mengatasi negara-negara pesaing. Membina daya saing dalam satu-satu bidang memakan masa yang lama. Amerika Syarikat dan Eropah membina daya saing dalam tempoh waktu lebih daripada satu abad manakala Jepun mengambil masa selama satu ratus tahun. Tiap-tiap negara mempunyai ciri-ciri tersendiri. Amerika Syarikat mempunyai kekuatan mencipta inovasi dan kreativiti, oleh itu kekuatan Amerika Syarikat adalah dengan mencipta industri IT, mempelbagaikan industri perbankan dan melakukan kreativiti dalam pelbagai industri. Dengan memiliki ketrampilan dalam pelbagai bidang, syarikat-syarikat multi nasional Amerika Syarikat menguasai pelbagai industri di pasaran global. Jepun memiliki ketrampilan dalam aktiviti inovasi dan dengan kemampuan melakukan inovasi Jepun menguasai industri automobil dan elektronik. Jerman memiliki ketrampilan dalam sains gunaan dan kejuruteraan dan menguasai industri alat kelengkapan dan automobil. New Zealand mempunyai ketrampilan di dalam bidang ternakan. London menjadi pusat dagangan mata wang antarabangsa yang dibina melalui pengalaman yang lama, manakala Itali dan Perancis memiliki ketrampilan dalam merekacipta fesyen.

Saya melihat Malaysia mempunyai kebolehan dalam beberapa bidang.

- (i) Malaysia mempunyai sejarah dan pengalaman dalam sektor pertanian terutama getah dan kelapa sawit. Malaysia hendaklah lebih serius dalam aktiviti hulu dan hilir untuk menguasai pasaran global dalam industri tersebut;
- (ii) Malaysia menceburi bidang petroleum agak lama dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang tersebut. Malaysia mempunyai daya saing untuk menyertai aktiviti industri petroleum dengan lebih agresif di peringkat global;
- (iii) Malaysia terlibat dalam pengeluaran skil besar dalam industri-industri pembuatan, automobil, motosikal, komponen elektronik dan besi waja. Dalam industri-industri tersebut Malaysia perlu mengatur perancangan strategik untuk meluaskan penglibatan ke pasaran global. Malaysia perlu melaksanakan strategi-strategi global seperti memindahkan pengeluaran ke rantau lain, menempatkan pengeluaran di pasaran, pergabungan dengan entiti antarabangsa dan pembelian entiti antarabangsa. Kita perlu menumpu kepada penyelidikan pasaran secara serius untuk mengenal pasti pasaran-pasaran global yang boleh diitembusi. Penyelidikan pasaran penting untuk mengetahui kehendak dan cita rasa pengguna antarabangsa. Dengan maklumat tersebut kita boleh melakukan aktiviti R&D dan menghasilkan produk yang dapat memenuhi permintaan cita rasa dan budaya antarabangsa;
- (iv) Malaysia terlibat dalam beberapa produk global antaranya penerbangan, perkapalan, perbankan, telekomunikasi, pembinaan, konsultasi dan media. Dalam bidang tersebut kita perlu menetapkan cita-cita dan standard yang tinggi dan melakukan penyesuaian menyeluruh untuk meningkatkan efisiensi. Oleh kerana bidang-bidang tersebut melibatkan *human capital* sebagai faktor kritikal kita hendaklah melakukan *up-grading* kemahiran. Jika *Singapore Airlines* mampu menjadi syarikat penerbangan terkemuka di dunia dan merekodkan keuntungan 27 tahun berturut-turut

mengapa tidak *Malaysia Airlines System*. Adakah orang *Malaysia inferior* kepada orang Singapura; dan

- (v) Malaysia mempunyai kemahiran semula jadi dalam penganjuran aktiviti-aktiviti antarabangsa. Malaysia berjaya menganjurkan CHOGM, Sukan Komanwel, *Formula One*, LIMA, *Le Tour De Langkawi* yang menarik pelancongan. Kekuatan Malaysia dalam penganjuran program antarabangsa hendaklah dimaksimumkan sebagai pemangkin untuk menjadikan sektor pelancongan sebagai penyumbang utama dalam KNK.

Keempat, mencipta nama Malaysia. Salah satu bidang yang kita ketinggalan langsung dalam ekonomi pasaran adalah mencipta jenama. Kejayaan produk dipastikan melalui jenama di dalam pasaran yang dipenuhi pelbagai produk membuatkan sukar untuk mengenali identiti produk. Saya berpendapat Malaysia perlu mencipta jenama bagi produk Malaysia supaya mempunyai identiti dalam pasaran. Jika seorang rakyat Amerika Syarikat pergi ke pasaraya kita, beliau tidak akan merasa terasing kerana di rak-rak pasar raya terdapat nama-nama *Coke*, *Pepsi*, *7-up*, *Colgate* dan *Kellogg*. Apabila beliau pergi ke tempat-tempat makan, terdapat nama-nama *KFC*, *MacDonald's*, *A&W*, *Coffe Beans* dan *Starbucks*. Syarikat-syarikat antarabangsa sudah menguasai lanskap *consumerism* di merata dunia.

Syarikat-syarikat Malaysia tidak menekankan kepada jenama kerana pertama, jenama adalah fenomena baru dalam dunia business di negara ini. Jenama mula mendapat perhatian kita pada tahun-tahun 1980-an. Kedua, kekurangan teknologi dan sumber kewangan untuk mengeluarkan produk berjenama secara *economy scale* besar. Syarikat-syarikat utama kita masih bergiat dalam sektor-sektor perladangan, hartanah dan pembuatan komponen-komponen industri dan kurang dalam produk-produk pengguna. Ketiga, kita tidak mengeluarkan produk pengguna dalam scale yang besar, malah kebiasaannya adalah untuk pasaran setempat. Keempat, syarikat-syarikat antarabangsa telah terlebih dahulu mencipta nama seperti *KFC* dan *Nestle*. Kelima, jenama mengambil masa untuk mendapat tempat melibatkan pengiklanan, rekacipta produk, promosi dan perkhidmatan pelanggan. *Singapore Airlines* mencipta.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat, Yang Berhormat Rompin bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Sekejap, sekejap ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: *Singapore Airlines* mencipta jenama global dengan mempromosi simbol *Singapore girls* dengan mengambil kira kelezatan dan kemesraan budaya orang Asia. Saya mengesyorkan agar kerajaan campur tangan untuk menghidupkan budaya mencipta jenama bagi produk Malaysia. Saya mengesyorkan kepada kerajaan agar dapat menyediakan bantuan modal dan penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sila.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat Tambun. Syabas ucapan Yang Berhormat. Isu Yang Berhormat bawa tentang produk jenama tempatan dan tadi Yang Berhormat telah menyentuh jenama-jenama antarabangsa seperti *Coca Cola*, *Kentucky Fried Chicken* tetapi mereka ini merupakan masyarakat antarabangsa dan besar, mempunyai perbelanjaan pemasaran (*marketing*) satu, dua bilion. *Coca Cola* punya pemasarannya, peruntukan yang digunakan untuk media cetak, media elektronik, RM1 bilion satu tahun untuk promosinya dan sudah semestinya jenama atau produk tempatan tidak mampu dari segi kalau kita lihat perbelanjaan yang besar begitu dari segi promosi dan pemasaran.

Apakah pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini dalam dunia yang global ini, tiada sempadan, mereka boleh masuk dengan satu tenaga yang kuat dan besar. Bagaimana kita yang kerdil ini dapat bersaing dengan mereka.

Adakah sampai masanya kerajaan memikirkan sesuatu untuk membantu mereka. Kalau kita hanya sekadar biarkan – ini Baratlah, dia kata *leave it to the market for whatever the reason*, dia boleh mengatakan biar kepada pasaran sebab syarikat mereka gergasi, mampu untuk bersaing, mampu untuk menguatkan strategi pemasarannya, membeli masa dalam media elektronik, media cetak kerana peruntukan yang besar. Mereka boleh katakan biar kepada pasaran, kerajaan tidak payah membela mereka sebab syarikat mereka sudah besar, tetapi bagaimana syarikat kita boleh bersaing dengan mereka atas peruntukan kecil yang mereka ada sebab mereka ini syarikat yang kecil, tidak mampu. Adakah kerajaan perlu melihat bahawa kerajaan juga kena campur dan membantu mereka? Sudah semestinya kalau persaingan itu kita ambil ala cara Barat, *leave it to the market forces, laissez-faire*, sudah semestinya kita akan kalah. Nanti semua jenama, semua produk consumer di negara ini akan dipunyai oleh mereka.

Sekarang ini pula mereka boleh menjual melalui Internet. Tidak ada lagi penguasaan dari segi pemeriksaan kastam, bayaran boleh bayar direct tidak melalui Bank Negara lagi, boleh bayar lagi melalui credit card dan suasana *globalise world* akan dihadapi, bagaimana Yang Berhormat sebab Yang Berhormat membawa satu isu yang baik, mungkin sebelah sana [*Menunjuk ke arah Pembangkang*] juga boleh berbahas isu ini. Bagaimana sama-sama kita memikir untuk membela dan membantu industri tempatan kita. Saya mohon sedikit pandangan Yang Berhormat bagi Tambun.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya cukup bersetuju dengan pandangan Rompin bahawa lanskap perdagangan antarabangsa ini telah cukup berubah dan sememangnya kita perlukan campur tangan kerajaan untuk membantu. Seperti mana saya nyatakan tadi dalam industri IT sahaja, syarikat multi nasional Amerika Syarikat berbelanja \$2 trilion– hasil pendapatan negara kita baru RM60 bilion, macam mana kita hendak bersaing. Kalau negara yang sudah maju di Amerika Syarikat memainkan peranan melalui badan-badan dan regim antarabangsa, kita juga perlu memainkan peranan seperti mana yang telah saya sentuh tadi – dari segi environment perdagangan antarabangsa dunia mesti mempunyai peraturan yang tidak akhirnya merugikan negara-negara membangun.

Di samping itu, pengubahsuaian juga perlu dilakukan supaya dapat kita memperkukuhkan industri tempatan terlebih dahulu mempertahankan dan melindungi pasaran kita supaya kita terus menguasai dan selepas itu barulah kita menembusi pasaran bermula dengan AFTA dan sebagainya. Dari segi perdagangan, sebenarnya negara kita adalah di antara 20 negara perdagangan terbesar di dunia. Hanya dari segi produk-produk ini perlu dipindah dari komponen industri kepada produk pengguna, barulah kita dapat akhirnya mencipta kedudukan daya saing yang lebih tinggi. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Rompin atas pandangan beliau.

Kelima, pembangunan berteraskan teknologi. Memandangkan penggunaan teknologi adalah faktor kritikal dalam menentukan daya saing, saya berpendapat kita hendaklah menilai pada tahap manakah penggunaan teknologi berkembang dalam industri-industri Malaysia, dengan:

- (i) mengenal pasti standard pengurusan pengeluaran industri dan pendekatan untuk meningkatkan standard;
- (ii) hubungan pengeluaran dengan peralatan dan kelengkapan yang digunakan melibatkan analisis kapasiti pengeluaran, kualiti pengeluaran dan kualiti peralatan dan kelengkapan; dan
- (iii) tahap kemahiran tenaga kerja dan latihan-latihan kemahiran di kilang-kilang.

Malaysia perlu berganjak daripada pengeluar produk berteknologi rendah kepada produk berteknologi tinggi. Kita perlu mencipta dan memindahkan idea-idea baru dan penemuan-penemuan teknologi kepada produk yang mempunyai nilai komersil antarabangsa selain teknologi kita perlu serius dalam R&D. R&D berperanan dalam melakukan pembentukan nilai (*value creation*) melalui menghasilkan paten dan produk, memberi pulangan ke atas pelaburan dan menjamin pertambahan nilai industri.

Keenam, dasar perindustrian. Tuan Yang di-Pertua, perkembangan industri memerlukan dasar perindustrian yang pragmatik. Kerajaan hendaklah memastikan dasar perindustrian yang diperkenalkan dapat menjamin kepada:

- (i) sokongan kerajaan kepada pembentukan industri nilai tambah terpilih. Analisis-analisis sektoral yang mendalam hendaklah dilakukan untuk memastikan industri yang diberi sokongan mampu berkembang ke peringkat antarabangsa berasaskan kebolehan, kemahiran, teknologi, R&D, sistem latihan dan kewangan. Oleh kerana pelaburan melibatkan kewangan yang banyak, kesilapan dalam membuat keputusan akan melibatkan kerugian dalam bentuk kos lepas (*sunk cost*);
- (ii) penawaran modal pelaburan jangka panjang yang murah untuk menggalakkan pertumbuhan kilang berkapasiti tinggi untuk pertumbuhan ekonomi yang pesat dan persaingan antarabangsa, kita perlu memberi tumpuan kepada pertumbuhan syarikat-syarikat skel besar. Syarikat-syarikat skel besar mampu menggunakan teknologi canggih, melakukan R&D, mengadakan program latihan, menghasilkan penemuan-penemuan dan produk-produk baru dan menjalankan aktiviti eksport. Kini terdapat 98 buah syarikat yang disenaraikan dalam BSKL mempunyai permodalan pasaran melebihi RM1 bilion;
- (iii) memberi insentif cukai kepada sektor terpilih untuk menggalakkan pertumbuhan sektor tersebut;
- (iv) menggalakkan perpindahan teknologi daripada syarikat multi nasional asing kepada syarikat-syarikat tempatan; dan
- (v) menggalakkan penggabungan industri kecil supaya meningkatkan kemampuan dan efisiensi bersaing di peringkat antarabangsa.

Saya melihat kerajaan telah membuat keputusan wajar dengan melakukan peralihan ke industri teknologi maklumat sebagai strategi untuk mewujudkan daya saing Malaysia di pasaran global. Ada beberapa persoalan yang ingin saya bangkitkan:

- (i) Kejayaan industri IT pada keseluruhannya bergantung kepada partisipasi seluruh sistem dalam negara. Saya ingin bertanya sejauh manakah partisipasi negara sehingga kini. Berapa ramaiakah rakyat yang memiliki komputer dan menggunakan Internet. Berapa banyakkah syarikat yang menggunakan Intranet, berapa peratuskah sumbangan IT kepada KNK?
- (ii) Bagaimanakah dengan perancangan pembangunan tenaga IT, apakah kita akan mencapai target keperluan tenaga mahir yang dikehendaki. Saya teringat kepada kata-kata Ketua Eksekutif MIMOS Bhd. bahawa:

"Malaysia berada pada peringkat awal pembangunan IT. Kita tidak memiliki banyak teknologi sama ada melalui paten atau tanda perdagangan. Kita tidak memiliki jenama global, kita juga tidak kuat dari segi bilangan jurutera IT. Kita tidak memiliki tradisi sistem pentadbiran yang menggalakkan inovasi. Walau bagaimanapun, kita adalah pemain yang pantas. Ekonomi kita telah beralih dari pertanian ke IT dalam tempoh waktu yang singkat."

Daripada kata-kata tersebut, saya berasa pesimistik sedikit apakah kita benar-benar sudah bersedia untuk terlibat dalam industri IT?

- (iii) Sehingga ini sebanyak 244 syarikat telah mendapat status MSC. Berapa banyakkah syarikat telah beroperasi. Apakah produk-produk yang dikeluarkan dan apakah nilai pasaran bagi produk-produk tersebut di pasaran domestik dan antarabangsa?
- (iv) Sejauh manakah kejayaan syarikat-syarikat tempatan dalam pembangunan IT. Apakah masa hadapan syarikat-syarikat tempatan termasuk syarikat-syarikat bumiputera dalam menghadapi persaingan dengan syarikat-syarikat multi nasional?
- (v) Bagaimanakah dengan sistem sokongan terutama kewangan. Berapa peratuskah pinjaman bank kepada industri IT?; dan
- (vi) Apakah kedudukan Mesdaq terkini. Adakah Mesdaq berjaya mengumpulkan modal bagi menyokong pembangunan syarikat-syarikat IT?

Dalam melaksanakan pembangunan IT, kita boleh mencontohi Taiwan yang terbukti berjaya dalam melakukan peralihan ke IT dan industri berteknologi tinggi dalam tempoh lebih kurang satu dekad. Sepuluh tahun lalu Taiwan menghadapi krisis kewangan dengan kejatuhan merudum sektor hartanah, pasaran saham dan perbankan. Taiwan melakukan pengstrukturian dan penggabungan dalam institusi-institusi bermasalah. Kini Taiwan merupakan pembekal utama dunia bagi komputer, modem, keyboard dan scanner. Taiwan adalah pengeluar kedua terkemuka di dunia dalam desktop dan notebook computer, memenuhi 30 peratus daripada permintaan dunia. Kejayaan Taiwan kerana berjaya membina industri IT yang matang meliputi:-

- (i) memiliki tenaga pakar yang ramai melalui penghantaran pelajar ke universiti-universiti terkemuka di dunia dan latihan-latihan seberang laut;
- (ii) penglibatan pengusaha-pengusaha Taiwan di Silicon Valley;
- (iii) pembelian syarikat-syarikat multinasional Amerika Syarikat yang berjaya dalam bidang IT dan melakukan *up-grading product* dan produktiviti melalui R&D. Ini adalah jalan pendek yang berkesan untuk menceburi industri IT;
- (iv) Industri Kecil dan Sederhana yang matang;
- (v) Mempunyai kemudahan-kemudahan pinjaman dalam bentuk modal teroka. Terdapat banyak syarikat yang sanggup membiayai idea dalam bidang IT; dan
- (vi) Tradisi keusahawanan dan tenaga kerja mahir berorientasikan kualiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyentuh banyak isu-isu ekonomi dan sekarang ingin beralih kepada membincangkan institusi kerajaan. Kita maklum bahawa

kerajaan memainkan peranan penting dalam menentu hala tuju negara melalui kepimpinan, menyediakan dasar, perancangan dan peraturan serta melaksanakan dasar, perancangan dan peraturan tersebut. Kerajaan turut memainkan peranan dalam menentukan peraturan-peraturan antarabangsa yang memberi keuntungan kepada kita. Kerajaan juga memainkan peranan penting dalam menentukan pertumbuhan ekonomi tempatan serta mempromosi perdagangan Malaysia ke peringkat global. Pentingnya peranan kerajaan dapat dilihat dalam pandangan Schumpeter yang menyatakan, dengan izin, *"In short, Decisive leadership, the creation of good policy, the efficient management of law and the capacity to sustain a clear set of political priorities and pragmatic economic policies are marks of a glorious executive"*.

Sebenarnya kita merasa bangga kerana di dalam 'World Competitiveness Yearbook 1998' dan 'The Global Competitiveness Report 1998' yang dikeluarkan oleh World Economic Forum dan Harvard Institute For International Development meletakkan Malaysia menduduki tempat ketiga (1997: keempat) dari segi daya saing kerajaan. Singapura tempat pertama, Hong Kong tempat kedua, Amerika Syarikat tempat ketiga belas, United Kingdom tempat kesepuluh, Germany ketiga puluh enam dan Jepun tempat kedua puluh tujuh. Walau bagaimanapun, kedudukan tempat ketiga janganlah hendaknya membuat kita berpuas hati dan beranggapan kita tidak perlu meningkatkan lagi kecekapan. Kemampuan kerajaan untuk menangani perubahan adalah penting bagi menjamin pentadbiran dan kepimpinan yang efektif. Dengan suasana politik, ekonomi dan sosial tempatan dan antarabangsa yang berubah-ubah dan menjadi lebih kompleks, kerajaan akan menghadapi cabaran-cabaran dan permintaan-permintaan baru. Perkhidmatan kerajaan perlu menyesuaikan dengan perubahan-perubahan tersebut supaya masalah-masalah baru yang timbul dapat ditangani. Tanggungjawab kerajaan adalah untuk melakukan inovasi yang perlu, menyesuaikan organisasi dengan perubahan-perubahan dan memenuhi tuntutan masyarakat tempatan dan antarabangsa yang berubah dengan pantas.

Ke arah untuk meningkatkan kecekapan pentadbiran bagi memenuhi permintaan abad ke-21, kerajaan telah mendirikan pusat pentadbiran kerajaan yang baru, Putrajaya. Saya menyokong pemindahan pusat pentadbiran kerajaan yang bertaburan di Kuala Lumpur ke Putrajaya bertujuan untuk meningkatkan kecekapan kerajaan. Jika dalam sistem ekonomi terdapat sistem rangkaian ekonomi (*industry cluster*) yang meningkatkan kecekapan dan daya saing ekonomi, mewujudkan sistem 'cluster' dalam kerajaan dapat meningkatkan kecekapan pentadbiran kerajaan. Putrajaya akan menempatkan semua Kementerian di sebuah pusat. Ditambah dengan penggunaan IT dapat mewujudkan kerajaan pintar. Kecekapan kerajaan adalah faktor penting dalam mempergiatkan pembangunan negara terutama dengan cabaran-cabaran baru abad ke-21. Jika kita perhatikan perkembangan-perkembangan bandar-bandar di negara-negara maju juga sedang mengalami perubahan dan perancangan semula, di mana konsep bandar moden adalah memusatkan pusat bandar, pusat perindustrian dan lapangan terbang.

Melalui kajian sejarah kita maklum bahawa peranan bandar amat penting dalam pembangunan tamadun. Al-Bustani menyatakan, *"Bandar amat penting sekali bagi orang-orang bertamadun. Orang yang bertamadun adalah orang yang menetap di bandar."* Al-Farabi menyatakan, *"Konsep tamadun adalah membawa maksud budaya yang memusatkan pada kehidupan kota-kota."* Ibn Khaldun pula menyatakan, *"Pemerintah dan kerajaan mestilah melaksanakan kota-kota dan membuat perancangan terhadap bandar-bandar."* Dalam sejarah tamadun dunia selama 3000 tahun iaitu dari tahun 1000 sebelum masihi hingga tahun 2000 selepas masihi didapati empat bangsa menguasai dunia iaitu bermula dengan bangsa Greek, selepas itu bangsa Rom, kemudian Arab dan sekarang Anglo-American. Bandar-bandar memainkan peranan penting dalam perkembangan tamadun bangsa-bangsa tersebut. Tamadun Greek berpusat dan berkembang di bandar Athens, tamadun Rom berpusat di bandar Rom, tamadun Islam berpusat di bandar Madinah (kemudian berpindah ke beberapa pusat lain) dan tamadun Anglo-American berpusat di bandar New York dan London. Sepertimana dengan tamadun-tamadun lain, dalam sejarah perkembangan Islam,

bandar mempunyai kedudukan penting sebagai pusat pentadbiran, pusat perdagangan antarabangsa, pusat kajian dan penyelidikan saintifik, pusat pengajian Islam dan kesusasteraan Arab dan pusat kegiatan dakwah. Muhammad Abdul Al-Jabbar menyatakan, *"Tanpa kewujudan bandar tamadun Islam menjadi jumud dan tidak dapat berkembang maju."* Bandar Mekah berusia 2500 tahun. Bandar Madinah wujud setelah Rasulullah s.a.w. berhijrah pada tahun 622. Kerajaan Khalifah Ar-Rasyidin yang memerintah selama 30 tahun mendirikan 9 buah bandar, kerajaan Bani Umayyah yang memerintah selama 90 tahun mendirikan 28 buah bandar dan kerajaan Bani Abbasiyah yang memerintah selama 350 tahun mendirikan 50 buah bandar. Antara bandar-bandar yang didirikan terdiri dari Basrah, Kufah, Qum, Tunis dan Baghdad.

Kerajaan telah melakukan kajian kos-faedah dalam membuat perancangan pembangunan Putrajaya. Selain daripada mewujudkan pentadbiran yang lebih efisien, pembangunan Putrajaya mempunyai kesan limpahan terhadap pembangunan ekonomi. Putrajaya menjadi pemangkin kepada pembangunan perbandaran, perindustrian, pendidikan dan sosial kawasan sekitar. Selain itu, dalam suasana sekonomi semasa, pembangunan Putrajaya menyumbang kepada perkembangan dan pemulihan ekonomi melalui pemberian kerja-kerja kontrak, perkhidmatan dan pinjaman kewangan. Sektor-sektor pembinaan, perbankan, pembekalan dan perkhidmatan mendapat manfaat daripada pembangunan tersebut.

Selaras dengan cita-cita kerajaan untuk meningkatkan kecekapan pentadbiran kerajaan secara berterusan, kerajaan hendaklah melakukan kajian struktural dalam pentadbiran kerajaan untuk meningkatkan lagi efisiensi institusi-institusi kerajaan. Melalui kajian struktural kerajaan dapat menjamin bahawa setiap dasar dan keputusan menepati sasaran dan kumpulan sasaran kerana akhirnya yang akan menilai prestasi perkhidmatan kerajaan adalah kumpulan klien dimana dasar dan keputusan kerajaan ditujukan. Untuk mencapai efisiensi menyeluruh, kerajaan hendaklah mengkaji prestasi agensi-agensi di bawahnya termasuk badan-badan berkanun, agensi-agensi negeri dan badan-badan korporat milik kerajaan. Tidak semua agensi kerajaan mencapai prestasi tinggi. Saya pernah menyuarakan bahawa Bank Pertanian perlu disusun semula untuk mencapai tahap operasi efisiensi. Agensi-agensi lain seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri hendaklah juga dikaji dan disusun semula supaya selaras dengan perubahan zaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa aspek falsafah dalam pentadbiran kerajaan yang penting bagi mempertahankan prestasi perkhidmatan kerajaan:-

Kesetiaan kepada kerajaan yang memerintah. Di bawah sistem demokrasi menetapkan perkhidmatan kerajaan yang berkecuali. Yang dimaksudkan dengan sikap berkecuali seperti yang diamalkan di kebanyakan negara-negara adalah: Kesetiaan kepada kerajaan yang memerintah; tidak memihak kepada mana-mana parti politik; dan tidak mempunyai tugas selain daripada yang ditetapkan oleh kerajaan yang memerintah.

Dasar-dasar dan perancangan kerajaan dilaksanakan melalui perkhidmatan kerajaan. Agar dasar-dasar dan perancangan kerajaan dilaksanakan dengan berkesan, perkhidmatan kerajaan mestilah melakukan perlaksanaan dengan efisien dan efektif. Sama ada kepercayaan pegawai kerajaan konservatif, progresif atau liberal, demokrasi atau sosialisme tugas dan tanggungjawabnya adalah untuk melaksanakan pembangunan yang dirancang oleh kerajaan dengan cekap. Terdapat laporan menyatakan ada pegawai-pegawai kerajaan yang tidak melaksanakan tugas mengikut objektif yang ditentukan oleh kerajaan kerana berlainan fahaman politik. Oleh kerana pilihan raya ke-10 baru selesai dan terdapat pegawai-pegawai kerajaan yang kesetiaannya kepada kerajaan terjejas, saya berpendapat kerajaan hendaklah memperkukuhkan semula prinsip kesetiaan kepada kerajaan di kalangan pegawai-pegawainya.

Kesedaran hendaklah diberikan kepada pegawai-pegawai kerajaan bahawa pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan memberi faedah kepada semua rakyat

tanpa mengira warna kulit dan fahaman politik. Peranan perkhidmatan kerajaan penting bagi memastikan pembangunan negara untuk kesejahteraan rakyat dan kedaulatan negara. Perkhidmatan kerajaan yang berpecah kepada puak dan kesetiaan politik tidak mungkin dapat memperkukuhkan komitmen kepada prioriti dan matlamat kerajaan yang memerintah malah kemungkinan akan digunakan oleh pihak tertentu untuk mensabotaj aktiviti dan dasar kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat lagi 20 atau 30 minit saya hendak habis. Jadi, pagi tadi saya dah banyak beri peluang. Jadi, biarlah saya habis dan selepas ini pihak pembangkang boleh bercakap dan boleh menyentuh apa yang dinyatakan, biarlah saya habiskan [Disampuk] Pagi tadi sudah banyak saya beri peluang, saya minta maaf.

Kerajaan hendaklah mengkaji kod etika perkhidmatan kerajaan. Kod etika bertujuan untuk membentuk kesedaran ke atas tanggungjawab pegawai kerajaan. Adakah kod etika sekarang yang menekankan kepada kesetiaan kepada kerajaan, amanah dan cekap dalam menjalankan tanggungjawab dipatuhi oleh pegawai-pegawai kerajaan?

Prinsip Perkongsian. Kerajaan telah memperkenalkan pendekatan pentadbiran melalui prinsip perkongsian kerajaan-rakyat dalam membangunkan negara. Kejayaan Malaysia meningkatkan pendapatan per kapita melalui pertumbuhan ekonomi adalah hasil daripada konsep persyarikatan Malaysia. Banyak lagi kejayaan-kejayaan yang diperolehi hasil daripada prinsip perkongsian termasuk Sukan Komanwel yang boleh dikatakan terbaik pernah dianjurkan. Begitu juga di dalam menghadapi masalah virus Nipah, rakyat sanggup melepaskan perniagaan demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat keseluruhannya. Saya berpendapat prinsip yang ternyata berkesan itu hendaklah menjadi prinsip amalan dalam pentadbiran kerajaan terutama di dalam menangani masalah-masalah yang melibatkan kepentingan masyarakat.

Dalam menghadapi masalah kenaikan harga yang ada hubungan dengan kedudukan sosio-ekonomi masyarakat, pihak kerajaan, pengusaha, badan-badan pengguna dan komuniti hendaklah bekerjasama dalam memastikan kestabilan harga. Dalam hukum ekonomi, dalam jangka waktu panjang kenaikan harga akan berlaku kerana peningkatan kos pengeluaran akibat kenaikan upah, sewa, bekalan, pengangkutan dan kos-kos yang lain. Pekerja yang bekerja dengan pengeluar juga mahu menikmati upah yang lebih baik kerana pekerja turut menyara keluarga dan mahu mencapai taraf sosio-ekonomi yang lebih tinggi. Yang hendak kita pastikan adalah supaya tidak berlaku kenaikan harga yang mendadak dan berlaku ketidakstabilan harga yang menyusahkan rakyat.

Masalah ini dapat ditangani dengan mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat pada struktur pengeluaran dan sistem pemasaran. Sebagai penyelesaian jangka panjang bergantung kepada prestasi ekonomi negara pada keseluruhan dengan merekodkan pertumbuhan yang pesat dan peningkatan pendapatan per kapita. Ini akan membolehkan rakyat menikmati gaji lebih tinggi daripada kenaikan kos. Mengikut unjuran jika negara dapat mencapai kadar pertumbuhan 8% setahun sehingga tahun 2020, pendapatan per kapita negara akan mencapai ke tahap RM30,000 daripada RM11,817 pada tahun 1998 dan purata gaji buruh akan melebihi RM2,500 sebulan.

Saya berpendapat prinsip perkongsian hendaklah dipergiatkan di dalam banyak aktiviti kerajaan dalam bidang-bidang pembangunan, ekonomi, pendidikan dan dakwah. Dalam menghadapi masalah rasuah, penyelewengan agama, pencegahan jenayah, pencegahan gejala sosial dan masalah gangsterism di kalangan murid-murid sekolah prinsip perkongsian dijangka berkesan. Untuk memperkukuhkan prinsip perkongsian, saya mengesyorkan pegawai-pegawai kerajaan hendaklah sering mengadakan dialog dengan pemimpin-pemimpin komuniti. Menurut pendapat Profesor Jong S. Jun, "Dialogue is the most important means of communicating, and the best way to remove barriers between subject and the others". John Friedmann pula

menyatakan, "*Dialogue presumes a relation of shared interests and commitments and a relationship of reciprocity and mutual obligation*".

Melalui dialog maklumat-maklumat kerajaan yang tidak terlibat dengan Akta Rahsia atau keselamatan negara boleh disampaikan kepada komuniti, terutama dasar-dasar kerajaan, pelaksanaan program-program kerajaan, perangkaan-perangkaan pembangunan dan maklumat-maklumat melibatkan kepentingan rakyat. Kerajaan mestilah mencari jalan untuk mewujudkan perkongsian maklumat dengan rakyat supaya kita dapat melahirkan masyarakat yang kaya dengan maklumat (*information-rich society*). Pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia ke arah negara maju adalah melalui peralihan kepada industri teknologi maklumat. Kemajuan teknologi maklumat bergantung kepada kemampuan sistem pendidikan melahirkan golongan masyarakat moden, sains dan berteknologi. Untuk melahirkan golongan masyarakat moden, sains dan berteknologi memerlukan masyarakat pada keseluruhannya mempunyai ilmu pengetahuan (*Information-based society*). Saya percaya dengan memiliki maklumat tentang dasar-dasar kerajaan, pelaksanaan program-program kerajaan dan maklumat-maklumat melibatkan kesejahteraan rakyat masyarakat akan lebih komited kepada prinsip perkongsian dalam menentukan pembangunan negara.

Tidak semua rakyat tahu apa yang kerajaan buat. Ada di kalangan rakyat yang tidak tahu apakah prinsip dan falsafah di sebalik dasar-dasar dan program-program kerajaan. Ini telah mengakibatkan kerajaan hilang sokongan pada pilihan raya yang lalu. Sebagai contoh, tidak ramai orang tahu tentang konsep pengswastaan lebuhraya. Prinsip-prinsip tentang *public goods* dan *private goods* tidak dijelaskan untuk pengetahuan umum. Perkhidmatan di bawah *public goods* ditetapkan bayaran oleh kerajaan pada kadar minimum atau tidak perlu membuat bayaran. Bagi perkhidmatan di bawah *private goods* bayaran akan ditentukan oleh kuasa pasaran.

Dalam kes lebuhraya, kerajaan telah membina dan melakukan kerja-kerja pemeliharaan Lebuhraya Persekutuan menghubungi semua bandar di Malaysia. Lebuhraya Persekutuan adalah *public goods* dan kegunaannya tidak dikenakan pembayaran memandangkan pembangunan pesat bermula pada sekitar tahun-tahun 1980-an. Keperluan untuk perhubungan yang cepat timbul terutama daripada sektor perindustrian. Sebagaimana di negara-negara maju yang mewujudkan lebuhraya *expressway* di bawah konsep penswastaan dan mengenakan bayaran mengikut kuasa pasaran. Malaysia juga melaksanakan pembangunan Lebuhraya Utara Selatan di bawah konsep penswastaan kerana kos pembangunan lebuhraya yang tinggi tidak mampu dilaksanakan dan dibiayai oleh kerajaan. Penggunaan Lebuhraya Utara Selatan adalah bagi individu yang berkehendakkan perhubungan cepat dan sanggup membuat bayaran.

Semasa saya berada di bandar-bandar Amerika Syarikat, pemandu teksi bertanya sama ada saya mahu menggunakan Lebuhraya Persekutuan ataupun *expressway*. Saya diberi penerangan jika menggunakan Lebuhraya Persekutuan bayaran perkhidmatan teksi rendah tetapi lambat sampai, jika menggunakan *expressway* bayaran teksi mahal tetapi cepat sampai. Apabila berada di *expressway* kita akan melihat *traffic jam* di Lebuhraya Persekutuan, manakala hanya beberapa kenderaan menggunakan *expressway*. Rakyat negara maju faham konsep penswastaan.

Saya berharap pemimpin-pemimpin kerajaan dan pegawai-pegawai serius dalam menyampaikan maklumat kepada rakyat dalam era globalisasi masyarakat yang menguasai dunia. Berbalik kepada isu penswastaan kerajaan hendaklah

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Biar saya habiskan Tuan Yang di-Pertua, [Ketawa] banyak lagi. Saya tidak beri jalan, biar saya selesaikan.

Selepas ini nanti bercakaplah, ada masa untuk Yang Berhormat bercakap. Mana tadi—berbalik kepada isu penswastaaan kerajaan hendaklah memberitahu objektif-objektif penswastaaan adalah untuk:

- (i) mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran kerajaan;
- (ii) meningkatkan efisiensi dan produktiviti;
- (iii) mempergiatkan pertumbuhan ekonomi negara;
- (iv) mengurangkan penglibatan kerajaan dalam sektor ekonomi; dan
- (v) memenuhi sasaran dasar pembangunan negara untuk kepentingan negara.

Begitu juga dengan dasar-dasar dan program-program pembangunan yang lain, yang tidak difahami oleh rakyat boleh membuat rakyat mudah terpengaruh dengan anasir-anasir dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya rakyatlah yang akan menentukan sama ada perancangan yang dibuat oleh kerajaan dan swasta akan mencapai kejayaan atau tidak. Jika rakyat produktif, maka lebih mudah perancangan-perancangan mencapai kejayaan.

Saya ingin menyentuh beberapa isu berkaitan dengan kedudukan rakyat. Kita sedia maklum, untuk membina negara maju kita memerlukan rakyat yang bersatu padu, berilmu, berkemahiran, berdaya saing dan berakhlak tinggi. Negara kita unik kerana warganegara terdiri daripada pelbagai kaum seperti berikut:

Warganegara Malaysia adalah seramai 20,625 juta orang. Pecahan mengikut kaum:

- * kaum Melayu 10,461,000 juta orang bersamaan dengan 50.7% daripada keseluruhan warganegara;
- * bumiputera lain 2,381,000 juta orang bersamaan dengan 11.5%;
- * kaum Cina 5,515,000 juta orang bersamaan dengan 26.7%;
- * kaum India 1,562,000 juta orang bersamaan dengan 7.5%; dan
- * lain-lain kaum adalah seramai 704,000 orang iaitu 3.4%.

Maklumat ini diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Negara bertarikh 31 Disember 1998.

Walaupun negara Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, budaya, bahasa, agama dan kepercayaan. Selepas merdeka selama 42 tahun sehingga kini kecuali tahun 1969, kita dapat membina negara yang aman, mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dan membolehkan rakyat mempunyai peluang menumpukan kepada pembangunan. Adakah perpaduan kaum di negara ini dapat terus dinikmati dan dipelihara pada abad ke-21 ini.

Untuk mempertahankan perpaduan negara, setiap kaum perlu mengamalkan toleransi dan elakkan diri daripada dipengaruhi oleh kuasa-kuasa kehancuran ataupun *forces of destruction*. Walaupun pada keseluruhan perpaduan kaum nampak kukuh, ada tanda-tanda perpecahan mula berlaku akibat kecenderungan baru iaitu perkembangan fahaman ekstremism. Ekstremism dalam agama sudah mula berkembang dalam masyarakat kita. Saya dapat merasakan ekstremism akan memuncak dan menjadi masalah utama pada abad ke-21 yang akan mencetuskan perpecahan serius terutama di kalangan ulama.

Oleh kerana masalah ini berpotensi menjadi masalah besar dan boleh mengancam perpaduan negara pada masa akan datang, saya ingin menyentuh perkara ini dengan lebih mendalam. Saya menggunakan kajian Dr. Yusof Al-Qardhawi yang

membuat kajian mengenai masalah ekstremism dalam agama. Menurut kajiannya, kemusnahan umat Islam dalam sejarah berpunca daripada fahaman ekstremism yang membawa umat Islam berbunuhan di antara satu sama lain. Menurut Dr. Yusof Al-Qardhawi ciri-ciri ekstremism dalam agama adalah:

- (a) taksub kepada pendapat sendiri atau kumpulan sendiri dan tidak mengaku pendapat orang lain;
- (b) wajikan orang lain dengan sesuatu yang tidak diwajibkan Allah;
- (c) keras kepada bukan tempatnya;
- (d) kasar dan kesat – sebagai contoh kasar dalam penyampaian dakwah yang menyalahi hidayah Allah dan petunjuk-petunjuk Rasulullah S.A.W.;
- (e) prasangka buruk terhadap manusia – sebagai contoh menuduh orang lain tidak menghormati sunnah dan tidak mencintai Rasulullah; dan
- (f) kemuncak kepada ekstremism ialah mengkafirkan sesama Islam.

Tindakan mengkafirkan sesama Islam mula dilakukan oleh kaum Khawarij. Pada hal kaum Khawarij terdiri daripada orang yang paling kuat berpegang kepada syiar-syiar ibadah iaitu puasa, sembahyang dan tilawah Al-Quran. Menurut kajian Dr. Yusof Al-Qardhawi berlakunya tindakan mengkafir di kalangan kaum Khawarij datang daripada kerosakan fikiran, bukan kerosakan hati. Mereka lupa di atas peringatan Rasulullah S.A.W. bahawa mengkafirkan orang membuat “Mereka yang mengkafirkan keluar daripada agama sebagaimana anak panah keluar dari busarnya” dan “Siapa berkata kepada saudaranya, Hai kafir, telah kembali pada dirinya”.

Menurut Fiqh Syafii Jilid 2 muka surat 529, “Yang menyebabkan orang menjadi murtad”:

- (a) kerana iktikad;
- (b) kerana perbuatan yang disengajakan; dan
- (c) kerana perkataan yang disengajakan.

Perkataan yang menyebabkan seseorang menjadi murtad, di antaranya ialah menuduh orang yang beragama Islam dengan tuduhan kafir, atau memanggilnya dengan kata-kata kafir.

Selain daripada melibatkan persoalan aqidah, Dr. Yusof Al-Qardhawi menyatakan isu.....

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:.....biar saya selesaikanlah. Isu mengkafir sampai ke kemuncak apabila:

- (a) menggugurkan ‘isma’ orang lain;
- (b) menghalalkan darah dan harta bendanya;
- (c) menceraikan isteri dan anak;
- (d) putus hubungan kaum muslim;
- (e) tidak dijadikan wali; dan
- (f) apabila mati, tidak dimandi, kafan dan sembahyang.

Di negara kita ekstremism masih belum merebak luas di kalangan masyarakat. Walau bagaimanapun, isu mengkafir sudah keluar daripada mulut guru-guru agama di masjid-masjid dan surau-surau. Terdapat laporan di mana hubungan keluarga dan di kalangan masyarakat berlaku perpecahan akibat daripada isu kafir mengkafir.

Memandangkan bahawa ekstremism berpotensi merosakkan masa hadapan umat dan negara, saya berpendapat masalah ini hendaklah ditangani dengan segera. Saya mencadangkan beberapa pendekatan iaitu:

- (a) ulama hendaklah melihat masalah ini dengan serius. Tindakan segera hendaklah diambil bagi menanganinya;
- (b) kerajaan hendaklah menggunakan undang-undang ke atas penyeleweng agama;
- (c) kerajaan hendaklah membuat penyelidikan yang menyeluruh untuk melihat tren-tren dakwah, politik, ekonomi, pendidikan dan sosial dalam masyarakat Islam ke arah untuk memperkukuhkan perpaduan umat Islam; dan
- (d) pendakwah daripada JAKIM, Jabatan Agama Islam dan badan-badan dakwah hendaklah memberi penerangan mengenai dasar pelaksanaan Islam di negara ini bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan umat Islam tentang pelaksanaan pembangunan Islam di negara ini. Oleh kerana maklumat yang tidak jelas, masyarakat Islam mudah terkeliru.

Tuan Kerk Kim Hock: [Bangun]

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Prof. G.W. Choudhury dalam penulisannya "*Islam And The Modern Muslim World*" menyatakan, "*Malaysia is a near ideal Muslim state where the basic Islamic values and tradition are cherished and valued and simultaneously a highly successful modernizing process is going on. Malaysians follow the true Islamic toleration to other religions as taught in the Quran.....*"

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Biar saya habiskanlah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:....saya Barisan Nasional minta pun saya tidak beri, biarlah saya habiskan. Saya rasa saya sudah ambil masa banyak Tuan Yang di-Pertua, jadi biarlah habiskan. Lagi 15 minit saya habis, selepas itu boleh bercakap. [Disampuk]

Mana perginya ini -*Malaysian follow the true Islamic toleration to other religions as taught in the Quran and as practiced by the prophet. In the constitution of Al-Madinah, the prophet implemented religious toleration. Malaysia has given expression of the dynamic concept of Islamic Law (Syar'iah) by stressing the virtues of knowledge particularly in the sphere of science and technology. The government and its people are not fanatics: they want a peaceful co-existence with the followers of other religions, again demonstrating a fundamental teaching of Islam. The status of Islam as a political factor is stronger in Malaysia than in Indonesia. Islam is the state religion and an essential aspect of the identity of Malaysian Muslim society and politics. According to the constitution of Malaysia - Malay means a person who professes the Muslim religion, habitually speaks the Malay language, conforms to Malay customs*".

Kedua, perhubungan antara kaum Samuel Huntington dalam kajiannya menyatakan di abad ke-21 manusia akan lebih fanatik kepada fahamannya dan menolak fahaman orang lain. Terdapat kecenderungan berlaku konflik di antara

ideologi agama semakin tinggi. Ini dapat kita lihat berlaku di Bosnia, Kosovo dan Indonesia. Di negara kita hubungan harmoni di antara kaum dan berlainan agama perlu dijaga dalam menjamin kestabilan negara. Usaha berterusan hendaklah dilakukan supaya hubungan orang Islam dan bukan Islam sentiasa kukuh memandangkan realiti struktur penduduk negara ini di mana nisbah orang Islam dan bukan Islam adalah 54% : 46%.

Dalam 100 tahun di abad ke-21 kesan daripada pengaruh budaya global yang diterima melalui perhubungan peribadi, media dan Internet, perubahan budaya dan sosial akan terjadi dengan lebih cepat. Ini akan mencabar perhubungan kaum jika toleransi kaum dan agama tidak dijaga dan dijamin dari sekarang. Malah saya melihat sejak akhir-akhir ini kerajaan sering dikritik kerana sikap toleransi, termasuk kepada perkara –perkara yang sensitif kepada Islam yang diamalkan oleh bukan Islam. Bagi menjaga keharmonian negara, kerajaan hendaklah memastikan setiap kaum dibekalkan pengetahuan lengkap mengenai budaya kaum lain dan proses berinteraksi di antara kaum. Isu-isu sensitif melibatkan semua kaum hendaklah diberi ketetapan sebagai panduan bagi mengelakkan ketegangan antara kaum.

Saya tertarik dengan tulisan Dr. Yusof Al-Qardhawi dalam karangannya '*AHL ADH-DHIMMA*' telah membuat analisis tentang hubungan orang Islam dan bukan Islam dalam sebuah negara Islam. Secara ringkas Dr. Yusof Al-Qardhawi menyatakan bukan Islam mempunyai beberapa hak di antaranya ialah:

- (a) hak ke atas keselamatan;
- (b) hak kebebasan mengamalkan kepercayaan dan amalan; dan
- (c) hak mendapat perlindungan daripada serangan luar dan penindasan daripada dalam meliputi perlindungan nyawa, darah, harta dan maruah.

Menurut kajian Dr. Yusof Al-Qardhawi, bukan Islam diberi jaminan kebebasan menganuti agama dan mengamalkan budaya hidup mengikut fahaman mereka. Mereka bebas menjalankan pekerjaan dan kerjayanya. Semasa zaman Rasulullah S.A.W. datang kepada Rasulullah S.A.W. rombongan daripada orang-orang Kristian di masjid dan Rasulullah S.A.W. membenarkan mereka menunaikan sembahyang di masjid. Orang-orang Majusi mengamalkan perkahwin dalam satu keluarga dan orang-orang Yahudi meminimum minuman keras diberi kebebasan untuk mengamalkan kehidupan berlandaskan budaya dan cara hidup mereka walaupun berlainan dengan ideologi Islam. Asas kepada toleransi Islam adalah menghormati perbezaan agama, bangsa dan warna kulit, perbezaan tersebut adalah ketentuannya daripada Allah S.W.T dan percaya Allah S.W.T. memerintahkan berlaku adil dan kebaikan kepada seluruh manusia, orang Islam dan bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, pada awal ucapan

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:...[Disampuk] Biar saya habiskanlah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya tidak beri jalan, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan ini. Saya bermula pukul 11.30 pagi, saya sendiri pun sudah kering mulut saya. [Ketawa] [Disampuk] Pagi tadi saya sudah beri cukup peluang untuk berbincang dengan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, pada awal ucapan saya menyatakan Malaysia dan negara-negara membangun perlu beralih ke industri berteknologi tinggi. Ekonomi abad ke-21 memerlukan bilangan saintis, jurutera, juruteknik, pengurus dan pekerja mahir yang ramai untuk membina masyarakat berilmu tinggi dan berteknologi sebagai asas

kepada pembangunan negara. Kegagalan sistem pendidikan Great Britain untuk membina kemahiran yang perlu bagi membolehkan kemampuan melakukan aktiviti penyelidikan dan pembangunan membuatkan Amerika Syarikat mengambil alih kuasa dunia daripada Great Britain pada abad ke-20. Amerika Syarikat memiliki ramai saintis, penyelidik dan golongan intelek dapat menguasai kepimpinan sains dan teknologi global. Ekonomi masa kini yang berpaksikan ilmu pengetahuan menumpu kepada aktiviti-aktiviti nilai tambah bermutu tinggi memerlukan set kemahiran yang berbeza iaitu kemahiran kreativiti yang canggih. *Silicon Valley* wujud melalui sistem sokongan institusi-institusi yang hebat, Harvard, MIT dan Stanford.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhammad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

Ilmu pengetahuan adalah faktor utama dalam mempergiatkan pertumbuhan ekonomi masa kini melalui meningkatkan pertambahan *input* ilmu pengetahuan dalam produk, memerlukan kepelbagaian dan kualiti produk dan penggunaan teknologi canggih dalam meningkatkan kapasiti pengeluaran. Produk-produk masa kini didapati mencapai peningkatan kadar nisbah *idea* berbanding usaha fizikal sebagai sumber kepada pembangunan aktiviti ekonomi.

Walaupun tidak dapat diukur secara tepat input idea dalam sesuatu produk tetapi tidak dapat dinafikan peranan idea dalam industri IT adalah cukup besar. Untuk dapat bersaing dalam industri berorientasikan ilmu pengetahuan kita perlu memperkukuhkan kedudukan dalam perkembangan idea. Kita mesti melabur dengan banyak dalam pendidikan. Pendidikan boleh melahirkan para pakar penyelidik saintis, jurutera dan pakar profesional yang dapat menghasilkan penemuan dan teknik baru dalam pengeluaran.

Pendidikan berperanan penting dalam meningkatkan produktiviti melahirkan rakyat yang berkecakupan membentuk masyarakat moden dan mengimbangkan sosio-ekonomi di antara kaum. Cabaran-cabaran utama dalam sistem pendidikan masa kini adalah:

- (i) kemampuan menghasilkan tenaga kerja yang mencukupi bagi menampung keperluan pasaran buruh yang berorientasikan kemahiran dan teknologi;
- (ii) kemampuan menghasilkan saintis, penyelidik, pengurus dan profesional yang mampu meningkatkan daya saing dalam ekonomi global;
- (iii) kemampuan membentuk sebuah masyarakat yang berteknologi yang dapat membudayakan penggunaan teknologi dalam melahirkan masyarakat yang berteraskan sains teknologi dan penghayatan ilmu; dan
- (iv) kemampuan melahirkan individu yang mempunyai sistem nilai dan etika serta akhlak yang baik, bertanggungjawab, patuh kepada Tuhan serta berkemampuan untuk membangunkan masyarakat pelbagai kaum dan negara.

Statistik tahun 1997 menunjukkan negara kita jauh ketinggalan dari segi bilangan penyelidik, saintis dan jurutera yang menjadi kekangan kepada peningkatan produktiviti dan daya saing negara kita. Berasaskan nisbah saintis bagi setiap 1 juta penduduk Malaysia mempunyai seramai 400 orang saintis berbanding dengan Jerman Barat 3,000 saintis, Jepun 6,500 saintis, Korea Selatan 1,300 saintis dan United Kingdom 3,200 saintis. Adakah sistem pendidikan kita mampu menghasilkan bilangan saintis, penyelidik, pengurus dan profesional bagi memenuhi permintaan untuk meningkatkan daya saing negara?

Beberapa cabaran-cabaran yang dihadapi oleh sistem pendidikan hendaklah diberi tumpuan serius:-

- (i) isu sistem pendidikan berorientasikan peperiksaan menyebabkan penekanan terhadap peperiksaan menjadi agenda utama. Penumpuan terhadap peperiksaan dikatakan menyebabkan banyak pengabaian berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran terutama berkaitan dengan aspek-aspek pembinaan daya fikir, pembangunan nilai-nilai sendiri, penyuburan dan penghayatan nilai-nilai murni;
- (ii) isu menekankan kepada kuantiti menjejaskan kualiti pendidikan tinggi. Dalam persoalan ini, saya ingin menyentuh mengenai pencapaian institusi pendidikan tinggi di India iaitu Indian Institute Of Technology (IIT). IIT adalah di antara sebilangan IPT di Asia dimana lulusannya berjaya memegang jawatan-jawatan utama termasuk jawatan Ketua Eksekutif bagi syarikat-syarikat multi-nasional di Amerika Syarikat. Malah kejayaan Bangalore sebagai pusat teknologi maklumat kedua terpenting selepas Silicon Valley adalah kerana penglibatan dan sokongan ramai lulusan IIT sebagai pemain utama;
- (iii) isu mengenai kekurangan pensyarah di IPT dan program "Training of Trainers";
- (iv) isu pencapaian pelajar bumiputera rendah daripada pencapaian pelajar bukan bumiputra di IPT;
- (v) isu penglibatan pelajar IPT secara aktif dalam politik; dan
- (vi) isu pelajar-pelajar yang terkeluar dari sistem pendidikan di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Berdasarkan statistik hanya 20% daripada pelajar-pelajar yang memasuki persekolahan yang dapat sampai ke Institusi Pendidikan Tinggi. Adakah pendidikan dan latihan alternatif yang disediakan mencukupi untuk menampung keperluan mereka? Tidak memberi peluang yang mencukupi adalah merupakan suatu kehilangan kepada aset negara. Ramai di kalangan mereka terdiri dari kaum bumiputera

Dalam dunia teknologi maklumat, pendidikan berhadapan dengan cabaran bagi penyediaan prasarana teknologi maklumat di sekolah. Mata pelajaran komputer dan penggunaan internet, laman web dan CD-Rom hendaklah dinikmati di sekolah yang bukan sahaja tertumpu di bandar tetapi di sekolah di luar bandar. Kita hendaklah mengumpul statistik terkini melibatkan persoalan apakah sekolah-sekolah di bandar dan luar bandar sudah dilengkapi dengan komputer dan internet? Berapa ramaiakah pelajar yang dapat menikmati penggunaan komputer dan internet? Adakah sekolah-sekolah dapat menyediakan para guru dengan kepakaran teknologi maklumat agar program yang dirancang dapat mencapai matlamat? Persoalan-persoalan ini perlu dikaji dengan serius kerana implikasi ke atas pembangunan negara. Kita tidak mahu negara ketinggalan dan terpinggir dalam era globalisasi.

Sejarah menunjukkan kepada kita kerana ketiadaan kemahiran dan teknologi walaupun kita memiliki sumber asli dan bahan mentah yang banyak kita ketinggalan dalam pembangunan ekonomi dunia. Pada zaman era pertanian kita memiliki kekayaan sumber dalam bentuk getah dan bijih timah tetapi yang mendapat kekayaan sebenar adalah United Kingdom. Kita juga tidak mahu melihat di masa hadapan penduduk luar bandar yang inferior kerana lahir dari sistem pendidikan yang memihak kepada bandar.

Keutamaan-keutamaan diberikan kepada sekolah-sekolah dalam bandar dengan kelengkapan komputer, internet dan guru pakar yang mencukupi, manakala sekolah di luar bandar memiliki satu atau dua komputer, itu pun digunakan untuk pentadbiran sekolah. Biarlah revolusi komputer dan internet menjadi suatu revolusi

yang meningkatkan daya ilmu, kemahiran dan teknologi rakyat dalam bandar dan luar bandar dan sekali gus meningkatkan daya saing negara setanding dengan negara-negara maju.

Dalam dunia globalisasi penguasaan ilmu, kemahiran dan teknologi akan menentukan siapa yang berkuasa di dunia. Meminjam kata-kata Dewey, dengan izin, *"The key for education lies in the realization that knowledge is the sole ultimate resource of mankind in every field whatsoever"*. Manakala I.E. Petrov pula menyatakan, dengan izin, *"people are the moving force of history"*.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di bawah kepimpinannya negara kita muncul sebagai sebuah negara yang progresif dan dinamik yang disegani oleh dunia. Walaupun berbagai-bagai rintangan dihadapi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetap gigih menjalankan tugas mempertahankan Agama, Bangsa dan Negara. Melalui kaca TV kita kagum melihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyampaikan ucapan dipersidangan UNCTAD menyuarakan pandangan mempertahankan manusia sejagat terutama bagi pihak kerajaan dan rakyat negara-negara membangun dan negara-negara miskin yang terpinggir akibat cabaran globalisasi.

Saya turut mengucapkan terima kasih kepada rakyat yang menyokong Barisan Nasional bagi membolehkan Barisan Nasional berada di Parlimen dengan majoriti lebih 2/3 dan menubuhkan kerajaan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Ahli-Ahli Parlimen, termasuk pembangkang yang memenangi Pilihan Raya Kespuluh. Saya ingin memetik kata-kata seorang ahli fikir, dengan izin:

"As individuals, the long term view is often difficult to reconcile with our short-term, mortal existence because, we say, 'in the end, we are all dead.' Such an individualistic mindset denies our own children. Though death is at the core of our private lives, our death is simply part of the continuum of our biological and social world – literally regenerates itself with each new generation of people. This regeneration of humanity is not just a social contract but a 'partnership' of the generations (between those who are dead, those who are living and those still to be born) to achieve 'perfection'. Each new generation thus aspires to progress beyond the level attained by its predecessor by progressing further and faster across the hierarchy of human needs."

Saya berdoa ke hadrat Allah s.w.t. semoga kesucian agama, kedaulatan negara dan maruah bangsa terpelihara daripada cabaran-cabaran besar abad ke-21. Dengan kata-kata itu, saya mohon mencadangkan. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya minta Yang Berhormat bagi Kluang berucap.

3.40 ptg.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih Ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tambun.

Seperti dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, usaha kerajaan untuk mengambil langkah-langkah tertentu termasuk tindakan berkaitan dengan sistem bank dan dengan sokongan dan kerjasama segenap lapisan rakyat telah menghasilkan pemulihan ekonomi negara. Pada masa yang sama seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tambun kepentingan teknologi maklumat (IT) telah dikenal pasti sebagai penjana pertumbuhan ekonomi negara maka rancangan-rancangan dan projek-projek yang berkaitan dengan IT khususnya projek Koridor Raya

Multimedia (MSC) harus dilaksanakan mengikut jadual kalau boleh lebih cepat daripada dijangkakan.

Projek ini merupakan antara usaha terpenting kerajaan dalam pembangunan negara dan pada halnya projek ini adalah satu konsep yang berpandangan jauh kerana semacam Wawasan 2020 konsep Koridor Raya Multimedia akan menentukan destinasi negara kita dan bangsa Malaysia di abad yang ke-21. MSC bukan sahaja akan mewujudkan ribuan peluang pekerjaan dan pelaburan berasaskan kemahiran dan pengetahuan tetapi juga menyediakan prasarana dan perkhidmatan sokongan yang secukupnya kepada mereka yang berminat menceburi secara aktif dalam bidang teknologi maklumat dan multimedia pada peringkat tempatan ataupun antarabangsa.

Di samping itu Malaysia bukan sahaja tidak mahu ketinggalan dalam bidang teknologi maklumat, bahkan hendak menguasai IT yang banyak mencorakkan kemajuan dunia pada masa depan. Oleh yang demikian setiap rakyat Malaysia mesti memberi sambutan dan sokongan terhadap projek ini dan memastikan kejayaannya.

Tuan Yang di-Pertua, sejak majlis pecah tanah projek MSC dilakukan pada tahun 1996 beberapa usaha telah pun dijalankan oleh pihak kerajaan. Antaranya ialah:

- (i) menjalankan pembangunan bandar Cyberjaya dan Putrajaya dan Universiti Multimedia.
- (ii) kerajaan akan mengubah pelan induk telekomunikasi untuk membolehkan negara kita melabur dalam teknologi baru supaya kita dapat bersaing di bidang teknologi maklumat.
- (iii) pengenalan sekolah bestari serta mengkaji semula kurikulum dalam IT dan multimedia adalah satu usaha penting dan strategi reformasi pendidikan untuk memajukan industri berteknologi tinggi dan menjayakan projek MSC.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya dua perkara harus diambil perhatian ialah pertama, salah satu unsur penting dalam menjaminkan kejayaan Koridor Raya Multimedia ialah sumbangan daripada industri elektronik dan elektrik. Menurut pelan induk perindustrian, sektor elektronik dan elektrik adalah sektor industri utama dalam negara kita dari segi pekerjaan, keluaran nilai ditambah (*value-added*) dan eksport.

Namun demikian sektor yang paling dikuasai oleh syarikat-syarikat antarabangsa dan penyertaan tempatan dalam industri elektronik dan elektrik masih agak rendah. Oleh yang demikian usaha dan langkah selanjutnya harus diambil oleh pihak kerajaan dan meningkatkan tahap penyertaan syarikat tempatan dalam sektor ini supaya melahirkan teknologi tempatan sejati.

Yang kedua, pihak kerajaan harus juga menentukan supaya sokongan institusi kewangan kepada usahawan tempatan untuk menceburi bidang industri teknologi tinggi ditingkatkan memandangkan ia masih belum memuaskan pada masa sekarang. Di samping itu kerajaan harus menyediakan pelbagai bentuk insentif bagi membolehkan industri berteknologi tinggi dimajukan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan ini saya ingin bertanya Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) setakat ini berapakah syarikat telah pun memohon untuk menyertai dalam projek MSC dan antaranya berapakah syarikat asing dan berapakah syarikat tempatan. Adakah MDC berpuas hati dengan pencapaian sekarang. Saya difahamkan dalam satu laporan di mana D.G. Port Hongkong telah mula beroperasi, konsepnya lebih kurang dengan MSC di Malaysia. Kita memulakan projek MSC pada tahun 1996 dan D.G. Port Hongkong mula beroperasi pada tahun 1998. Maka saya ingin mengingatkan kepada pihak kerajaan dan juga MDC supaya kita betul-betul siap sedia dan berusaha sedaya upaya untuk kita benar-benar berdaya saing dalam projek MSC ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum bagi melicinkan pembangunan MSC kerajaan Malaysia telah mengasaskan tujuh aplikasi multimedia iaitu:

- (i) Kerajaan elektronik.
- (ii) Sekolah pintar.
- (iii) Teleperubatan.
- (iv) Kelompok R&D.
- (v) Kad pelbagai nasional.
- (vi) Pusat pasaran tanpa sempadan.
- (vii) Web pembangunan seluruh dunia.

Dalam perbahasan ini saya cuma ingin membangkitkan tiga daripada tujuh aplikasi tersebut iaitu pertama tentang kerajaan elektronik. Hasrat kerajaan ialah menggunakan teknologi multimedia untuk menjadikan pentadbiran kerajaan tanpa menggunakan kertas ataupun paperless administration. Ini bermakna seluruh perhubungan antara jabatan serta kakitangan kerajaan dengan awam akan dilakukan menerusi elektronik dan rangkaian multimedia dan Putrajaya dibangunkan di MSC untuk menjadikan sebuah ibukota baru yang mencapai tahap kerajaan elektronik. Di dalam konteks ini saya ingin tahu sampai tahap mana persiapan kita untuk mencapai kerajaan elektronik ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya adalah wakil dari negeri Johor jadi saya difahamkan pada tahun 1997, Minda Rakyat Johor Sdn. Bhd. yang diberikan tanggungjawab menghubungkan rangkaian prasarana maklumat negeri Johor ke Koridor Raya Multimedia. Jadi saya ingin tahu setakat ini apakah kemudahan telah diberikan daripada kerajaan pusat kepada syarikat ini dan apa pencapaian syarikat ini setakat tahun ini.

Yang kedua mengenai teleperubatan. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kerajaan elektronik, teleperubatan juga merupakan salah satu daripada tujuh aplikasi perdana MSC dengan tujuan ia akan merangsangkan usaha negara kita untuk melompat ke era maklumat.

Jadi saya difahamkan kerajaan telah membelanjakan RM100 juta, kalau tidak silap saya, bagi membangunkan aplikasi perdana teleperubatan Koridor Raya Multimedia ini. Dan baru-baru ini dua syarikat besar telah menandatangani dalam perjanjian persefahaman (*MoU*) dengan kerajaan mengenai aplikasi perdana perubatan MSC. Maka saya juga ingin tahu ataupun meminta kerajaan memberi maklumat yang lebih lanjut tentang perkembangan terbaru teleperubatan di negara kita.

Yang ketiga ialah tentang kad pelbagai nasional atau lebih dikenali sebagai kad pintar yang dikatakan pertama ataupun yang kedua di dunia yang akan dikeluarkan bagi penggunaan rakyat Malaysia. Maka saya ingin tahu setakat ini bagaimana persiapan kita untuk mengeluarkan kad pintar ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesimpulannya selain daripada soalan-soalan yang saya kemukakan tadi kejayaan MSC bergantung kepada keyakinan kerajaan dan pihak pelabur serta pengetahuan dan persefahaman semua pihak termasuk rakyat jelata. Lebih penting ialah komitmen MDC yang diberikan tanggungjawab untuk menentukan projek MSC akan menjadikan satu projek yang betul-betul berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanian. Dalam titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menekankan supaya dapat meningkatkan lagi usaha memodenkan sektor pertanian termasuk membekalkan bahan makanan yang cukup dalam negara kita, maka pembangunan sektor pertanian perlu dimantapkan lagi bagi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kita sangat bertuah kerana negara kita dikurniai sumber asli yang kaya. Pihak kerajaan juga menggalakkan rakyat

menceburi diri dalam bidang pertanian iaitu menggalakkan rakyat menanam sayur dan buah-buahan di kawasan lapang dan Rancangan Buku Hijau juga dihidupkan semula dengan majikan ladang di seluruh negara dinasihatkan supaya menyediakan sekurang-kurangnya 250 meter persegi kawasan kepada setiap pekerja untuk tujuan tanaman khususnya sayur dan ternakan.

Selain daripada itu walaupun dasar Pertanian Negara Ketiga yang dirangka merupakan visi baru bagi pembangunan sektor pertanian tetapi kerajaan harus juga mengambil langkah-langkah yang berkesan bagi mengatasi masalah pengeluaran makanan kerana negara kita sudah lama bergantung kepada kos makanan import yang begitu besar. Kalau kita baca bil import pada tahun-tahun yang lepas, kalau pada tahun 1985, bil import adalah lebih kurang RM3.5 bilion. Sepuluh tahun kemudian, iaitu tahun 1995, ia meningkat kepada RM7.7 bilion. Dua tahun selepas tahun 1995, iaitu tahun 1997 ia meningkat kepada RM10 bilion. Tahun 1998 meningkat lagi kepada RM11 bilion.

Jadi penggantungan kepada makanan import ini menunjukkan memang ada kelemahan dalam sektor pertanian negara kita, maka kerajaan mungkin boleh memikirkan cadangan-cadangan yang pernah dikemukakan untuk meningkatkan peranan Kementerian Pertanian termasuk mungkin menukar namanya kepada 'Kementerian Pertanian dan Pemakanan'. Ini terpulang kepada kerajaan untuk memikirkannya. Bagi memberi imej baru kepada kementerian berkenaan untuk menarik lebih ramai rakyat menceburi diri dalam sektor pertanian secara komersial untuk meningkatkan lagi penjualan bagi menampung keperluan rakyat negara ini.

Di samping ini langkah-langkah lain harus diambil oleh kerajaan seperti;

- (i) kerajaan harus menzonkan kawasan khususnya untuk pengeluaran makanan;
- (ii) mempergiatkan lagi usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D);
- (iii) mengatasi kekurangan tenaga buruh dalam sektor pertanian; dan
- (iv) cuba menggunakan sumber tanah secara maksimum iaitu mengintegrasikan ternakan dalam tanaman ladang.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga dicadangkan bahawa pihak kerajaan khususnya Kerajaan Negeri mengambil langkah segera untuk menyewakan tanah terbiar dengan kadar sewa yang minimum kepada para petani dan mereka yang berminat dalam kegiatan pertanian untuk tanaman sayur-sayuran dan juga ternakan. Kepada pekebun kecil yang dulunya memegang POL tetapi tidak dapat menyambung semula ataupun memperbaharui POL mereka, haruslah dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan Negeri supaya dapat listkan tanah ini kepada mereka dengan kadar yang rendah dan saya percaya dengan cara ini bukan saja pekebun kecil dapat mencari rezeki bahkan Kerajaan Negeri Johor juga ataupun Kerajaan Negeri mendapat hasil daripadanya.

Kita berharap kerajaan melalui Kementerian Pertanian akan terus melaksanakan pelbagai program pembangunan sektor pertanian termasuk pelbagai program meningkatkan kualiti dan produktiviti hasil pertanian seperti pembinaan infrastruktur, khidmat pengembangan, bimbingan teknikal serta pengenalan dan penggunaan teknologi baru di samping usaha memantapkan lagi sistem dan pemasaran hasil pertanian dan kita yakin dengan usaha-usaha kerajaan ini, bukan saja bil import dapat kita kurangkan bahkan dengan adanya kerjasama daripada agensi-agensi kerajaan yang lain, ia dapat meningkatkan taraf kehidupan golongan petani di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai aktiviti belia dan masalah sosial ini, seperti kita sedia maklum generasi remaja dianggap sebagai khazanah ataupun aset penting di negara kita dari segi tenaga manusia dan dalam menjayakan wawasan negara.

Kerajaan memang berusaha sedaya-upaya untuk melahirkan generasi baru kita yang berkualiti supaya mereka benar-benar menjadi tunjang juga penggerak pembangunan masyarakat dan negara berasaskan ilmu, etika, azam, iltizam dan cita-cita tinggi. Tetapi apabila kita dilaporkan jumlah kes juvana antara sepuluh tahun hingga lima belas tahun pada tiap-tiap tahun memang kira-kira ribuan kes. Kalau masuk dengan kes hilang ataupun lari dari rumah, jumlah ini lagi besar dan lebih-lebih lagi kalau kita baca laporan akhbar 8 Februari tahun ini yang mengatakan ada 44 daripada 516 pelatih sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka yang bertindak merusuh serta melarikan diri memang mengingatkan kita bahawa perhatian berat yang harus diambil oleh masyarakat umum ialah masalah sosial khususnya kes-kes jenayah remaja ataupun juvana yang dihadapi oleh generasi muda di negara kita.

Jadi, menyedari hakikat bahawa masalah sosial yang berlaku ini merupakan masalah kepada negara ia perlu diatasi sekiranya Malaysia hendak menuju ke arah negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu untuk mengawal gejala yang tersebut di atas, Kementerian Belia dan Sukan telah merangka beberapa program digabungkan di bawah satu konsep Wawasan Rakan Muda sejak beberapa tahun yang lalu dan seperti yang kita sedia maklum segala program tersebut adalah untuk membantu generasi muda mengenali budaya warisan bangsa Malaysia yang tidak terpengaruh dengan budaya negatif Barat. Di samping itu ia akan membawa wadah yang boleh menggerakkan wawasan dan citarasa masyarakat serta menyumbang tenaga untuk memajukan dan membangunkan negara.

Maka kita harus memastikan program-program yang dirancang oleh Kementerian Belia dan Sukan termasuk Rakan Muda dapat dijalankan dengan berkesan dan berjaya. Selain daripada itu program Khidmat Sosial yang pernah dicadangkan oleh Kementerian Belia dan Sukan yang bertujuan membina kecemerlangan diri dan membentuk perilaku yang baik di kalangan anak muda lepasan sekolah ataupun tingkatan lima. Jadi mungkin Kementerian Belia dan Sukan boleh mengkaji semula program ini, kalau sesuai saya percaya kita boleh laksanakan dengan lebih luas lagi. Atau saya ingin cadangkan satu alternatif lagi ialah satu bentuk latihan tentera dimasukkan dalam Kurikulum Sekolah Menengah supaya menanam semangat disiplin dan patriotisme di kalangan remaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong juga menekankan betapa pentingnya kestabilan sosial dan perpaduan rakyat maka saya percaya selain daripada Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Perpaduan Negara juga boleh memainkan peranannya dan bekerjasama dengan Jabatan Belia dan Sukan untuk menganjurkan bersama beberapa aktiviti yang dianggap sesuai demi membawa lebih banyak faedah kepada generasi muda kita. Seperti kita sedia maklum, negara kita adalah sebuah negara majmuk di mana berasaskan semangat perpaduan dan sikap toleransi, rakyat dapat hidup bersatu padu, aman dan damai. Keadaan yang tenteram ini adalah kejayaan kerajaan dalam mengekalkan perpaduan dan keharmonian hidup di kalangan rakyat yang berbilang kaum.

Ketika negara kita menuju ke alaf baru dan ke arah Wawasan 2020, perpaduan yang sedia terjalin di kalangan rakyat sudah tetap menjadi kunci utama untuk mencapai matlamat kita bersama. Jadi, berasaskan faktor ini, kerajaan dapat menumpukan sepenuh masa dan usaha untuk membangunkan negara kita. Jadi untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa tahun yang lalu, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Perpaduan Negara pernah melancarkan satu program promosi perpaduan yang mengandungi 18 kegiatan utama seperti program Setia Padu, Titian Emas, Jambore Perpaduan dan Khemah Kerja Integrasi dan sebagainya.

Jadi melalui kegiatan-kegiatan tersebut dapat mempertingkatkan lagi kepada rakyat mengenai betapa penting perpaduan dan integrasi nasional bagi menjamin kestabilan, kemakmuran dan kesejahteraan negara. Di samping ini, Jabatan Perpaduan Negara menubuhkan lebih dari 1000 kawasan rukun tetangga di seluruh negara di

bawah sektor RT dan juga ada ditubuhkan Jiran Wanita dan Jiran Muda. Kegiatan-kegiatan di bawah jiran muda juga dapat memupuk semangat patriotisme dan setiakawan terhadap bangsa Malaysia tanpa mengira keturunan, budaya dan agama.

Jadi, dalam konteks ini saya ingin bertanya sama ada aktiviti-aktiviti yang seumpama ini yang dirancang oleh Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat masih berjalan atau tidak. Kalau ada, macam mana sambutan dan kesannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesimpulannya selain daripada usaha daripada Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan dan agensi-agensi kerajaan yang lain, sasaran untuk menangani masalah-masalah sosial dan remaja ini juga melibatkan para ibu bapa, pemimpin-pemimpin belia, persatuan-persatuan masyarakat dan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) supaya kita dapat mencapai matlamat lebih berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendidikan. Dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, iaitu kerajaan harus memantapkan sistem pendidikan agar lebih responsif bagi menangani cabaran alaf baru dan mencapai Wawasan 2020. Perubahan-perubahan dalam dasar pendidikan dari peringkat rendah sehingga peringkat tinggi diperlukan untuk memenuhi keperluan tenaga manusia dan mempercepatkan proses pembangunan negara.

Isu-isu pendidikan memang banyak kalau kita hendak sentuh. Saya cuma ambil satu, dua contoh sahaja. Pertamanya, tentang kekurangan guru terlatih di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) yang begitu ketara. Saya difahamkan ada lebih kurang 3,000 kekurangan dan kekurangan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) juga di bandar-bandar besar masih juga merupakan kurang. Jadi, dalam konteks ini, saya ingin menarik perhatian Kementerian Pendidikan tentang pengambilan guru terlatih, pengajaran Bahasa Cina. Pengambilan (*intake*) pada tahun 1999 adalah 830 orang dan kita percaya semua 830 orang ini pun telah diisi dan pengambilan dalam tahun 2000, iaitu 840 orang. Sukacita dimaklumkan bahawa selepas temuduga terbuka (*walk-in interview*), kita juga dapat mengisi semuanya. Ini bermakna memang ada calon-calon yang layak berminat untuk menceburi diri dalam bidang pendidikan atau mencari guru. Jadi, dahulu memang kita anggap tidak ada ramai remaja ataupun pemuda yang ingin menjadi guru. Tetapi kalau kita lihat laporan ini memang ada calon-calon yang layak benar-benar berminat untuk menjadi guru.

Maka saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan pada tahun akan datang jumlah pengambilan guru dapat ditambah mungkin kepada 1,000 orang ataupun lebih dari 1000 orang. Pada masa yang sama guru-guru yang baru bersara boleh ditawarkan sebagai guru kontrak untuk mengatasi masalah kekurangan guru pada sementara waktu.

Lagi satu perkara yang penting ialah kelas bahasa ibunda di sekolah menengah harus dipandang serius oleh Kementerian Pendidikan kerana ia merupakan sumber guru-guru bahasa ibunda pada masa hadapan. Maka saya sangat berharap jangan ada apa-apa halangan untuk membuka kelas bahasa ibunda di sekolah menengah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kesihatan. Walaupun kerajaan selama ini mencuba sedaya upaya termasuk menambah banyak peruntukan bagi mempertingkatkan mutu rawatan kesihatan di negara kita tetapi pada hari ini masalah kekurangan doktor-doktor dan pakar-pakar di negara kita masih wujud dan harus di atasi dengan segera. Dahulu bila saya baca laporan, nisbah doktor kepada penduduk adalah seorang doktor berbanding dengan lebih kurang dua ribu lebih. Mungkin sekarang seorang doktor kepada 2,000 penduduk dan pada saya ini masih tidak mencukupi.

Jadi, pada hemat saya beberapa perkara boleh dipertimbangkan oleh kerajaan untuk memperbaiki keadaan kekurangan doktor ini.

- (i) membesarkan lagi Fakulti Perubatan di universiti-universiti tempatan untuk melatih lebih banyak lagi doktor-doktor atau pegawai-pegawai perubatan;
- (ii) menimbang atau mengkaji semula gaji pakar-pakar, doktor-doktor serta jururawat-jururawat setaraf dengan taraf prasarana;
- (iii) memperakui ijazah-ijazah perubatan dari negara-negara lain termasuk negara Taiwan dan mungkin negara China supaya lebih ramai warganegara kita yang mempunyai kelulusan di negara tersebut dapat berkhidmat di negara kita; dan
- (iv) mungkin inilah pilihan yang akhir, iaitu menggaji doktor-doktor dari negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada masalah kekurangan doktor, saya ingin menarik perhatian Kementerian Kesihatan terhadap Hospital Daerah Kluang, iaitu di kawasan saya. Bandar Kluang kini membangun dengan begitu pesat sekali dengan adanya 300,000 orang penduduk di daerah ini. Harapan dan hasrat penduduk Kluang agar sebuah hospital baru dapat dibina di bandar Kluang memandangkan hospital yang ada sekarang dibina pada tahun 1931 di tapak berdekatan dengan kem tentera. Jadi, keadaan Hospital Kluang ini sentiasa dalam kesesakan dan kekurangan dari segi kemudahan. Jadi, dalam konteks ini kalau adanya hospital baru, keanggotaan yang cukup serta peralatan yang lebih moden ianya akan memberi dan menyediakan perkhidmatan perubatan yang bermutu tinggi, cekap dan berkesan kepada pesakit luar dan pesakit dalam yang memerlukan rawatan supaya dapat menyelamatkan nyawa dan menghilangkan kesulitan serta mencapai pemulihan awal dan maksimum.

Jadi, walaupun kerajaan telah berjanji - pada penggal yang lepas pun sama, telah pun berjanji hospital baru ini akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan lokasi ataupun tapak hospital ini akan diselesaikan dalam tahun ini. Saya difahamkan bahawa lokasi ataupun tapak hospital baru ini telah pun dikenalpasti dan peruntukan untuk mengadakan tapak ini pun sudah disediakan. Maka, saya ingin menarik perhatian Kementerian Kesihatan supaya kita dapat menyelesaikan urusan tapak ataupun lokasi hospital baru ini dalam tahun ini. Selepas ini mudah-mudahan pembinaannya dapat dijalankan untuk faedah orang-orang di Kluang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa isu akhir tentang Pejabat Imigresen dan Jabatan Pengangkutan Jalan di Kluang. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kerajaan yang memperuntukkan sejumlah RM13.2 juta untuk membina Bangunan Gunasama Persekutuan di Kluang. Projek ini dijangka siap dalam tahun ini. Apabila bangunan ini siap ia akan membolehkan 19 Jabatan Kerajaan Persekutuan ditempatkan di bawah bangunan ini. Setakat ini cuma terdapat 12 Jabatan Persekutuan di bandar Kluang. Ini bermakna masih ada 7 ruang kosong boleh diisi.

Jadi, penduduk Kluang telah lama memohon untuk mendapatkan Pejabat Imigresen dan Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan tetapi sampai hari ini - walaupun dahulu pernah mengadakan satu Pejabat Imigresen sementara, iaitu satu minggu buka dua hari, itu pun akhirnya dibatalkan. Jadi, kedua-dua jabatan ini memberi alasan bahawa tidak ada tempat atau ruang kosong kerajaan yang membolehkan mereka membuka pejabat.

Jadi, saya sangat berharap dengan adanya pembinaan Wisma Persekutuan di Kluang ini, dua jabatan ini dapat diadakan pejabat setelah ini disediakan untuk memberikan perkhidmatan kepada penduduk di Kluang ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja beberapa perkara yang ingin saya sampaikan dan saya berharap kerajaan akan memberi perhatian yang serius mengenai perkara-perkara yang saya sebutkan tadi demi kebaikan rakyat dan negara.

Sekian sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat bagi Tambun sekarang ini dibuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Pendang.

4.10 ptg.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Bismillahirrahmanirrahim. Pertama saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya untuk berucap dalam membahas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dititahkan pada pagi semalam.

Sebelum saya melanjutkan ucapan saya, saya suka membuat sedikit pembetulan dan teguran kerana pada pagi tadi saya tidak diberi kesempatan untuk membuat teguran kepada kenyataan yang dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang melibatkan seorang sahabat Nabi s.a.w. iaitu Saidina Muawiyah ibni Abu Suffian r.a. di mana menteri yang berkenaan telah menyatakan Muawiyah seorang sahabat yang tergolong dalam sepuluh orang sahabat yang diberi jaminan syurga oleh Rasulullah s.a.w ataupun dalam istilah yang disebut (*Membacakan sepotong ayat*) iaitu sepuluh sahabat utama yang digembirakan di syurga. Walaupun Muawiyah seorang sahabat yang hampir dengan Rasulullah s.a.w dan menjadi salah seorang penulis wahyu tetapi beliau tidaklah tergolong dalam sepuluh orang sahabat yang utama. Kekeliruan dan kesilapan itu agak bukanlah satu kesilapan yang boleh dipandang kecil oleh Islam kerana ia melibatkan kedudukan para-para sahabat dan saya percaya Menteri di Jabatan Perdana Menteri seorang sahabat saya yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas tetapi barangkali oleh kerana beliau agak sibuk dengan urusan-urusan kerajaan, beliau mungkin terlupa untuk mengingati nota-nota lama yang diambil di waktu mengikuti kuliah-kuliah dahulu.

Yang kedua mengenai dengan kenyataannya yang menyatakan bahawa keterangan-keterangan dalam al-Quran dan as-Sunnah dibuat secara umum dan para ulamak yang menghurai atau mentafsirkannya. Ini juga satu kenyataan yang boleh mengelirukan kerana dalam al-Quran dan Sunnah Nabi terdapat ayat-ayat yang menyatakan sesuatu ketetapan, satu hukum secara terperinci dan tetap ataupun secara putus atau '*khati*' dalam istilah Islam di mana ayat-ayat yang seperti itu yang disebut secara terperinci secara '*khati*' atau secara putus tidaklah menjadi bidang untuk diijtihadkan. Tetapi ianya adalah satu ketetapan yang perlu dilaksanakan dan terdapat ayat-ayat dan hadis-hadis yang memberikan petunjuk-petunjuk secara umum. Ini terbuka untuk diisytihar. Jadi, sebagai seorang Islam kita perlu mengetahui kerana perkara-perkara ini adalah perkara-perkara yang basic dalam kita memahami Islam.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong telah mencakup berbagai-bagai bidang mengandungi berbagai-bagai kenyataan, harapan, pujian, sanjungan, sindiran dan ia menggambarkan tentang komitmen, tentang sikap kerajaan dan program kerajaan. Sesuatu yang baik kita menyambut baik dan ada perkara-perkara yang kita perlu memberi pandangan yang berbeza dengan pandangan yang diberi oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan ini di mana dalam ucapan menyebut tentang pentadbiran yang canggih, kerajaan elektronik dan tadi pun kita mendengar ucapan yang panjang daripada wakil Tambun yang berucap bertambun-tambun. [*Ketawa*] Juga menyebutkan banyak bercakap tentang IT, tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan globalisasi tetapi hari ini saya terkejut apabila menerima laporan Jabatan Agama Wilayah Persekutuan tidak mencerminkan tentang kecanggihan pentadbiran kerajaan. Laporan yang dibentangkan di meja Dewan ini laporan yang berkaitan dengan perkembangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan sejak tahun 1986 sehingga 1996 iaitu laporan untuk 11 tahun yang lalu bermakna sudah dua penggal Parlimen tidak dapat mengikuti perkembangan yang

berlaku di dalam jabatan atau Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan daripada tahun 1986 hingga 1996 bererti untuk laporan tahun 1997 hingga 1999 kalau amalan ini terus dijalankan bererti kita mesti menunggu 11 tahun lagi untuk mendapat lagi sekali laporan. Ini sudah tentu akan menjadikan ataupun memakan masa lagi dua penggal Parlimen. Jadi bagaimana perkara ini berlaku apakah Majlis Agama Islam kekurangan tenaga, kekurangan pegawai, kekurangan peruntukan dan sebagainya yang menyebabkan laporan Majlis ini tertunggak begitu lama. Ini perlu diberi perhatian dan pada masa ini dalam ketika kerajaan bercakap tentang pentadbiran elektronik dan menyebut berbagai-bagai kepakaran.

Ucapan Yang di-Pertuan Agong menyebut tentang soal pembangunan. Memanglah kita menyambut baik tentang soal pembangunan tetapi kita perlu perjelaskan tentang apa bentuk dan corak pembangunan. Kita tidak menolak pembaharuan dalam pembangunan. Kita tidak menolak perkembangan sains dan teknologi kerana ini adalah amalan Islam yang dituntut oleh Islam. Dalam Islam menganggap bahawa tidak baik bagi seseorang itu jika dia mempunyai kedudukan yang sama untuk dua hari, hari ini dan hari esoknya sama kedudukannya. Dia mesti berusaha supaya hari esoknya lebih baik dari hari ini dan hari ini lebih baik dari semalam. Ini menunjukkan bahawa Islam sentiasa mendidik, mengasuh supaya kita sentiasa menuju kepada satu perubahan yang lebih baik kepada satu reformasi yang membawa kepada keadaan yang lebih baik bagi diri individu, masyarakat dan negara.

Saya ingin menarik perhatian kepada pembangunan yang dirancang jika tidak memenuhi ciri-ciri pembangunan yang dapat menjamin pengekalkannya, ia akan menjadi sebagai suatu pembangunan yang rapuh, yang akan menimbulkan penyesalan kemudian. Sebab itulah di dalam al-Quran, Allah S.W.T. telah membuat satu perbandingan yang begitu jelas tentang keadaan kehidupan yang dibangunkan tanpa berasaskan kepada prinsip-prinsip dan asas-asas yang kukuh kerana pembangunan seperti itu akan membawa kepada penyesalan.

Kerana itulah Allah S.W.T. mengingatkan kita supaya jangan menjadi sebagai seorang wanita tua yang disebut di dalam al-Quran, yang merungkai ikatan tenunannya pada waktu malam, sesudah diikat dengan kuat tenunan itu pada waktu siang. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] "Dan janganlah kamu jadi seperti seorang perempuan yang merungkai ikatan tenunannya sesudah diikatnya dengan kuat." Ini mengingatkan kita, jika sesuatu pembangunan itu tidak diimbangkan dengan pembangunan insan, jika pembangunan itu hanya berpusat kepada pembangunan material, kebendaan semata-mata dengan mengkesampingkan pembangunan kemanusiaan, maka pembangunan itu akan pincang dan akan membawa keruntuhan akhirnya.

Kita pernah mendengar ucapan bekas Timbalan Perdana Menteri yang dipecat menyatakan bahawa apa guna pembangunan-pembangunan yang mencakar langit, kalau manusia yang di dalamnya itu corrupt dan porak-peranda akhlak dan perangainya. Jadi, mesti ada keseimbangan pembangunan insan dengan pembangunan duniawi supaya pembangunan itu akan dapat bertahan lama dan akan dapat diwarisi oleh zuriat, oleh generasi yang akan datang.

Sebab itulah, para ulama Islam telah meletakkan asas-asas yang kukuh sebagai prasyarat kepada pembangunan dunia, kerana yang dibicarakan dalam ucapan dasar, dalam Titah Ucapan mengenai dengan pembangunan dunia. Al Mawardi, seorang pemikir dan ulama Islam mujtahid Islam yang terulung telah menggariskan enam asas yang penting sebagai adab dalam pembangunan dunia.

Yang pertama disebut dalam bahasa Arabnya (*Dinu-nuttaba*'), iaitu agama yang dipatuhi, agama yang ditaati. Pembangunan yang berpisah daripada nilai-nilai agama dan petunjuk-petunjuk agama, pembangunan itu sudah pasti akan menemui kegagalan kepada kehidupan kemanusiaan dan inilah yang menjadi keluhan masyarakat Barat meski pun mereka dikatakan berjaya terbang seperti burung di udara, berenang seperti ikan di air, tetapi tidak berdaya untuk berjalan seperti manusia di atas muka bumi. Dan ini jugalah sekarang ini barangkali disedari oleh PBB di mana ada

usaha untuk menganjurkan pertemuan antara agama-agama bagi membincangkan peranan agama dalam pembangunan antarabangsa.

Prinsip yang kedua, ialah kerajaan yang kuat, ataupun yang disebut dalam bahasa Arab (*Sultanun qahhir*), kerajaan yang kuat. Saya mengambil kesempatan ini dalam suasana dan semangat demokrasi untuk mengucapkan sekali lagi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan UMNO, Barisan Nasional kerana berjaya membentuk sebuah kerajaan yang mempunyai majoriti lebih dari 2/3, menjadikan apa yang didakwa oleh wakil-wakil kerajaan yang berucap sebagai sebuah kerajaan yang kuat. Tetapi saya berharap sebagai sebuah kerajaan yang kuat, bukan untuk menindas orang yang lemah. Kekuatan yang diberi bukan untuk menggunakan kekuatan itu bagi kepentingan sendiri, kerajaan yang kuat mesti digunakan untuk memberi kebaikan kepada seluruh rakyat jelata. Prinsip yang ketiga ialah, keadilan yang menyeluruh, ataupun disebut dalam bahasa Arabnya (*Adlun syamil*), keadilan yang menyeluruh, tanpa mengira apa juga warna kulit, apa juga keturunan, apa juga anutan kefaithan. Setiap rakyat mesti merasakan mereka berhak mendapat keadilan. Bukan keadilan yang bertompok-tompok yang hanya diperolehi oleh sekumpulan rakyat tetapi dinafikan pula terhadap kumpulan rakyat yang lain.

Yang keempat ialah (*Amnun'am*) iaitu keselamatan yang luas yang menyeluruh, jaminan rakyat mendapat kesejahteraan dan keselamatan yang bukan sahaja keselamatan di atas harta bendanya tetapi keselamatan perasaannya, semangatnya, cita-citanya dan juga generasi yang akan diwarisinya supaya mereka akan mendapat ketenangan, dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab tanpa rasa bimbang dan takut, bukan sahaja terhadap dirinya tetapi terhadap warisan yang akan ditinggalkannya.

Yang kelima, kerajaan yang mempunyai wawasan yang jauh dan terbuka mengenai sikap yang terbuka, yang bersedia untuk mendengar pandangan-pandangan yang berbeza dengan pandangan-pandangan yang dianuti oleh mereka yang mendukung kerajaan itu sendiri.

Yang keenam tanah yang subur, yang dapat dimanfaatkan untuk pembangunan dan kehidupan manusia atau rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan dasar menyentuh soal asas kepada pembangunan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang bangun minta penjelasan.

Datuk Haji Fadzil bin Md. Noor: Bagaimana?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terpulang kepada Yang Berhormat hendak beri ataupun tidak. Yang Berhormat bagi Sri Gading minta penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Pendang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, satu huraian yang saya rasa begitu baik yang telah disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pendang selaku Ketua Pembangkang di Dewan yang mulia ini. Keenam-enam yang diuraikan itu telah pun menjadi dasar dan pelaksanaan kerajaan sejak lebih 42 tahun yang lalu, Kerajaan Perikatan dan kini Kerajaan Barisan Nasional dan mudah-mudahan dasar itu akan terus kita laksanakan dalam negara ini.

Saya ingin bertanya apakah dasar itu, soal keadilan, soal keselamatan, soal rakyat diberikan pembelaan telah dapat dibuktikan oleh sebuah kerajaan yang tidak sampai dua bulan memberhentikan kakitangannya, memindahkan orang yang tidak menyokong, apakah itu menepati sebagaimana yang telah diutarakan oleh Yang

Berhormat bagi Pendang. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan kerana kita begitu jelas dan ketara rintihan rakyat Terengganu yang satu ketika dahulu begitu tenteram, aman dan tidak ada satu rasa ketakutan tetapi hari ini kerajaan yang melaung-laungkan konon merekalah sebuah kerajaan yang bersih, yang berteraskan ajaran Islam tetapi tindakannya agak bertentangan dengan semangat dan kehendak keIslaman yang sama-sama kita fahami kerana soal Islam bukan soal PAS dan UMNO. Soal Islam soal yang sama-sama orang-orang Islam.....

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Minta penjelasan dia pula bersyarah, kalau hendak bersyarah tunggu esoklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini saya hendak mohon penjelasanlah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, saya minta penjelasan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ya Tuan Yang di-Pertua, saya akan beri penjelasan. Minta dia duduklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua, ada satu peristiwa di zaman Omar Ibnu Khatab r.a. Ada sekumpulan kanak-kanak sedang bermain-main, tiba-tiba kemudiannya mereka melihat Amirul Mukminin Omar sebagai ketua negara pada waktu itu datang lalu kanak-kanak itu bertempiran lari kecuali seorang kanak-kanak yang bernama Abdullah Ibnu Zubair r.a. Lalu Omar bertanya kepada dia, "Wahai Abdullah, kenapa engkau tidak lari bersama-sama dengan rakan-rakan mu ketika mereka melihat aku datang? Kata Abdullah, "Wahai Amirul Mukminin, saya tidak ada apa-apa kesalahan dengan tuan, untuk apa saya hendak lari? Saya tidak sedikit pun menaruh keraguan terhadap tuan dan adanya saya di sini tidak menyempitkan jalan yang tuan akan lalu dan tidak adanya saya di sini tidak meluaskan jalan yang akan tuan lalu."

Mereka yang bimbang ialah mereka yang membuat kesalahan. *[Tepuk]* Rakyat yang tidak ada apa-apa kesalahan hidup dengan aman, damai, tenteram termasuk orang-orang yang bukan Islam di Terengganu. Yang bimbang, yang takut, yang resah ialah orang-orang yang banyak membuat kesalahan *[Tepuk]* selama berpuluh-puluh tahun mereka berkuasa. Itu yang resah. Sekumpulan orang yang dikatakan dipecat, itu bukan dipecat. Itu kerana kontrak perjawatan mereka telah tamat. Ini yang tidak difaham oleh wakil-wakil rakyat UMNO. Kakitangan Unit Pembangunan Ummah (UPU) ditubuhkan oleh Kerajaan Barisan Nasional Terengganu semata-mata untuk memberi elaun kepada orang-orang politik UMNO yang kecewa, yang tidak mempunyai kelayakan untuk mendapat jawatan-jawatan dalam kerajaan dan dibayar elaun dari wang rakyat untuk semata-mata bekerja bagi tujuan kepentingan UMNO – dinamakan Unit Pembangunan, pembangunan untuk UMNO, bukan untuk rakyat, bukan untuk negeri. *[Tepuk]* Sebab itulah di antara bekas-bekas wakil rakyat, bekas-bekas calon UMNO Barisan Nasional yang tewas diletak di situ kerana hendak melantik sebagai menteri tidak dapat, jadi diletakkanlah di situ. Kalau di Persekutuan ini ada wakil rakyat UMNO, calon UMNO yang tewas boleh juga dilantik sebagai senator untuk menjadi menteri.

Jadi, kontrak mereka telah dibuat berakhir pada 31 Disember 1999. Barangkali Barisan Nasional menjangka mereka akan terus berkuasa selepas pilihan raya bulan November dan kita tahu keputusan Pilihanraya Kesepuluh diumumkan pada 29 November. Kalau Kerajaan PAS Terengganu, Kerajaan Alternatif di Terengganu hendak membalas dendam, dia boleh menamatkan khidmat mereka pada 1 Disember tetapi menghormati perjanjian, Kerajaan Terengganu menghormati perjanjian itu dan menunggu sehingga tamatnya perjanjian atau kontrak yang dibuat. Itu bukan

penamatan, itu tidak menyambung kontrak. Itu amalan biasa, sebab itulah kita amat kesal kerana media tidak memberi liputan yang sebenar, tidak memberi kenyataan yang sebenar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ketua Pembangkang, ini Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun. Hendak beri jalankah?

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Dia telah minta penjelasan daripada saya dan saya telah beri penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi Yang Berhormat bagi Sri Gading....kata Ketua Pembangkang sudah cukup.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Jadi, cukuplah, duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:....kata Ketua Pembangkang sudah cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, saya hendak penjelasan yang lebih mendalam.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Cukuplah saya beri itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak beri jalan, jadi sila Yang Berhormat duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Fasal saya pun hendak membuat cerita semasa....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ini Ketua Pembangkang...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:....khalifah Abdul Aziz bin Omar. Kalau sana Saidina Omar Ibn Khatab....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, floor bukan pada dia! Jadi, minta dia buat soalan sudahlah.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Saya sudah beri peluang kepada dia sekali...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia sudah duduk, sila Yang Berhormat.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Soalannya saya sudah beri penjelasan. Cukuplah. Hendak tahu lagi baca *Harakah*lah. [Ketawa] Kalau tidak hendak baca sendiri tanya KDN dia boleh beritahu apa kandungan *Harakah*.

Tuan Yang di-Pertua, wakil itu tadi menyebut juga bahawa keenam-enam prinsip yang saya sebutkan tadi dilaksanakan oleh kerajaan selama 40 tahun. Kalau kerajaan melaksanakan keenam-enam prinsip yang saya sebutkan tadi tidak berlaku porak-peranda, tidak berlaku perpecahan, tidak berlaku apa yang berlaku kebelakangan ini. Tetapi kalau prinsip-prinsip itu tidak dihormati, tidak dipatuhi, itulah yang menimbulkan pelbagai kenyataan, pelbagai tohmahan, fitnah yang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun lagi. Hendak berikan laluan atau tidak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Minta laluan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Kerajaan menyebut tentang fitnah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak mahu, tidak beri. [Ketawa]

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Kerajaan menyebut tentang fitnah tetapi soalnya apakah fitnah? Apakah bila kita bercakap sesuatu yang benar itu fitnah? Dalam negara kita Malaysia tidak ada fitnah yang paling besar yang berlaku dalam negara

kita, lebih besar daripada fitnah yang dibuat terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim. *[Tepuk]* Itulah fitnah yang paling besar yang dibuat dalam negara kita. Bukan sahaja membunuh usaha untuk membunuh karier politik dan perjuangannya tetapi juga mencemarkan nama baik keluarganya, anak-anaknya, meninggalkan kesan psikologi yang begitu mendalam kepada anak-anak yang masih kecil. Bukan sahaja fitnah yang ditimpakan ke atas dirinya tetapi juga melibatkan anak-anak keturunannya. Satu fitnah yang tidak ada fitnah yang lebih besar dalam abad ini yang berlaku dalam negara kita seperti fitnah yang dibuat terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim. Apakah kerajaan menyedari fitnah ini? Apakah kerajaan tidak mengakui bahawa itu adalah satu fitnah.....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*....

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Hari ini mungkin mereka boleh menyembunyikannya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: 36(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, ini peraturan, sila.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Seseorang ahli Dewan apabila membahaskan rang undang-undang yang meminda akta induk, hanya perkara yang berkaitan dengan rang undang-undang itu sahaja yang dibenarkan bercakap dan tidak perkara yang melibat. *[Disampuk] point of order, stick to that part.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Shah Alam.....

Tuan Ronald Kiandee: *Point of order.*

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Itu rang undang-undang.

Tuan Ronald Kiandee: Tuan Yang di-Pertua, perkara 36(2). Perkara yang masih dalam pertimbangan mahkamah tidak boleh dibahaskan dalam Dewan ini.

Beberapa Ahli: Itu betul, itu betul.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Saya tidak menyentuh kes mahkamah, saya menyentuh soal fitnah. Maka kita bercakap yang benar. Bila *Harakah* melaporkan sesuatu yang benar itu dikatakan fitnah? Ramai kita menerima surat-surat daripada pembaca, surat-surat daripada orang awam yang menyatakan bahawa mereka menyokong....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin minta jalan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta jalan sedikit. Saya pada peringkat awal itu mendengar juga ucapan Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang, sejuk hati bila menyebutkan ayat Al-Quran, sunah-sunah nabi, alhamdulillah, tetapi terus balik kepada cerita lama tentang fitnah. Saya ingat elok Yang Berhormat sebagai Ketua Pembangkang terus kepada apa yang dicakapkan lebih awal tadi. Saya pun seronok mendengarnya tetapi apabila bawa cerita fitnah ini, adakah Yang Berhormat tahu bahawa ia tidak fitnah? Macam mana Yang Berhormat tahu itu fitnah, adakah Yang Berhormat mengikut dia 24 jam perjalanan hidup dia? Saya ingat itulah Yang Berhormat, lagipun perkara ini dalam tindakan mahkamah tetapi kalau Yang Berhormat boleh gerenti, tiap-tiap saat 24 jam hidup dia Yang Berhormat bersama dengan dia, saya ingat saya bolehlah bersetuju bahawa itu fitnah, tetapi Yang Berhormat tidak bersama dia 24 jam, mana kita tahu. Sebagai pemimpin PAS Yang Berhormat kata itu fitnah, adakah Yang Berhormat hendak stick, dengan izin, maruah Yang Berhormat kepada kenyataan ini. Itu saya kata, saya kalau boleh Yang Berhormat, ini isu dalam mahkamah, baiklah kita teruskan apa Yang Berhormat bercakap lebih awal, itu saya seronok mendengarnya, saya mungkin tidak bersetuju tetapi saya sangguplah mendengarnya. *[Ketawa]* Itulah pandangan saya Yang Berhormat, minta penjelasan sedikit.

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:minta penjelasan sdikit.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih, saya bercakap mengenai dengan ucapan dasar yang menyebut tentang fitnah. Saya memberi satu contoh kepada fitnah. Hari ini ataupun semalam, kita mendengar soal fitnah, soal perpaduan. Memang kita tahu dan kita akui perpaduan satu aspek yang sangat penting dalam pembangunan negara, dalam menjamin keselamatan dan memelihara keselamatan, yang ini kita dukung bersama. Tetapi kita harus akui bahawa dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi kita tidak boleh mengharap semua rakyat hanya bersama dengan satu parti. Kita harus menerima kepelbagaian parti politik, kepelbagaian cita-cita, pandangan, pendapat dan bila kita mempunyai kepelbagaian pendapat, pandangan, cita-cita, ini bukan merupakan unsur-unsur yang boleh membawa kepada perpecahan tetapi unsur-unsur yang memperkayakan budaya fikir, yang memperkayakan maklumat. Tadi pun waktu Yang Berhormat bagi Tambun menyebutkan bahawa dia mengharap masyarakat Malaysia

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ketua Pembangkang, ada yang meminta penjelasan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tidak payah. Oh!!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oh payah. *[Ketawa]*
[Disampuk]

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Sini payah, sana tidak payahlah.
[Disampuk]

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin mendapatkan satu penjelasan yang ringkas daripada Ketua Pembangkang tentang apa yang dikatakan tentang fitnah dan juga persoalan perpaduan di negara kita. Keputusan pilihan raya yang lepas adalah begitu jelas dari segi suara, pandangan sikap dan kehendak orang-orang Melayu yang menolak UMNO secara total *[Disampuk]* di seluruh Semenanjung Malaysia yang begitu jelas kemenangan mereka walaupun 2/3 bergantung kepada undi bukan Melayu, itu pun dalam keadaan sabotaj dan tekanan yang dikenakan kepada pengundi-pengundi bukan Melayu.

Satu lagi yang saya ingin penjelasan ialah mengenai fitnah ini. Tadi disebut terlalu banyak mengenai pandangan atau pun fatwa Yusuf Qardhawi. Apakah kita tidak menyedari akan fatwa yang terakhir Syekh Yusuf Qardhawi mengenai isu Dato' Seri Anwar Ibrahim sendiri. Saya inginkan penjelasan mengenai itu. Sekian.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih sebab itu saya – termasuk juga dalam ucapan saya ini hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat bagi I Tambun supaya membaca seluruh buku-buku dan tulisan Dr. Yusuf Qardhawi. Jangan hanya membaca bahagian-bahagian yang kena dengan selernya sahaja. Dr. Yusuf Qardhawi terkenal sebagai seorang ulama yang tidak pernah bertolak ansur di dalam urusan, dalam soal pelaksanaan syariat kerana keyakinannya bahawa syariat Allah itu sahajalah yang boleh membawa keadilan dan kesejahteraan yang sebenarnya kepada kehidupan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada isu yang timbul kebelakangan ini dan terdapat sentuhannya dalam ucapan dasar mengenai dengan fitnah, mengenai pembohongan, mengenai dengan tohmahan dan sebagainya lagi. Ini timbul sesudah UMNO menerima kekalahan secara *nisbi* dalam pilihan raya yang lalu. Kalau UMNO sebelum ini tidak pernah merasai pahitnya kekalahan itu dan sekali ia kalah walaupun tidak secara mutlak, ia sudah tidak dapat lagi tahan perasaan dan emosinya. Ia tidak mahu menyedari akan kesilapan-kesilapannya, ia tidak mahu mengakui kesilapan-kesilapannya tetapi cuba hendak meletakkan kesalahan itu kepada orang lain dan dalam konteks pertarungan antara UMNO dan PAS, maka ia cuba mengalahkan PAS apabila ia menerima kekalahan bukan sahaja tidak dapat merampas semula negeri Kelantan tetapi ia telah kehilangan negeri Terengganu. Ia tidak pernah mahu menyedari akan kesilapan-kesilapannya, kelemahan-kelemahannya dan kesalahan-

kesalahannya. Saya cukup hairan, apakah sebuah akhbar *Harakah* yang keluarannya dua kali seminggu berbanding dengan berbelas-belas surat khabar

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mohon penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak beri jalan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:..... surat-surat khabar yang dikuasai oleh UMNO dan Barisan Nasional dari berbagai-bagai bahasa, Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil.....

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mohon penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak berikan laluan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:..... yang dikuasai oleh UMNO, yang keluarannya setiap hari. Selain daripada penguasaannya ke atas media elektronik, yang siarannya berlangsung selama 16 jam sehari, berhadapan dengan sebuah akhbar yang keluarannya dua kali seminggu, keluarannya terhad untuk dibaca oleh ahli-ahli PAS sahaja. [Disampuk] Ia tidak dapat menghadapi kebenaran yang dilaporkan dalam akhbar *Harakah*. Ia cuba mencari jalan bagaimana hendak menafikan hak rakyat untuk membaca *Harakah* dan cuba mencari jalan bagaimana hendak mengharamkan *Harakah*. Di mana demokrasi, di mana kebebasan, di mana komitmen yang disebutkan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam ucapan Baginda

Tuan Moktar bin Radin: Mohon penjelasan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:..... yang menyatakan bahawa "*Kerajaan Beta juga terus komited ke arah menentukan bahawa hak asasi setiap individu dan kumpulan masyarakat diberi perlindungan.*". Di mana? Di mana perbuatan dengan cakap. Cakap untuk disiarkan dalam akhbar, untuk disiarkan dalam televisyen tetapi perbuatan dan amalan tidak ada demokrasi, tidak mencerminkan sikap yang terbuka, sikap seorang intelektual, tidak ada rasional.

Tuan Moktar bin Radin: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada *point of order.*

Tuan Moktar bin Radin: Ketua Pembangkang, 36(7), tidak boleh menggunakan nama Yang di-Pertuan Agong sebagai rujukan. [Tepuk]

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ucapan Yang di-Pertuan Agong, macam mana tidak ada ucapan Yang di-Pertuan Agong [Ketawa]

Tuan Mohamad bin Sabu: Minta Yang Berhormat bagi Rompin tolong ajar sikitlah [Ketawa] Ini ucapan Agong yang kita bahas ini....Kesian saya [Ketawa]

Tuan Moktar bin Radin: Itu menghina namanya. [Disampuk] Kita boleh membahas tetapi menghina tidak boleh. [Disampuk] [Ketawa]

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Saya ingin menarik perhatian Menteri Dalam Negeri yang menguasai KDN. Keterlaluan sikap pegawai-pegawai KDN dalam tindakan merampas surat khabar *Harakah*, sampai ke kampung-kampung, sampai ke pengedar-pengedar di kampung sedangkan mereka yang mengedar itu ahli-ahli PAS. Berlaku apabila KDN mengarahkan supaya *Harakah* diedarkan di markas-markas PAS. Di bangunan PAS Kedah, di stor bawah bangunan PAS Kedah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:..... mereka pergi merampas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Yang Berhormat bagi Rompin bangun.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Hendak tanya lagi? *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Inilah cara Ketua Pembangkang, yang baik itu kita puji. Tetapi yang salah terpaksa ditegurilah.

Saya tadi tertarik dengan Yang Berhormat menyatakan *Harakah* 'hanya diedarkan kepada ahli-ahli sahaja. Tetapi kalau umum mengetahui, kalau pada hari Jumaat, kita sembahyang Jumaat tiba-tiba hidup pula satu tempat yang menjual *Harakah*. Adakah bermakna semua orang yang sembahyang Jumaat itu semuanya ahli PAS? Itulah saya hendak minta penjelasan? Kalau benar *Harakah* itu diberi hanya untuk ahli PAS, saya yakin kerajaan tidak ada masalah. Tetapi ini dijual di merata-rata – bermakna PAS sudah melanggar undang-undang, *Harakah* melanggar undang-undang sendiri.

Saya yakin kalau di negeri Terengganu, negeri Kelantan – tahniahlah Yang Berhormat bagi Marang sebagai Menteri Besar Terengganu ada bersama. Kalau yang betul itu kita tahniahlah, tidak ada masalah. Tetapi tidak tahulah selepas itu ketua kampung ada dibuang, ditukar belaka di Terengganu. Sebelum Yang Berhormat angkat sumpah pun, orang Ahli Yang Berhormat sudah ambil alih bangunan Kerajaan Terengganu. Tidak tahulah Yang Berhormat bagi Dungun, saya ingat bukan dia, anak buah dia yang buat ini.

Saya berbalik tadi, adakah *Harakah* tidak melanggar undang-undang. Kalau benar *Harakah* hanya

Tuan Mohamad bin Sabu: Minta penjelasan, jawab sekali dengan hak saya? *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tadi, Yang Berhormat suruh saya memaklumkan tentang peraturan Parlimen, takkan saya hendak beritahu Yang Berhormat pula. *[Ketawa]* Ini saya dapat *floor*. *[Ketawa]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Sudahlah, panjang dah. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak tanya dan dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang. PAS, *Harakah* mengedar kepada semua, tidak kepada ahli sahaja. Itu isunya. Lepas itu perkara-perkara yang dikeluarkan banyak juga pembohongan, yang tidak betul, dalam ucapan saya akan buat contoh. Artikel sekian-sekian, diputarbelitkan kenyataan. Ini kalau cara Islam tidak sewajarnya kita buat begitu. Betul, itu saya hendak minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Minta penjelasan, jawab sekali. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri bertindak kepada *Harakah*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kena jawab soalan daripada.....

Tuan Mohamad bin Sabu: Hendak minta penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ketua Pembangkang menjawab soalan, bukan ada anak buahnya menjawab.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya hendak soal Ketua Pembangkang ini.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta Ketua Pembangkang, yang benarkan saya minta penjelasan, saya mintalah Yang Berhormat Ketua Pembangkang menjawab.

Tuan Mohamad bin Sabu: Nantilah dahulu, Ketua Pembangkang

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini hendak naik pangkatkah ini? *[Ketawa]* Cepat-cepat hendak meyakinkan Ketua Pembangkang.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ketua Pembangkang ini soalnya. Soalan saya iaitu pihak Kementerian Dalam Negeri dan Polis bertindak kepada *Harakah*, katanya jual kepada bukan ahli kerana melanggar undang-undang. Di kedai-kedai nombor ekor, tertulis '*Orang Islam Haram Berjudi*'. Adakah pihak Kementerian Dalam Negeri dan Polis bertindak kepada orang Islam yang beli nombor ekor? *[Tepuk]* Minta penjelasan' daripada Ketua Pembangkang? *[Ketawa]*

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin dan juga kepada Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. *Harakah* apabila dikeluarkan memanglah untuk ahli PAS sahaja.

Jadi, memang kita diarahkan untuk menulis di muka depannya itu untuk ahli PAS sahaja, kemudian tulisan itu agak kecil sedikit. *[Ketawa]* Diarahkan pula dibesarkan tulisan itu – dibesarkan tulisan itu. Kemudian, apabila pengedar-pengedar jual *Harakah* sama dengan surat khabar-surat khabar lain, ada orang-orang UMNO yang pergi kompelin, dia baca juga kalau tidak dia hendak tahu macam mana? Dia hendak kompelin macam mana? Dia tidak beli barangkali tetapi dia baca. Barangkali diarahkan pula supaya surat khabar *Harakah* ini dijual berasingan dengan surat khabar lain, jangan dicampur. Ini surat khabar yang baik, tidak boleh dicampur dengan yang tidak baik. *[Ketawa]*

Jadi, kita buatkan rak itu dan 'supply'kan rak itu di tiap-tiap kedai yang menjual akhbar. Asingkan akhbar *Harakah*. Orang pergi dan nampak *Harakah* juga. *Merdeka* tidak berani keluar langsung – UMNO punya.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Untuk ahli.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Jadi, bila kita sudah asingkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen minta jalan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Jawab tidak habis lagi. Nanti sekejaplah. Ini dari mana? Sabak Bernamkah? Bukan. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setiausaha Parlimen.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ha, Tanjong Karang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tanjong Karang.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Dia orang kerajaan itu duduklah dulu. *[Ketawa]*

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Hendak minta penjelasan boleh?

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Saya hendak terangkan dahulu pertanyaan Yang Berhormat bagi Rompin.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Nanti, sekejap lagi beri ya.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Insya-Allah. *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Tanjong Karang ini sebenarnya dia teringin hendak jadi Backbenchers sahaja. Dia bukan mahu duduk dalam kerajaan. *[Ketawa]* Tersilap Perdana Menteri pergi lantik dia macam mana tidak tahu. *[Ketawa]* Barangkali dia cukup kriteria.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kita letak asing – letak asing pun orang tahu dan nampak juga *Harakah*. Bila diasingkan lagi senang orang nampak. Kemudian, diarahkah pula dijual di markas. Ini tidak rasional – tidak rasionallah hendak jual akhbar *Harakah* di markas sahaja, sebab kalau kita tahu perjalanan – lagipun tidak boleh dianggap kalau diletakkan di masjid pada hari Jumaat untuk dijual kepada orang ramai kerana ahli PAS memang ramai – 700,000 hingga 800,000. Kita keluarkan hanya dalam 200,000 lebih sahaja. Terutama di bandar-bandar besar Kuala Lumpur ini cukup ramai ahli PAS sekarang.

Jadi, kita keluarkan pula kad-kad ahli, takkanlah pula setiap orang yang hendak pergi beli *Harakah* dia kena tunjuk kad dia. Ini tidak rasional sama sekalilah. Kalau kepada pembeli-pembeli tiket judi, walaupun ada peraturan, ada undang-undang yang melarang tetapi tindakan tidak pernah diambil. Ini surat khabar yang halal, yang dalamnya itu ada tazkirah, ada maklumat-maklumat penting, *national*, *international* yang orang hendak tahu, rakyat hendak tahu kerana mereka anggap ini satu sumber yang dapat memberi maklumat yang benar tentang perkembangan-perkembangan terkini. Itu hendak disekat, hendak dihalang kerana semata-mata tidak mahu dengar suara yang benar.

Jadi, di mana kebebasan? Di mana yang dikatakan demokrasi, di mana komitmen yang dibuat untuk memberi perlindungan kepada hak-hak asasi individu dan juga kumpulan. Sudahlah kita minta

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Yang Berhormat bagi Tanjong Karang bangun.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Berilah.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang, saya hendak penjelasan sebab Yang Berhormat tadi kata cerita-cerita yang benar.

Mengenai *Harakah* ini memanglah dia punya pengarang yang tulis. Tetapi ini saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat. Laporan dalam Dewan Rakyat pun diputarbelit. Ini kalau tidak percaya, boleh tengok *Harakah* hari Jumaat bersamaan 26 Rejab 1420. Tajuknya kalau dibaca '*Tidak Menghormati Ayat-ayat Al-Quran*'. '*Wakil UMNO Biadap, Tidak Berakhlak*'. Tajuknya ini kalau bawa kepada orang kampung baca, cukup marah dengan wakil rakyat daripada Barisan Nasional sebab tidak menghormati ayat-ayat Al-Quran. Sedangkan laporan ini tidak betul sama sekali dan kita sudah *check Hansard*.

Jadi, yang di dalam Parlimen pun dia boleh berbohong ini. Tambah yang di luar Parlimen. Jadi, apa komen Yang Berhormat, hendak mempertahankan juga, *Harakah* ini betul semua? [Tepuk]

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tanjong Karang bukan ahli PAS, macam mana dia boleh baca *Harakah*? [Ketawa] Sepatutnya Kementerian Dalam Negeri bertindak ke atasnya, bukan bertindak ke atas *Harakah*. [Ketawa]

Jadi, itu saya fikir isu ketika Yang Berhormat bagi Marang bercakap mengenai dengan isu murtad dan apabila beliau membaca ayat Al-Quran, beliau di'boo'. Jadi, sikap yang ditunjukkan oleh wakil rakyat-wakil rakyat UMNO dalam Parlimen inilah yang dilaporkan dalam *Harakah*.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini Point of orderlah. Saya harap itu tidak benar.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tidak, saya ingat ini Yang Berhormat

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya masuk ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat bagi Rompin.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Point of order nombor berapa?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: 36(6), Yang Berhormat tolonglah tarik balik, itu tidak benar. Tidak benar apabila Yang Berhormat bagi Marang baca ayat Al-Quran, kita 'boo' – tidak. Ini fitnahlah, takkanlah kita semua yang ada lagi air sembahyang dan waktu Asar pun baru masuk. Ya, takkanlah orang Islam di sini Yang Berhormat tuduh kami 'boo' bila baca ayat Al-Quran. Saya rasa

Yang Berhormat tolong tariklah yang itu sebab kalau kita kata begitu, maknanya Yang Berhormat menuduh kita ini bukan Islam. Itu menghina, Yang Berhormat kita menghina Al-Quran.

Kita boleh berbeza pendapat mengenai politik Yang Berhormat tetapi orang puteh kata, *must rise above cake* kalau kita ini merasa diri kita sebagai pemimpin Islam. [Disampuk] Mengatakan yang Islam di sana meng 'boo' Islam di sana membaca Al-Quran. Saya takut Yang Berhormat apa yang akan terjadi kepada negara kita kalau kita main sentimen ini Yang Berhormat.

Saya anak muda Yang Berhormat pernah mengajar bersama Yang Berhormat di Universiti Teknologi Malaysia, tetapi tolonglah Yang Berhormat saya anggap Yang Berhormat seorang pemimpin yang berbeza tetapi saya juga menganggap orang yang lebih tua daripada saya. Saya tetap hormati walaupun saya berbeza pendapat. Tetapi tolong Yang Berhormat tolonglah tarik balik, saya minta tolong. [Tepuk].

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya jelaskan. Adakah boleh dirujuk kepada *Hansard* kepada perkara yang sebenarnya berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingin mencadangkan supaya Yang Berhormat Ketua Pembangkang menjelaskan pandangan Yang Berhormat bagi Rompin.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya *Harakah* yang membuat berita itu mempunyai wakil ketika perbahasan itu diadakan di Parlimen ini dan saya harap Yang Berhormat bagi Rompin dapat merujuk kepada *Hansard* mengikut tarikh yang dibuat di dalam surat khabar *Harakah* itu.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya hendak menyebutkan lagi bila KDN meminta supaya *Harakah* meminta dijual di Markas dipatuhi. Pihak pengurusan *Harakah* telah mengatakan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tanjung Karang bangun lagi.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Saya balik kepada isu tadi. Jadi

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Point of order saya 36(6) itu. Yang Berhormat Ketua pembangkang kata, bila seseorang membaca ayat Al Quran kita "boo....." itu adalah tidak benar. Yang Berhormat mungkin boleh menghujah apa jua, itu hak Yang Berhormat tetapi bila keluar di sini menuduh kami yang juga orang Islam, saya akan bawa hadis itu nanti iaitu ayat Al-Quran yang boleh kita menentukan disana nanti sama ada kita di akhirat masuk syurga atau neraka ialah Allah S.W.T sahaja yang boleh menentukannya.

Ini saya belajar, saya pun banyak mendengar masa di universiti dulu bila ustaz sendiri membaca khutbah. Saya masih ingat, tetapi tolonglah Yang Berhormat tolong tarik yang itu. Yang lain itu hak Yang Berhormat sebagai Ketua Pembangkang, tetapi yang ini tolonglah Yang Berhormat runsing sangat hati saya. Kalau Yang Berhormat masih terus tidak mahu menarik balik tentang perkara ini, saya minta tolong. Saya gunakan perkataan tolong Yang Berhormat. Bukan saya demand, saya minta tolong sebagai anak muda Islam.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ketua Pembangkang saya fikir *Harakah* kita sudah panjang membangkitkannya, mungkin kita boleh alihkan ke tajuk lain supaya Yang Berhormat dapat meneruskan ucapan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih walau macam mana pun isu *Harakah* belum selesai lagi kerana saya hendakkan jaminan kerajaan, kebebasan. Kita menghormati soal-soal yang menyentuh soal keselamatan, soal isu-isu sensitif. Kita hormati dan kita patuhi tetapi dengan hendak menafikan sama sekali kebebasan untuk

kita mempunyai hak mengeluarkan surat khabar, untuk kita memihak bagi membolehkan rakyat membaca fikiran-fikiran kita. Ini adalah satu penafian kepada hak asasi rakyat. Kita tidak mempunyai *channel* lain...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya mengenai point of order tadi, Yang Berhormat, tolonglah tarik balik ataupun Yang Berhormat kata tidak berniat untuk bercakap begitu, yang 36(6) tadi.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Saya berterima kasih, saya katakan tadi sila rujuk semula kepada *Hansard*, jika sekiranya tidak terdapat di dalam *Hansard* saya percaya kita boleh meminta *Harakah* membuat pembetulan walaupun sudah lama....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat terima kasih.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Kalau tidak ada tetapi kalau ada dalam *Hansard* saya tidak dapat berbuat apa-apa.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jeli bangun juga.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ya, saya fikir saya hendak terangkan supaya banyak tanggapan yang menganggap *Harakah* ini salah, melanggar perintah dan tidak mematuhi peraturan, tetapi peraturan itu biarlah peraturan yang rasional yang munasabah. Kalau peraturan itu sehingga sampai kita jual *Harakah* di bawah pejabat PAS di Alor Setar dia orang pergi rampas, sehingga penjual itu seorang India Muslim *convert* yang memeluk Islam dia menunjukkan kad sebagai ahli PAS pun dirampas juga.

Jadi apabila Setiausaha PAS negeri Kedah menghubungi dengan telefon pejabat KDN di Pulau Pinang, dia kata tidak apalah saya minta maaf. Minta maaflah tetapi sudah rampas. Bukan boleh minta maaf begitu sahaja, kena bagi balikkah, rampas hak orang. Jadi inilah kita kata keterlaluan tindakan tanpa budi bicara walau pun bukan semua pegawai di KDN ini bersikap demikian tetapi kerana sebahagiannya memang bukan sahaja sebagai pegawai kerajaan tetapi juga sebagai orang UMNO dia bertindak mungkin lebih daripada arahan.

Jadi saya berharap jaminan kerajaan, jaminan Yang di-Pertuan Agong bahawa kerajaan akan komited dan memastikan hak-hak individu rakyat dan kumpulan-kumpulan hak-hak asasi sebagai rakyat dan kumpulan dihormati dan dipertahankan akan benar-benar menjadi kenyataan termasuklah hak rakyat mengadakan tunjuk perasaan secara aman. Umpamanya peristiwa yang berlaku baru-baru ini ketika sekumpulan rakyat berhimpun untuk mendengar perbincangan beberapa orang pimpinan politik yang dihadapkan ke mahkamah di atas tuduhan menyertai perhimpunan yang tidak dibenarkan. Orang yang hadir untuk mendengar perbincangan itu pula yang ditangkap. Jadi ini saya fikir sudah keterlaluan. Barangkali kerajaan memikirkan sesudah pilihan raya dia boleh buat apa sahaja yang menyinggung perasaan rakyat kerana dia mempunyai masa yang panjang untuk menghadapi semula rakyat. Sebab itulah saya menyatakan bahawa sebagai sebuah negara demokrasi dan mempunyai komitmen untuk melindungi hak-hak asasi rakyat sama ada secara individu ataupun secara kelompok maka ianya bukan sahaja merupakan satu ucapan yang menyegarkan perasaan yang menyenangkan hati tetapi mestilah dibuktikan dengan tindakan-tindakan supaya rakyat dapat melihat secara telus hak-hak mereka yang utama dipelihara dan mereka tidak merasai apa-apa kebimbangan untuk bersama di dalam sebuah negara yang mereka cintai.

Berkaitan dengan soal pembangunan, pelaburan asing, yang meletakkan syarat bagi mereka datang melabur dalam negara kita ini berasaskan kepada kestabilan

politik, ketenteraman awam tetapi ada lagi kriteria-kriteria yang lain yang juga diambil kira oleh para pelabur ini yang jika kerajaan tidak peka dengan kriteria-kriteria ini, ia juga akan membantut usaha untuk menarik pelaburan asing termasuklah soal amalan rasuah.

Baru-baru ini kita telah dikejutkan dengan satu berita yang disiarkan oleh sebuah akhbar harian di Tokyo, *Asashi Shinbun* yang menyebutkan tentang tindakan yang diambil oleh Biro Anti Rasuah Tokyo terhadap sebuah syarikat Mitsu & Co. yang telah membuat laporan kewangan menyatakan tentang kerugiannya sebanyak 300 juta Yen dan apabila disiasat apa yang dikatakan kerugian itu adalah merupakan satu bayaran kickback, satu bayaran sebagai balasan kepada sebuah syarikat Telekom yang utama di Malaysia kerana membeli kotak suis (switch board) sejumlah kira-kira 800,000 kotak di antara tahun 1996 dan 1998. Bayaran itu dianggap sebagai bayaran komisyen yang dikenakan cukai.

Hari ini kita telah membaca kenyataan daripada pihak berkenaan dengan Telekom Malaysia penyiataan akan dibuat. Saya mengharapkan dan mendesak supaya BPR mengambil tindakan segera membuat penyiataan. Kalau ketika seorang bekas pegawai Bank Negara membuat kenyataan bersumpah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Menteri minta penjelasan.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, pihak kementerian memang sudah pun membuat tindakan untuk meminta BPR terlibat juga.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih. Kebimbangan kita itu satu yang didedahkan, kita mahu satu penyiataan segera dan hasil penyiataan itu mesti diumumkan kepada orang ramai supaya apa yang berlaku itu tidak akan berulang dan tidak akan berlaku lagi.

Kalau kita merujuk kepada satu interview yang dibuat oleh majalah *Tamadun* dalam bulan Julai tahun 1997 dengan seorang yang pada waktu ini menjadi Menteri Kabinet mengenai dengan isu rasuah iaitu Yang Berhormat daripada Jelevu. Dalam interviewnya mengenai rasuah ini beliau telah menyatakan bahawa rasuah di Malaysia dalam keadaan yang merbahaya, dalam keadaan yang membimbangkan. Saya ingin memetik kata-katanya, "*Pendapat saya rasuah di negara kita membimbangkan, semua peniaga faham bagaimana seseorang yang menolak kereta teh tarik terpaksa memberi rasuah kepada pegawai majlis tempatan*".

Itu satu daripada pernyataannya dan beliau mengesyorkan supaya reformasi besar-besaran harus dibuat, apa yang kita takut katanya, kalau kita tidak rasuah. Apa yang kita takut, lebih baik ia diserahkan kepada mahkamah, pendakwa khas dilantik dan keterangan boleh dikemukakan.

Saya menyokong saranan beliau yang dikemukakan dalam interview ini supaya Badan Pencegah Rasuah diletakkan di bawah Parlimen bukan di bawah Perdana Menteri. Panjang temuramahnya ini. Di antaranya lagi beliau menyatakan dari mula memohon tanah, rasuah diberi, menukar syarat tanah rasuah diberi, mendapatkan certificate of fitness rasuah diberi, sampai kepada siapakah yang harus menghuni rumah rasuah juga diberi.

Di antara lagi ulasan-ulasannya mengenai isu rasuah dan cadangan beliau supaya BPR agak lebih bebas, lebih berdaya untuk bertindak bagi pencegahan rasuah supaya BPR diletakkan di bawah Parlimen dan bertanggungjawab kepada Parlimen bukan kepada Perdana Menteri. Saya tidak tahulah pada ketika itu beliau belum menjadi Menteri tetapi sekarang beliau telah menjadi Menteri apakah beliau akan memperjuangkan apa yang telah beliau nyatakan dalam majalah *Tamadun* ini.

Saya berharap beliau akan terus konsisten dengan pendapatnya, pandangannya dan pendiriannya mengenai dengan rasuah dan Badan Pencegah Rasuah. Saya berharap

apabila beliau berada dalam Kabinet, beliau boleh memainkan peranan untuk melaksanakan apa yang menjadi cita-cita dan pendapat. Rekod kerajaan membanteras rasuah tidak pernah meyakinkan, selagi BPR di bawah telunjuk Perdana Menteri kuasa Menteri tidak dibataskan. Media terus dikongkong, kewibawaan Peguam Negara dipersoalkan, korupsi terus membara.

Jadi inilah sebab mengapa saya meminta supaya satu penyiasatan segera dibuat dan melibatkan BPR dan satu kenyataan umum dibuat hasil daripada penyiasatan terhadap apa yang telah dilaporkan oleh akhbar *Asahi Shinbun* itu.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai dengan perpecahan yang dianggap sebagai isu yang menghambat pembangunan dan Yang Di-Pertuan Agong telah mengharapkan umat Islam dapat menjadi contoh yang baik dalam membina perpaduan. Kita sebagai pembangkang dan pendokong Barisan Alternatif, kita memang memperjuangkan dan sentiasa komited dengan soal perpaduan ini. Sebab itulah kita telah berusaha menjalani perpaduan ini dan hubungan baik antara semua kaum dan Alhamdulillah PAS pada waktu ini telah dapat diterima oleh semua kaum di negara kita ini walaupun peratusnya barangkali masih kecil tetapi pada prinsipnya kita telah dapat menjalini hubungan antara kaum dan dapat membina hubungan itu dengan lebih baik berbanding dengan masa-masa yang sebelum ini kerana kita telah dapat mengatasi segala halangan-halangan dan sekatan-sekatan yang sengaja dibuat untuk mencetuskan kebimbangan kaum-kaum lain terhadap PAS.

Alhamdulillah, kalau kerajaan sangat prihatin soal perpaduan, kita juga mempunyai keprihatinan yang tidak kurangnya, komitmen yang tidak kurang daripada komitmen kerajaan sendiri.

Tetapi masalah perpecahan di kalangan orang-orang Islam, ini harus dilihat dengan cara yang lebih mendalam, harus dilihat dari segi prinsip ajaran Islam itu sendiri. Dengan ini saya percaya kerajaan mempunyai banyak sumber saluran yang ia boleh memperoleh maklumat tentang perpecahan ini. Dari segi *tabi'ah (nature)* yang diperlihatkan yang dipertunjukkan oleh Islam tentang faktor-faktor yang boleh membawa kepada perpecahan umat, harus dilihat dari sudut yang lebih prinsipal yang lebih asas kerana kalau kita lihat di dalam Al-Quran perpecahan bermula di antara manusia, berlaku di antara manusia apabila terdapat sikap segolongan manusia yang menolak kebenaran. Bila datang kebenaran kepada mereka, keterangan-keterangan tentang kebenaran kepada mereka dan mereka menolak kebenaran itu maka di situlah berlakunya perpecahan.

Dalam petunjuk yang disampaikan oleh Nabi kita Muhammad s.a.w. menyebutkan antara punca perpecahan umat yang membawa kepada kelemahan umat ialah apabila pemimpin-pemimpin tidak melaksanakan hukum-hukum yang Allah turunkan. Hadis yang berbunyi (*Membaca sepotong ayat Al-Quran*) yang bermaksud:

"Apabila pemimpin-pemimpin, imam-imam, tidak melaksanakan hukum-hukum yang Allah turunkan dan memilih-milih hukum-hukum itu maka Allah jadikan pertentangan berlaku di antara mereka sesama mereka."

Pertikaian di antara umat Islam dengan umat Islam, di dalam konteks negara kita di antara PAS dan UMNO tidak dapat dan tidak mungkin dapat kita selesaikan kecuali bila kita bersedia untuk duduk berbincang, bertukar fikiran dan mencari di mana punca berlakunya pertentangan itu. Bukan dengan cara mengugut, bukan dengan cara mengancam, bukan dengan cara menggunakan akta-akta lapuk untuk melemahkan kekuatan pembangkang yang ternyata semakin kuat yang telah diperlihatkannya dalam pilihan raya umum yang lalu.

Kita PAS sentiasa mempunyai fikiran dan hati yang terbuka untuk berbincang dengan sesiapa juga. Tidak ada sesiapa yang boleh menjangka bahawa PAS boleh berbincang dan bekerjasama dengan DAP tetapi atas semangat dan sikap yang terbuka yang kita tunjukkan bersama, kita boleh berbincang dan kita boleh menjalini hubungan baik dan dengan satu kefahaman kita menghormati prinsip-prinsip yang diperjuangkan

oleh masing-masing dengan kita memilih asas yang dapat diterima bersama untuk mengajak rakyat membuat satu perubahan.

Jadi kenapa pemimpin-pemimpin UMNO mengelak untuk mengadakan muzakarah (pertemuan) bagi mencari satu jalan penyelesaian kepada satu masalah yang dirasakan sangat berat oleh UMNO, apakah

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mohon penjelasan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:.....apakah alasan-alasan berat itu dirasai kerana perpecahan di kalangan umat Islam.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:.....ataupun kerana UMNO merasakan umat Islam sudah tidak lagi memberi sokongan.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mohon penjelasan, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah pada petang ini kita mendapat satu penjelasan yang begitu molek daripada Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang yang mewakili PAS yang mengharapkan muzakarah di antara sesama Islam yang melibatkan PAS dan UMNO dan kita juga ucap tahniah kerana telah dapat menjalin hubungan mesra antara PAS dan DAP yang satu ketika dulu PAS menjadikan isu besar apabila UMNO berkawan dengan MCA dan MIC tetapi nampaknya apa yang telah pun menjadi tajuk utama orang-orang PAS untuk menghentam UMNO yang dikatakan kafir kerana berkawan dengan MCA dan MIC, konsep itu telah diterima oleh PAS sendiri dengan berkawan dengan DAP dan PAS berkata dia sentiasa inginkan muzakarah dengan UMNO. Sebenarnya UMNO telah lama menawarkan diri untuk muzakarah.

Seorang Ahli: Apa penjelasannya, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi apa soalnya, Yang Berhormat Sri Gading?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi saya ingin penjelasan apakah kenyataan ini dapat dipertahankan oleh Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang kerana apa yang diungkapkan hari ini bercanggah dengan apa yang sebenarnya telah berlaku pada masa-masa yang lalu. Jadi UMNO tidak ada masalah sekarang untuk berdepan dengan PAS

Seorang Ahli: Sudah hantar suratlah!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini saya mohon penjelasan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Sebenarnya isu muzakarah PAS-UMNO ini sudah lama dan kita sudah menghantar surat rasmi kepada bekas Setiausaha Agung UMNO, dulu dia Setiausaha tapi dia telah kena singkir dan ganti dengan orang lain, kena singkir lagi sekali dan yang ada sekarang ini belum tentu lagi tetapi tidak ada jawapan yang positif seolah-olah UMNO hendak menggunakan isu perpecahan ini, isu pertelagahan ini sebagai bahan untuk mempengaruhi rakyat menimbulkan kebencian rakyat kepada PAS. Tetapi Alhamdulillah walaupun propaganda-propaganda dibuat sepanjang kempen pilihan raya yang lalu, sebelumnya dan selepasnya rakyat tidak lagi dapat dipengaruhi dengan kempen-kempen itu. Rakyat sudah mengenali sikap kita dan rakyat sudah memahami pendirian kita.

Perpecahan di kalangan orang-orang Melayu saya fikir yang paling ketara dalam tempoh terdekat ini bermula dari perpecahan UMNO sesama UMNO. Bermula pada tahun 1987 bila sekarang ini menjadi Ahli Parlimen....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mohon penjelasan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:...Ahli Parlimen bagi Gua Musang mencabar Presiden UMNO pada tahun itu..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak berikan jalan?

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Wakil Sri Gading ini nampak payah faham, setiap kali bercakap dia hendak penjelasan, sepatutnya dia tunggu dulu tetapi tidak apalah saya berilah sebab dia datang jauh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih. Kita sama jauhlah, Pendang pun bukan dekat. Apakah Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang dapat mempertahankan hujah itu bahawa perpecahan dalam UMNO 1987, 1995, 1982, 1986, 1990, 1995 dan 1999, UMNO menang besar. Jadi, jangan heret perkataan dengan perpecahan masyarakat Islam yang berpunca daripada PAS dan dia mengelak daripada hendak mengaku kesalahan itu berpunca daripada PAS tetapi hendak mengalih pula penyakit itu kepada yang tiada kaitan dengan menang kalah UMNO. Jadi ini baling batu sembunyi tangan, saya minta sedikit penjelasan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: UMNO menang besar di Johor tetapi di Kedah, UMNO kalah besar. Terengganu lagi besar kekalahannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ucapan masih panjang lagikah?

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Panjang lagi. Saya baru mukaddimah, Tuan Yang di-Pertua, tetapi gangguan-gangguan sepanjang jalan inilah yang melambatkan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan beri peluang.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Kalau saya tidak beri peluang,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup, saya mencadangkan supaya Yang Berhormat boleh sambung besok.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang

Lampiran

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA

PARLIMEN KESEPULUH

14 FEBRUARI 2000

TITAH UCAPAN

SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XI

SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

*Bismillaahir Rahmaanir Rahim,**Assalamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.**Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat,**Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian.*

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama di Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kesepuluh pada hari ini. Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana keselamatan negara secara keseluruhannya terus berada dalam keadaan aman, stabil dan terkawal. Suasana harmoni dan tenteram ini wujud sebagai hasil dari peranan utama yang digerakkan oleh kerajaan dan juga yang lebih penting lagi oleh rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Beta penuh yakin bahawa dengan keadaan keselamatan yang sedemikian dan kewibawaan kerajaan yang diterajui oleh Memanda Beta Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad maka kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Malaysia akan terus meningkat dan kedaulatan serta maruah negara akan terus utuh dan terjamin dari sebarang ancaman dalam dan luar negara.

Beta berasa amat gembira kerana pilihan raya umum yang baru lepas telah berjalan dengan baik dan teratur. Beta melafazkan penghargaan kepada semua pihak terutama sekali Suruhanjaya Pilihanraya, Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia yang telah menjayakan pilihan raya umum tersebut. Beta mengucapkan tahniah kepada rakyat yang telah keluar beramai-ramai untuk menunaikan kewajipan kepada negara dan menggunakan hak mereka sebagai pengundi.

Beta mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Dewan yang baru dipilih dalam pilihan raya umum yang lepas. Beta berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh ikhlas dan jujur. Selaras dengan peranan dan tanggungjawab wakil yang dipilih rakyat, Ahli-ahli Yang Berhormat harus menunjukkan sifat dan tingkah laku yang setimpal semasa di Dewan yang mulia ini agar nama baik negara tidak terjejas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, seluruh rakyat Malaysia hendaklah bersama-sama kerajaan Beta memperkuat azam mempertahankan kemerdekaan serta kedaulatan negara, terus membangunkan negara, terus memerangi segala bentuk fahaman sempit perkauman dan keagamaan, dan meningkatkan martabat bangsa dan negara agar sentiasa dihormati dan dicontohi dunia, demi menjadikan Malaysia bebas, sepadu dan maju.

Beta amat berterima kasih kepada rakyat yang memberi keyakinan penuh kepada kerajaan Beta untuk mengambil langkah-langkah untuk memulihkan ekonomi. Beta juga amat berterima kasih di atas usaha gigih segenap lapisan rakyat yang bersama-sama dengan kerajaan dalam memulihkan ekonomi negara. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Beta terutamanya melalui pelbagai usaha dan tindakan berkaitan sistem bank telah menghasilkan pemulihan ekonomi. Pemulihan ekonomi negara juga telah memberi peluang kepada sektor swasta melaksanakan kembali peranannya sebagai penggerak ekonomi negara. Langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan yang memperlihatkan ekonomi negara kembali mencatat pertumbuhan yang positif kini diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai sesuatu yang boleh dicontohi. Ini adalah sesuatu yang wajar kita banggakan.

Beta amat berbangga dengan prestasi perdagangan luar negara yang telah mencatat lebihan sejak November 1997. Dalam tahun 1999 prestasi perdagangan luar Malaysia adalah sangat menggalakkan. Hasilnya, Akaun Semasa Imbangan Pembayaran mencatatkan lebihan dua tahun berturut-turut sejak tahun 1998. Justeru rizab luar negara juga telah meningkat dengan ketara. Ini mencerminkan peningkatan daya tahan negara dalam menghadapi sebarang kejutan luar.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sungguhpun Malaysia telah keluar dari belenggu kemelesetan, Beta ingin mengingatkan segenap lapisan rakyat supaya tidak leka dengan prestasi ekonomi yang dicapai pada hari ini. Ini kerana masih wujud risiko-risiko luaran yang boleh menjejaskan ekonomi negara. Seluruh rakyat perlu bekerja lebih kuat bagi meningkatkan lagi produktiviti, menjadikan negara kita lebih berdaya siang dan pada masa yang sama meningkatkan daya tahan negara.

Langkah-langkah yang diambil kerajaan Beta untuk memulihkan ekonomi negara tidak mengorbankan kesejahteraan hidup rakyat. Ternyata langkah-langkah pemulihan tersebut mampu membendung kesan buruk krisis ekonomi dari merebak ke segenap lapisan masyarakat. Hasil dari langkah pantas kerajaan Beta, kadar kemiskinan telah berkurangan dan pendapatan per kapita bertambah baik bagi tahun 1999 berbanding tahun sebelumnya. Laporan Kualiti Hidup Malaysia 1999 juga menunjukkan bahawa krisis ekonomi tidak begitu menjejaskan kualiti hidup warga Malaysia. Malah Indeks Kualiti Hidup Malaysia secara keseluruhannya menunjukkan peningkatan.

Beta berharap agar usaha yang berterusan ditumpukan kepada meningkatkan produktiviti semua sektor dalam ekonomi dan mengenal pasti serta memajukan sektor-sektor baru untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Untuk tujuan tersebut, Malaysia perlu mempercepatkan langkah-langkah ke arah industri berasaskan teknologi tinggi. Para pengeksporth tempatan pula perlu meneruskan usaha mencari pasaran baru bagi produk mereka di samping menggiatkan usaha untuk menghasilkan lebih banyak produk baru.

Dari sudut pembangunan sosial pula, cabang utama ialah mengekalkan perpaduan negara. Ini penting kerana kestabilan sosial menjadi faktor asas dan penentu kepada kejayaan memajukan ekonomi dalam alaf baru. Kerajaan Beta akan memastikan agenda sosial terutamanya usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat terus dilaksanakan supaya lebih ramai rakyat dapat turut serta dalam arus pembangunan ekonomi. Dalam pada itu kita harus gigih memerangi gejala-gejala yang merosakkan perpaduan kaum, sama ada yang menyentuh perpaduan antara kaum mahupun yang berkaitan aqidah dan perpaduan di kalangan orang Islam. Segala yang telah kita capai dan nikmati akan hilang jika masalah ini tidak diawasi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Beta juga bersyukur bahawa dalam keadaan kegawatan ekonomi, keharmonian perusahaan telah dapat dikekalkan di negara kita. Keharmonian perusahaan ini adalah penting untuk menggalakkan suasana

pelaburan. Beta yakin ianya merupakan salah satu faktor positif yang mendorong pemulihan ekonomi negara. Beta mengucapkan tahniah kepada kerajaan, pekerja dan majikan di atas kejayaan ini.

Beta sangat berbangga kerana Malaysia telah berjaya menjadikan sektor pembuatan sebagai peneraju utama ekonomi. Namun, usaha perlu diperhebatkan untuk memesatkan kembali pertumbuhan sektor ini yang telah terjejas ketika kegawatan dahulu. Para pelabur harus mengambil peluang untuk meningkatkan kembali pengeluaran memandangkan ekonomi telah pulih. Dalam melaksanakan usaha tersebut, langkah perlu diambil ke arah menyusun semula sektor ini supaya beroleh teknologi dan nilai yang ditambah. Memandangkan kandungan import barangan modal dan perantaraan adalah besar dan dijangka meningkat dengan pertumbuhan ekonomi yang semakin berkembang, Beta berharap pelabur-pelabur terutama pelabur tempatan akan mengambil peluang ini dan mengeluarkan barangan tersebut. Dalam hubungan ini, keupayaan penyelidikan dan pembangunan perlu dimaju dan ditingkatkan.

Beta bersyukur pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan seperti skim-skim pembiayaan telah berjaya membantu usahawan kecil dan sederhana. Tumpuan akan terus diberi ke arah mewujudkan rangkaian yang lebih teguh dengan industri besar dan di kalangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sendiri. Pembangunan IKS yang moden dan berdaya saing perlu menjadi teras utama kerana usaha ini akan mengurangkan pergantungan sektor pembuatan kepada barangan import, di samping mempelbagaikan asas pasaran antarabangsa. Kerajaan Beta akan terus menyediakan pelbagai sokongan untuk kemajuan teknologi dan peningkatan produktiviti serta kualiti keluaran IKS. Oleh itu, para usahawan kecil dan sederhana perlulah memanfaatkan bantuan yang diberi ini.

Negara juga perlu beralih ke arah menjadikan sektor perkhidmatan sebagai peneraju utama pertumbuhan ekonomi masa hadapan. Sektor-sektor yang dikenal pasti sebagai berpotensi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara ialah pelancongan, pengangkutan udara dan laut, kewangan, perdagangan, pendidikan, kesihatan dan perkhidmatan profesional serta juruperunding. Memandangkan kemajuan sektor ini bergantung kepada tenaga manusia, Beta ingin menyeru pengusaha dan pekerja yang terlibat supaya sentiasa memberi perkhidmatan yang berkualiti dan berusaha meningkatkan kecekapan, kemahiran dan kepakaran.

Beta juga menyeru pelabur tempatan supaya membuka kilang-kilang besar untuk mengeluarkan lebih banyak barangan eksport. Mereka juga perlu berusaha meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos pengeluaran supaya barangan keluaran Malaysia mampu bersaing di pasaran antarabangsa terutama dalam menghadapi proses liberalisasi pasaran yang lebih meluas dengan terlaksananya komitmen di bawah AFTA dan WTO.

Kerajaan Beta akan meneruskan komitmen dan tanggungjawab membasmi kemiskinan rakyat di kawasan bandar dan luar bandar melalui program pembangunan prasarana dan kemudahan asas ke arah meningkatkan taraf dan kualiti hidup. Di samping itu kerajaan Beta akan terus membina keupayaan rakyat supaya mereka mampu membela nasib sendiri dengan apa jua bantuan yang diberikan oleh kerajaan.

Bagi memastikan lebih ramai rakyat mendapat kemudahan asas kerajaan Beta merancang memperluaskan projek bekalan elektrik dan air luar bandar di seluruh negara untuk menambah liputan semasa. Di samping itu, lebih banyak projek jalan luar bandar dan projek jalan kampung akan dilaksanakan bagi kemudahan rakyat jelata. Kerajaan Beta juga akan memberi keutamaan untuk meningkatkan kemudahan perumahan serta persekitaran hidup yang terselamat dan selesa untuk semua rakyat.

Dalam sektor pertanian kerajaan Beta akan mempertingkatkan usaha memodenkan sektor ini dan komoditi selaras dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga. Sektor pertanian amnya dan sektor komoditi khususnya akan terus kekal memainkan peranan utamanya sebagai pembekal bahan mentah kepada industri hiliran negara yang mengeluarkan produk bernilai tambah tinggi, di samping menjadi pembekal bahan makanan untuk kegunaan dalam negara dan juga eksport. Bagi mencapai matlamat ini, strategi pembangunan komoditi akan terus ditumpukan kepada peningkatan produktiviti dan kualiti di peringkat pengeluaran hulu serta pengurangan kos pengeluaran. Dalam pada itu usaha-usaha akan ditumpukan untuk meningkatkan pengeluaran hasil tanaman pekebun-pekebun kecil dalam sektor pertanian yang melibatkan rakyat di luar bandar. Usaha ini akan sekaligus menaikkan taraf hidup mereka.

Kerajaan telah menyediakan kemudahan pengangkutan yang mempunyai rangkaian yang bermutu tinggi setanding dengan negara-negara maju. Kerajaan akan terus meningkatkan pembangunan sektor pengangkutan untuk menjadi salah satu sektor perkhidmatan perantara yang berkembang bagi merangsang dan menyokong pembangunan ekonomi. Pelaburan hendaklah terus dibuat bagi memaju dan memodenkan sistem pengangkutan negara termasuk jalan raya, kereta api, pelabuhan, lapangan terbang dan lain-lain perkhidmatan sokongan.

Di samping menambah kemudahan fizikal dan keupayaan rangkaian infrastruktur, kerajaan Beta juga mengambil langkah untuk membangunkan sistem pengangkutan yang berkualiti tinggi yang dapat meningkatkan produktiviti negara dan selamat untuk digunakan. Dalam pada itu Beta suka mengingatkan pengguna-pengguna jalan raya supaya mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya demi menjaga keselamatan diri. Kehilangan maut atau keupayaan akibat kemalangan jalan raya di negara kita yang amat tinggi merupakan kerugian besar kepada negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam sektor pendidikan, kerajaan Beta akan memantapkan sistem pendidikan negara agar lebih responsif bagi menangani cabaran alaf baru dan mencapai Wawasan 2020. Perubahan-perubahan dalam dasar pendidikan dari peringkat rendah sehinggalah ke peringkat tinggi diperlukan untuk memenuhi keperluan tenaga manusia dan mempercepatkan proses pembangunan negara. Di samping itu, ia bertujuan untuk menyiapkan diri pelajar bagi menghadapi cabaran-cabaran yang lebih kritikal di abad ini. Kerajaan Beta juga akan terus meningkatkan usaha ke arah menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau.

Kepentingan teknologi maklumat (IT) telah dikenal pasti sebagai penjana pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu usaha membudayakan IT akan dilaksanakan dengan mewajib dan menggalakkan pelajar mempelajari IT dan menggunakan IT sebagai alat dalam proses pembelajaran. Pelaksanaan projek sekolah bestari dan perluasan program komputer dalam pendidikan akan melahirkan generasi yang celik IT, berbudaya ilmu, bermaklumat serta bersifat global.

Perkhidmatan kesihatan dan perubahan di negara ini akan sentiasa diperkembang dan dipertingkatkan bagi memenuhi keperluan rakyat. tumpuan akan terus diberi untuk mempertingkatkan tahap kesihatan masyarakat luar bandar, misalnya dengan memberi perhatian yang lebih dalam perancangan dan pembangunan infrastruktur, memperbaiki nisbah di antara pegawai perubatan dan bilangan pesakit dan sebagainya. Perancangan perkhidmatan perubatan dijalankan secara menyeluruh, mengambil kira serta memberi tumpuan kepada penyakit-penyakit utama yang menyebabkan kadar berpenyakit dan kadar kematian yang tinggi. Tumpuan juga diberi kepada golongan yang kurang upaya, warga tua dan pengidap penyakit kronik bagi memastikan mereka mendapat penjagaan berterusan dan menjalani kehidupan berkualiti.

Dalam usaha membentuk sebuah negara yang moden dan progresif di alaf baru, kita tidak seharusnya melupakan usaha untuk memperkukuhkan imej dan jatidiri masyarakat Malaysia dengan meningkatkan kefahaman mengenai kebudayaan. Oleh itu adalah penting bagi kita memupuk di kalangan seluruh masyarakat Malaysia supaya menghargai, memahami dan menghayati pelbagai aspek budaya dan seni negara kita. Budaya bukan sahaja untuk dijadikan tontonan kepada pelancong tetapi harus dihayati sendiri oleh rakyat jelata.

Kerajaan akan terus memberi keutamaan dalam usaha memperlengkapkan golongan belia dengan kecakapan dalam semua bidang termasuk dari segi kemahiran, peningkatan ilmu pengetahuan dan pembentukan usahawan. Di samping itu, penekanan akan terus diberi dalam usaha penerapan nilai-nilai murni dan pembentukan sikap positif dan kreatif di kalangan belia. Adalah penting golongan belia memahami perjuangan bangsa supaya mereka mempunyai perasaan bersyukur dan berterima kasih, di samping melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai warganegara yang cintakan negaranya. Untuk ini usaha untuk memerangi salah guna dadah dan penyakit sosial yang lain perlu dipertingkatkan.

Dalam bidang sukan, kerajaan berhasrat untuk membudayakan sukan di kalangan masyarakat Malaysia di samping mempergiatkan usaha meningkatkan pencapaian negara dalam aktiviti sukan prestasi tinggi di peringkat dunia. Pembudayaan sukan akan memperkukuhkan lagi sistem nilai di kalangan warga Malaysia dari aspek disiplin, perpaduan, rasa tanggungjawab, toleransi, daya tahan dan daya saing sekali gus membina masyarakat yang cergas dan minda yang cergas.

Kerajaan juga memberi perhatian serius kepada program-program yang melibatkan pemeliharaan alam sekitar termasuk memastikan penggunaan sumber asli negara secara mampan. Usaha ini antara lain merangka strategi untuk memelihara dan menggalakkan penggunaan sumber biologiikal negara secara berterusan.

Beta menyeru seluruh rakyat Malaysia terutamanya yang beragama Islam supaya jangan berpecah belah dan sebaliknya kembali mengukuhkan perpaduan ummah. Dengan wujudnya rakyat yang bersatu padu, negara akan aman sejahtera dan pembangunan pesat dapat dilaksanakan. Beta ingin mengingatkan rakyat yang beragama Islam sekalian mengenai ayat Al-Quran yang bermaksud:

"Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cecal hati), sesungguhnya Allah berserta dengan orang-orang yang sabar." (Ayat 46, Surah al-Anfal)

Maka untuk mencapai tujuan perpaduan ini, Beta mengharapkan tidak ada di kalangan rakyat, terutama para cerdik pandai Islam yang sanggup memecah-belahkan ummah dengan melakukan penyalahgunaan ilmu, menyelewengkan tafsiran ajaran agama, menyebarkan kebencian, menghasut, memfitnah, berbohong dan melakukan lain-lain perbuatan keji yang dilarang oleh Islam, semata-mata untuk faedah dan kepentingan peribadi dan kumpulan. Dan Beta berharap agar seluruh rakyat tidak terpengaruh dengan perbuatan-perbuatan yang hina dan keji ini.

Sejak akhir-akhir ini Beta mendapati ada kegiatan yang bercanggah dengan ajaran Islam oleh pihak-pihak tertentu sehingga masyarakat umat Islam menjadi berpecah belah dan keharmonian hidup bernegara tergugat. Perbuatan menyebarkan fatwa-fatwa palsu yang bercanggah dengan hukum Islam dan menyalahgunakan masjid dan surau adalah perbuatan yang keji dan perlu dihentikan serta-merta. Oleh itu, Beta menyeru semua pihak supaya lebih bertanggungjawab bagi memastikan kemuliaan Islam dan kewibawaan umatnya

sentiasa terpelihara. Kerajaan Beta akan mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan bagi memastikan ajaran Islam dapat difahami dan dihayati sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam sendiri.

Beta juga ingin mengingatkan umat Islam di Malaysia supaya mengimbangi amalan fardu ain dan fardu kifayah. Penghayatan dan amalan fardu kifayah menjamin ketahanan ummah dan pembangunan negara. Umat Islam di Malaysia seharusnya melaksanakan tuntutan fardu kifayah untuk memajukan masyarakat dan negara dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, kesihatan, ekonomi, sosial, perniagaan dan keselamatan negara. Kerajaan Beta telah pun meletakkan asas pelbagai program dan aktiviti berkaitan untuk memberi peluang kepada rakyat melaksanakan fardu kifayah. Kerajaan Beta pada alaf baru ini akan terus memperluas semua aktiviti itu seperti sistem kewangan Islam, kemudahan-kemudahan mendakwah, kesihatan dan pendidikan.

Beta amat berbangga dengan tumpuan yang harus diberikan oleh Perkhidmatan Awam untuk meningkatkan kualiti, kecekapan dan kekesan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat melalui pelbagai program pembaharuan pentadbiran. Usaha juga ditumpukan terhadap pemantapan jentera pelaksanaan dan pemantauan projek-projek pembangunan kerajaan. Satu lagi inisiatif terbaru yang amat membanggakan ialah pelaksanaan program Kerajaan Elektronik untuk memenuhi harapan rakyat bagi menikmati pelbagai perkhidmatan dengan lebih cekap dan berkualiti. Beta menyeru kepada seluruh anggota Perkhidmatan Awam supaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan secara profesional dan penuh taat setia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan Beta akan terus memainkan peranan yang aktif untuk mempromosi dan mempertahankan kepentingan negara di peringkat antarabangsa melalui hubungan dua hala dan pelbagai hala, dengan tumpuan kepada usaha menjamin kestabilan dan kemakmuran rantau Asia Tenggara menerusi rangka kerja ASEAN. Sumbangan Malaysia sebagai Ahli Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam usaha menyelesaikan pelbagai isu antarabangsa sepanjang tahun 1999 amatlah membanggakan dan usaha ini akan diteruskan pada tahun 2000. Dalam menyambut cabaran alaf baru, kerajaan Beta akan juga berusaha untuk mempertingkatkan kefahaman terhadap Islam di kalangan masyarakat antarabangsa di samping menyumbang ke arah perpaduan dan kemajuan ummah. Beta harap sumbangan kerajaan Beta di arena antarabangsa ini akan membantu membentuk dunia yang lebih adil, aman dan makmur.

Kedaulatan negara, kebebasan dan kemajuan yang dikecapi kini akan dapat dipertahankan sekiranya kita semua menjalankan tanggungjawab memelihara keharmonian dan keamanan serta membina ketahanan nasional dengan mempertingkatkan semangat perpaduan dan terus berpegang kepada prinsip keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang. Adalah menjadi tanggungjawab bersama rakyat dan kerajaan untuk memelihara kedaulatan negara. Kerajaan Beta juga terus komited ke arah menentukan bahawa hak asasi setiap individu dan kumpulan masyarakat diberi perlindungan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Beta ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia serta Perkhidmatan Awam dalam dan luar negeri di atas peranan yang dimainkan untuk memelihara keselamatan dan kedaulatan negara.

Pilihan raya umum telah pun berlalu dan kini adalah masanya semua rakyat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap pembangunan negara. Rakyat jelata hendaklah mengeratkan hubungan dalam masyarakat dan berbaik-baik di antara satu sama lain walaupun berlainan fahaman politik. Perihal ini

hendaklah dicerminkan melalui kelakuan dan sahsiah yang baik, termasuk tindak-tanduk di Dewan yang mulia ini.

Beta menyeru Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian supaya menjalankan tugas, kewajipan dan tanggungjawab dengan penuh hemah dan amanah demi kepentingan rakyat dan negara.

Akhirnya Beta menyeru semua rakyat menumpukan taat setia kepada negara yang tercinta ini untuk menjamin keamanan dan kemakmuran yang berkekalan.

Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.